

Bil. 83

**Rabu
29 November 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): <ul style="list-style-type: none">■ Kes Demam Denggi Meningkat Mendadak Dalam Tempoh Seminggu - <i>Y.B. Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)</i>	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u>	
<u>Jadual</u>	
Maksud B.42	(Halaman 28)
Maksud B.43	(Halaman 65)
USUL: Anggaran Pembangunan 2007	
<u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.42	(Halaman 28)
Maksud P.43	(Halaman 65)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 65)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. “ Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S.,S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S.(Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M.,D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) – MCA
27. “ Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. ” Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator
16. ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titivangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO

20. Yang Berhormat Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC

58. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. " Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. " Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. " Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. " Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. " Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. " Dato' Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. " Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. " Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. " Dato' Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. " Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. " Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. " Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. " Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. " Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) 54 – UMNO
74. " Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. " Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. " Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. " Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. " Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. " Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. " Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) – UMNO
83. " Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. " Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. " Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. " Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. " Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. " Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. " Dato' Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. " Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. " Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. " Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. " Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO

95. Yang Berhormat Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin bin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 29 November 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan sejauh mana kesungguhan kerajaan dalam mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara di jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1943/67. Ia digunakan sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran negara yang meliputi komunikasi lisan dan penulisan sama ada di peringkat Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Dalam hal ini wajib digunakan bahasa kebangsaan yang baik dan betul dari segi ejaan, sebutan, istilah dan tatabahasa.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan amat prihatin dalam mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian. Kerajaan telah memaklumkan akan langkah-langkah untuk memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu melalui Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006, iaitu langkah-langkah memperkasakan penggunaan bahasa kebangsaan dalam perkhidmatan awam.

Satu Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam telah ditubuhkan bagi melaksanakan dan memartabatkan penggunaan bahasa Melayu di kalangan kakitangan perkhidmatan awam. Penglibatan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Menteri Penerangan dan juga Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam jawatankuasa ini secara langsung akan dapat memastikan bahawa Bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa yang berdaulat.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan juga sentiasa memastikan bahawa Bahasa Melayu diberi keutamaan dalam sebarang perkara berkaitan penggunaannya. Kementerian ini juga menganjurkan pelbagai aktiviti yang memberi pengiktirafan dan galakan kepada penggunaan Bahasa Melayu dengan betul melalui program pembudayaan seperti Kempen Budi Bahasa Budaya Kita, Kempen Membaca Kebangsaan dan pertandingan Kuiz Kebangsaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Satu jawapan yang lengkap tetapi dari segi hakikatnya soal memperkasakan bahasa Melayu ini masih belum sampai kepada matlamat. Negara ini negara Melayu asalnya sebab itu dinamakan Tanah Melayu dan selepas itu Malaysia. Ia duduk di kepulauan Melayu - Nusantara Melayu sebab itu cerdik pandai kita sewaktu menggubal perlembagaan memasukkan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi - bahasa kebangsaan negara ini.

Tidak dipertikaikan pihak kementerian - saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bersungguh-sungguh nampaknya. Tetapi nampaknya selain daripada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan, kementerian-kementerian lain tidak cukup untuk memperkasakan bahasa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam pentadbiran kerajaan umpamanya, apakah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan. Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini soalan, Tuan Yang di-Pertua. Bersabar sikit, Tuan Yang di-Pertua. Pagi-pagi ni sabar sikit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalnya, ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini soalan, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua kata soalan tambahan, saya kata soalan tambahan. Saya menambah soalan.

Saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada negara di dunia macam Malaysia dengan latar belakang bahasa Melayu yang berzaman, kita masih memperjuangkan lagi bahasa ini. Kalau dalam sesetengah perbualan dengan beberapa kawan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jika hendak berucap minggu depan kementerian ini ada peringkat jawatankuasa, Parlimen akan benarkan soalan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, saya minta maaf. Ini tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sebagai cadangan tambahan kementerian boleh menjawab. Saya berterima kasih dengan kementerian ini, Tuan Yang di-Pertua. Sayanglah hari ini hari Rabu, dia bermesyuarat Kabinet. Kalau tidak dia menjawab ini, Tuan Yang di-Pertua, memang cukup cantik jawabannya.

Misalnya dalam jabatan kerajaan, bolehkah ditambah mana-mana kakitangan kerajaan yang hendak naik pangkat buat peperiksaan bertulis bahasa Melayu ini. Kemudian, untuk hendak menggalakkan penggunaannya boleh atau tidak jabatan-jabatan kerajaan melanggan akhbar-akhbar Melayu ini sama ada Utusan Malaysia atau Berita Harian supaya penggunaan bahasa yang betul, dengan ejaan yang betul dan nahu yang betul. Ini boleh dipelajari dari akhbar-akhbar ini.

Kerana saya tengok, kadang-kadang penggunaan ejaan, nahu dan susunan bahasa yang digunakan oleh jabatan kerajaan pun tidak berapa begitu juga dalam pertuturan. Itu satu. Kemudian, kementerian-kementerian lain juga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:tidak berapa berminat hendak menggunakan bahasa kebangsaan ini seperti mana yang disarankan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya haraplah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lailahaillallah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, tidak sukakah hendak dengar soal bahasa ini dan soal yang diperjuangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya kena perlu jaga kepentingan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Ada banyak soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ahli-ahli Yang Berhormat lain pun suka soalan ini, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya, termasuk yang daripada parti pembangkang. Mereka pun mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang jawapan yang baik kita hendak dengar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Takut dia pun tidak faham maksud yang saya soalkan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi saya berterima kasih kepada kementerian ini dan saya harap kementerian ini akan bersungguh-sungguh menekankan keazamannya, iltizamnya dan jangan kalah dengan segala cabaran. Kementerian ini menjadi asas penting

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:dalam memperagakan bahasa kebangsaan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri, fahamkah? Kalau faham, sila jawab.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat faham dan juga jiwa Yang Berhormat bagi Sri Gading iaitu beliau sedar 'Usul menunjukkan asal, bahasa menunjukkan bangsa'. Jadi tahniah kepada semangat Yang Berhormat yang memperjuangkan kedudukan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu di negara kita dan digunakan di dalam semua bidang khususnya di bidang kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, kedudukan bahasa Melayu sudah terjamin sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan tetapi kemerosotan bahasa Melayu terus berlaku khususnya dari segi tahap dan mutu penggunaannya. Saya harap kita lebih gigih lagi dan lebih tekun untuk mengangkat martabat pemakaian bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah dengan tidak ikhlas. [Disampuk] Tuan Yang di-Pertua, dia menyatakan bahasa Melayu lebih baik dipanggil bahasa Malaysia, adalah diberi keutamaan. Tetapi jika kami meneliti nama politik tulang belakang kerajaan, *United Malay National Organization (UMNO)*, *Malaysian Chinese Association (MCA)* dan *Malaysian Indian Congress (MIC)*. Ini semua bahasa Inggeris.

Beberapa Ahli: DAP?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: DAP didaftarkan sebagai Parti Tindakan Demokratik dalam bahasa Malaysia. Tetapi apa yang lebih penting adalah badan kehakiman, Jabatan Kehakiman yang di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Seorang Ahli: Soalan. [Ketawa]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Soalannya adalah Kompleks Kehakiman di Putrajaya, dipanggil *Palace of Justice*. Itu bukan bahasa Malaysia. Kenapa menggunakan *Palace of Justice* tetapi tidak menggunakan Istana Keadilan? Bolehkah saya mendapat penjelasan? Kenapa dipanggil *Palace of Justice*, dalam bahasa Inggeris? Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor. Memang Yang Berhormat memang sudah lama dalam bidang politik. DAP sama juga, 'Destructive Action Party'. [Ketawa] Segala yang dicadangkan dan yang dibuat oleh Barisan Nasional mereka bantah, khususnya ikatan persaudaraan di antara UMNO, MCA

dan MIC. Mereka cuba dengan sedaya upaya untuk memecahbelahkan ikatan persaudaraan ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu Yang Berhormat tarik balik apa yang dia kata tentang DAP, '*Destructive Action Party*'. Kalau begitu MCA, '*Malaysian Crook Association*'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahukah kita sampai ke tahap ini? Mahukah MCA menjadi '*Malaysian Crook Association*'. Kalau mahu kita sama *level*, bolehlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: MIC, '*Malaysian Indian Crook*'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, balik kepada soalan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: '*Money Collecting Agent*'.

Dato' Wong Kam Hoong: Dia yang tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berbalik kepada soalan.

Dato' Wong Kam Hoong: Dia yang tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berbalik kepada soalan, cukup, cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh tarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat pun cakap juga.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, saya kata kalau begitu, saya pun boleh kata begitu. Mahu saya cakap begitu? MIC, apa MIC? '*Malaysian Idiot Association*'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You mustn't object*, kita boleh buat di luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau mahu gunakan di dalam Dewan ini gunakan. Mahu atau tidak mahu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Saya telah minta dia berbalik kepada soalan. Jadi, kita tidak perlu bangkit lagi.

Dato' Wong Kam Hoong: Tengoklah perangai dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat...

Dato' Wong Kam Hoong: *Destructive* atau tidak *destructive*?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mahu lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Crook Association* ada disiplin?

Seorang Ahli: *Crook* atau tidak *crook*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Crookkah*, *crook* ada disiplin. Apa disiplin?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah, duduklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: '*Money Collecting Agency*'.

Dato' Wong Kam Hoong: Baiklah, memang kita *collect* untuk pendidikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Setuju, 'Money Collecting Agency'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Seorang Ahli: Mana jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kerana dia tidak beri jawapan, jadi saya panggil soalan yang lain.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ini macam tidak bolehlah.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai *Palace of Justice*, dia tidak memberi jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah minta dia jawab. Dia tidak....

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bolehkah saya dapat jawapan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh jawabkah?

Dato' Wong Kam Hoong: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, jawablah Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Jadi ini senang sahaja. Bunga ros, apa namanya disebutkan harum juga *so Palace of Justice*, apa hendak bergaduh dengan *Palace of Justice*. Jadi janganlah gaduh dengan *Palace of Justice*. Terima kasih.

2. **Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan mengenai faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan yang sangat ketara di Institut Pengajian Tinggi di mana graduan wanita melebihi graduan lelaki. Apakah langkah yang akan dan sedang diambil oleh kementerian untuk membendung masalah ini?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, program pendemokrasian pengajian tinggi memberi peluang akses yang lebih luas kepada semua lapisan masyarakat untuk meneruskan pengajian mereka selagi mereka berkeupayaan dan berkemampuan. Sementara dasar meritokrasi yang dilaksanakan semenjak sesi akademi 2002/2003 tidak mengambil kira jantina pelajar tetapi berdasarkan kepada pencapaian akademi yang cemerlang dan aktif dalam bidang kokurikulum. Ini bertujuan bagi mewujudkan daya saing yang sihat di kalangan pelajar yang layak, bagi memberi peluang yang saksama kepada mereka ke IPT.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi menyedari bahawa pelajar wanita adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki berdasarkan pengambilan ke IPTA bagi program ijazah sarjana muda lepasan STPM setaraf pada tahun, contoh:

Kemasukan 2004/2005	
Lelaki	Wanita
36%	64%

Kemasukan 2005/2006	
Lelaki	Wanita
34.5%	65.5%

Kemasukan 2006/2007	
Lelaki	Wanita
35%	65%

Kemasukan pelajar wanita adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki, bukan merupakan fenomena yang ketara di Malaysia sahaja, namun turut dialami oleh beberapa negara lain. Contohnya di sini, nisbah kemasukan pelajar lelaki berbanding pelajar wanita:

Negara	Perbezaan
Kanada	1:1.3
UK	1:1.23
USA	1:1.34
Australia	1:1.22
New Zealand	1:1.54
Brunei	1:1.7
Filipina	1:1.3
Arab Saudi	1:1.4
Qatar	1:1.3

Data ini adalah berdasarkan kajian oleh *United Nations Statistics Division*. Faktor ini disebabkan oleh kerana pelajar wanita lebih menunjukkan daya saing yang kuat, mereka lebih cenderung dalam bidang akademik dan pelajar wanita lebih fokus dan lebih jelas tentang hala tuju kerjaya. Bagi mewujudkan keseimbangan jantina keseluruhannya dalam kemasukan ke IPT, maka beberapa langkah telah dan sedang dirancang dan dilaksanakan. Di antara adalah seperti berikut:

- (i) meneruskan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memberi kaunseling mengenai pengajaran dan pembelajaran di IPT pada penuntut-penuntut sekolah supaya mereka membuat persiapan awal dan mereka sedar akan laluan kerjaya yang relevan yang akan mereka hadapi;
- (ii) menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di samping merapatkan lagi usaha sama dengan pihak industri untuk mendapatkan input dan maklum balas mengenai keperluan mengenai kehendak dan cita-cita dalam bidang sosioekonomi dan pekerjaan yang bersesuaian dengan minat dan jantina;
- (iii) kementerian akan meneruskan usaha-usaha untuk mewujudkan suasana IPT yang lebih *conducive* dengan mengadakan pelbagai kemudahan pengajaran dan pembelajaran di samping

melaksanakan aktiviti-aktiviti dan kursus-kursus yang dapat menarik cita rasa jantina.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah berusaha untuk menyeimbangkan antara lelaki dan perempuan kerana ini adalah keperluan kepada negara. Hari ini saya tengok Menteri Pengajian Tinggi tidak datang, daripada Jeli. Saya hendak sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan harimau kerana ini mustahak.

Harimau yang di Jeli ini dia datang ke Kuala Krai. Tahun lepas, dia baham di Kuala Krai pula. Jadi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, ya, betullah. Tetapi yang ini mustahak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tak pakai, tak tepat Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: ...kerana hendak disegerakan. Kita minta Menteri Sumber Asli ini supaya mengambil langkah segera. Kalau tidak dia datang ke Kuala Krai dan Menteri Pengajian Tinggi pun minta saya sebutkan perkara ini kerana begitu mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah, dalam beberapa tahun lepas, ramai penyelidik IPTA tempatan berjaya memenangi pelbagai pingat baik dalam negeri mahupun di luar negeri, contohnya macam di Geneva. Berapa peratuskah yang telah berjaya dipatenkan, dan hasil yang telah berjaya adakah dijanakan pada negara? Ini adalah penting dan kita hendak tahu berapa pula daripada lelaki dan berapa pula daripada perempuan?

Rata-rata ibu bapa menaruh harapan tinggi apabila habis di menara gading, mereka hendak supaya tidak jadi graduan yang menganggur. Apakah langkah di pihak Kementerian Pengajian Tinggi supaya *soft-skill* ini dapat diatasi, kerana mereka apabila ada ijazah dan diploma tetapi *soft-skill*nya kurang? Apakah langkah-langkah di pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengatasi perkara ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Kita memang sentiasa menyedari kewujudan keseimbangan *gender* di antara lelaki dan perempuan di peringkat sekolah dan di peringkat IPT. Untuk soalan pertama tadi, saya hendak berpantun sedikitlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalnya apa Yang Berhormat? Pantun untuk mana?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Untuk jawapan inilah. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]. *Soft-skill, ini soft-skill. [Dewan riuh] [Ketawa]*.

“Dari Kinabalu ke Pulau Labuan,
Mencari makan di Kuala Krai,
Kalau ilmu penuh di badan,
Harimau garang di Jeli tak akan ke Kuala Krai.”

[*Dewan riuh*] [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa penyelidikan menjadi sangat penting dan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai, kita memang membawa sejumlah pensyarah-pensyarah kita yang terlibat dalam penyelidikan untuk mempamerkan kesungguhan, inisiatif dan inovasi mereka di peringkat dunia.

Kita lihat pada tahun lepas, kita telah pun mendapat 88 pingat daripada 102 penyertaan dari semua IPTA kita, di peringkat pameran di Geneva. Di antaranya 27 emas, 35 perak dan 26 lagi gangsa dan pelbagai anugerah khas diraih. Ini menunjukkan bahawa kita bersedia untuk bersaing dalam bidang penyelidikan. Di antara pensyarah-pensyarah yang terlibat di dalam bidang penyelidikan, kebanyakan mereka adalah golongan wanita yang telah pun membangkitkan kesedaran tentang hubungan industri dan juga penyelidikan.

Untuk Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah mempatenkan beberapa produk dan kita telah komersialkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM50 juta dan pada Rancangan Malaysia Kesembilan ini pihak kementerian telah pun diberikan sejumlah RM200 juta Geran Penyelidikan Fundamental yang akan membantu menambahkan nilai lagi penyelidikan-penyelidikan kita terutama sekali untuk kita bersaing di peringkat internasional.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita telah pun menyedari untuk mengangkat martabat pelajar-pelajar kita kemahiran insaniah (*soft-skill*) sangat penting. Untuk makluman Yang Berhormat kita telah pun merangka satu modul *soft-skill* ataupun kemahiran insaniah dan akan dimulakan pada kemasukan pelajar semester kedua ini, Disember 2006. Antara yang akan diberikan penekanan ialah elemen seperti kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan.

Soft-skill ini atau kemahiran insaniah ini sangat penting untuk menjana mahasiswa yang cemerlang, gemilang dan terbilang di peringkat negara dan internasional.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Banyak angka yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, dan saya berpegang kepada angka bukanlah sekadar angka. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan Yang Mulia ini, apakah angka atau nisbah paras bahaya ketidakseimbangan siswa lelaki dan wanita ini dan setakat manakah kementerian akan berusaha ke arah menggalakkan belia-belia lelaki supaya mempunyai kesedaran-kesedaran yang telah pun dipunyai oleh siswi atau wanita sebentar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Satu lagi, satu lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat. Sekarang setengah jam kita belum selesaikan soalan yang kedua. Cukup, Yang Berhormat .

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Satu lagi. Apakah kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memastikan keseimbangan ini berlaku di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa berusaha supaya kita dapat mengesan bagaimanakah jumlah pelajar-pelajar perempuan dan lelaki mendaftar terutama sekali untuk memasuki peperiksaan. Kerana trend-trend menunjukkan bahawa yang mendaftar di peringkat SPM pada tahun 2005/2006 menunjukkan bahawa polanya 60% perempuan dan 40% lelaki.

Ini merupakan bekalan kepada kita di peringkat pengajian tinggi dan trend ini tidak lagi dikatakan berbahaya kerana apa yang kita lakukan ialah untuk menuntut supaya pelajar-pelajar ini menyedari di peringkat sekolah mereka bahawa menuntut pengajian di peringkat tertinggi sangat penting. Justeru itu, satu daripada usaha kita lakukan ialah memastikan minatnya diketahui atau cenderung kepada kumpulan pelajar wanita dan lelaki ini dapat dikenal pasti supaya mereka tidak memilih kursus-kursus ataupun tidak gagal untuk berada di IPT.

Untuk pelajar lelaki, kita mengesan bahawa kebanyakan pelajar lelaki minat untuk masuk dalam bidang kemahiran dan kejuruteraan. Sebab itulah kita dapati di sini di antara 18 buah IPTA, walaupun kemasukan ke IPTA yang bertaraf universiti ramai perempuan, tetapi untuk KUSTEM, KUiTHO, KUTKM, KUKTEM, KUKUM pola menunjukkan bahawa pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan. Di Politeknik serta Kolej Komuniti data menunjukkan bahawa 60% pelajar lelaki dan 40% pelajar perempuan.

Ini menunjukkan bahawa kecenderungan dan kebolehan secara umumnya pelajar lelaki adalah bidang kemahiran dan bidang kejuruteraan serta bidang-bidang yang berkaitan dengan teknikal. Sebab itulah kita mengadakan beberapa ruang kepada pelajar-pelajar lelaki ini untuk mereka terus memasuki ke peringkat yang lebih tinggi dengan mengetahui kerangka kelayakan yang ada kita wujudkan di peringkat kementerian. Terima kasih.

3. **Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Pelancongan menyatakan berapa ramai pelancong yang datang ke Malaysia pada tahun ini dan dari negara manakah mereka datang.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemasukan pelancong asing yang datang ke Malaysia pada tahun 2006, bermula bulan Januari hingga Ogos ialah 11,518,288 orang. Angka ini kalau dibandingkan dengan masa yang sama iaitu bulan Januari hingga Ogos 2005 yang jumlahnya 10,878,740 orang yang telah menunjukkan pertambahan sebanyak 5.9%.

Tuan Yang di-Pertua, 10 buah negara menyumbang pelancong asing yang terbesar pada tempoh bulan Januari hingga Ogos 2006 adalah seperti berikut:

- (i) Singapura – 6,321,188 kalau dibandingkan dengan bulan yang sama pada tahun 2005 turun kepada 1.3%;
- (ii) Thailand – 1,314,632 penambahan 7%;
- (iii) Indonesia – 803,701 penambahan 25.1%;
- (iv) Brunei – 487,245 penambahan 45.7%;
- (v) China – 244,255 penambahan 20.5%;
- (vi) Jepun – 224,098 penambahan 4.1%;
- (vii) Australia – 182,945 penambahan 3.1%;
- (viii) United Kingdom – 167,847 penambahan 4.5%;
- (ix) Filipina – 132,346 penambahan 17.5%; dan
- (x) Korea Selatan – 143,421 penambahan 19%.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya di dalam kita ghairah untuk menarik pelancong ke negara kita, saya percaya kita semestinya memerlukan pelancong-pelancong yang berkualiti tinggi bermakna pelancong yang mampu berbelanja besar di negara kita.

Soalan saya, apakah asas atau kriteria yang digunakan untuk membezakan di antara pelancong berkualiti tinggi atau pun tidak, adakah dari segi jangka masa tinggal atau dikira jumlah perbelanjaan dan sebagainya.

Soalan kedua ialah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah satu sahaja.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Satu lagi, apakah program yang atau promosi yang digunakan untuk memastikan pelancong yang datang adalah pelancong yang berkualiti dan setakat ini adakah pihak kementerian mempunyai angka tentang pelancong yang berkualiti atau yang telah berkualiti yang ada di negara kita. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera yang begitu prihatin dengan isu atau pelancong asing yang datang ke negara kita. Memang dari pihak kementerian memang kita hendak lebih ramai pelancong asing datang ke negara kita dan kita ada sasaran yang besar terutama sekali untuk tahun hadapan '*Visit Malaysia Year*'.

Kita memang hendak menambahkan lebih pelancong asing tetapi kita juga hendak yang berkualiti. Dari segi hendak mengukur kualiti memang bukan senang. Kita hanya boleh dapat angka itu dari mereka yang duduk di hotel-hotel lima bintang dan membeli belah di *shopping center* di

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kualiti tidak pentinglah. Yang penting dia berbelanja [Ketawa].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat jadi menteri bolehkah gunakan itu sebagai jawapanlah.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Memang Yang Berhormat bagi Sri Gading cakap betul. Itulah jawapan [*Dewan riuh*].

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada suatu ketika ini pelancong dari negara Taiwan cukup ramai datang ke Malaysia sebab mereka memang cukup suka Malaysia dari segi cuaca, tempat-tempat peranginan, dari segi harga-harga barangan yang berpatutan dan lain-lain lagi.

Sebab apa sekarang ini kita jarang nampak ada pelancong dari negara Taiwan datang ke sini? Saya difahamkan kalau kita hendak menambahkan lagi pelancong asing datang ke negara kita, kita harus mempunyai sedikit semangat *reciprocity*, dengan izin. Saya difahamkan negara Taiwan telah pun mansuhkan keperluan visa bagi orang Malaysia atau rakyat Malaysia yang hendak pergi ke Taiwan. Sebab apa kita masih memerlukan visa terhadap pelancong dari negara Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai agenda politik, saya juga mengalukan pelancong dari negara China juga. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Alor Star. Untuk makluman Yang Berhormat, angka yang ada di sini ialah untuk tahun ini bulan Januari hingga Ogos, pelancong dari Taiwan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Panjangkah Yang Berhormat?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Sedikit sahaja.... Taiwan iaitu 118,838 orang ada penambahan 6%. Cadangan Yang Berhormat itu memang boleh kita dengar juga tetapi langkah yang baru-baru ini diambil oleh Taiwan, itu langkah baru iaitu rakyat Malaysia tidak perlukan visa untuk pergi ke Taiwan.

Prosedur ini memang prosedur yang sedia ada untuk rakyat Taiwan hendak datang ke Malaysia memang mereka memerlukan visa dan perkara ini kita akan sampaikan kepada Kementerian Luar Negara dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya boleh berbincang dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

4. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut] minta Menteri Pertahanan menyatakan berapakah kos pertahanan dalam menempatkan anggota tentera kita yang bertugas di luar negara termasuk di bawah tentera pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak lima tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Larut, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih. Untuk pengetahuan, semenjak tahun 2001 anggota Angkatan Tentera Malaysia telah

terlibat dalam sembilan misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu di Kosovo, Congo, Sahara Barat, Liberia, Sudan, Burundi, Utopia, Eritrea, Timor Leste dan Haiti. Kesemua misi tersebut kecuali misi di Timor Leste adalah berbentuk pemerhati dan masih diteruskan.

Jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan setakat ini bagi penglibatan anggota tentera Malaysia bagi misi-misi tersebut adalah sebanyak RM4,131,200. Ini meliputi elaun khas dan gejala hidup. Kerajaan juga mendahulukan bayaran elaun misi, elaun pakar, elaun pakaian dan kelengkapan peribadi yang berjumlah RM3,915,306. Amaun ini kemudiannya dibayar balik oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu manakala elaun-elaun hidup dan *mission subsistence allowance* dan tiket penerbangan dibayar terus oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Selain daripada penglibatan dalam misi pengaman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, anggota tentera Malaysia juga terlibat dalam pasukan pemantau antarabangsa seperti di Mindanao, misi pemantau di Aceh dan operasi khas di Timor Leste.

Kos perubatan anggota tentera Malaysia dalam misi di Mindanao setakat ini adalah RM11,723,040 dan ia masih berterusan. Manakala kos penglibatan di Aceh dan operasi khas di Timor Leste adalah RM2,021,280 dan RM8,269,905. Jumlah perbelanjaan ini yang meliputi elaun khas dan elaun gejala hidup adalah ditanggung penuh oleh Kerajaan Malaysia.

Dengan demikian, jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan bagi maksud misi pengaman di luar negara dalam tempoh lima tahun yang lalu adalah sebanyak RM30,060,461.

Ahli Yang Berhormat, penglibatan Angkatan Tentera Malaysia dalam misi-misi pengaman sama ada di bawah naungan Bangsa-bangsa Bersatu atau di luar adalah bagi mendukung dasar luar negara dan dasar pertahanan negara. Ini dilihat mampu menaikkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang sentiasa berpegang teguh kepada prinsip penyumbang ke arah menjaga keamanan sejagat. Walaupun negara membelanjakan sejumlah wang yang besar dalam penglibatan misi pengaman, manfaat yang diperoleh adalah amat besar berbanding pelaburan yang dibuat. Tambahan pula Malaysia sebagai sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa maka penglibatan kita dalam misi-misi ini adalah memberikan kesan yang positif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Kita boleh katakan telah banyak membantu negara-negara yang menghadapi masalah konflik negara Islam. Di mana tentera pengaman kita turut dihantar selain daripada negara-negara bukan Islam umpamanya di Filipina, di Mindanao di atas permintaan daripada negara Filipina itu sendiri dalam menghadapi masalah konflik di sana.

Soalan saya, apakah dalam lawatan yang sedang dilakukan oleh Panglima Tentera Thailand, Jeneral Sonthi bersama-sama dengan para pegawainya yang telah pun menemui Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Dalam hubungan dua hala ini, apakah kemungkinan juga timbul tentang rundingan pihak Thailand, telah pun memohon mendapat bantuan daripada tentera kita untuk sama-sama mengembalikan keamanan di Selatan Thailand? Walaupun Perdana Menteri yang baru telah pun memberi jaminan tentang usaha-usaha untuk menenteramkan keadaan di sana.

Saya amat yakin dan ucap tahniahlah kepada tentera kita yang telah bertugas di luar negara, seperti yang kalau kita dapat kembalikan balik sejarah di mana berlakunya peristiwa pada tahun 1993 Tuan Yang di-Pertua di Somalia. Hendak pergi kepada soalan ini. Soalan yang berkualiti. Iaitu seorang tentera kita bernama Koperal Mat Aznan Awang yang telah berjaya mencederakan sembilan, bersama sembilan orang lagi tercedera di Somalia kerana peristiwa bersama 70 komando renjer Amerika Syarikat di satu kawasan di Somalia yang telah turut terkorban.

Soalan saya apakah bantuan pampasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu boleh dimaksimumkan? Umpamanya selain daripada insurans dan juga pencen yang akan diperoleh oleh mereka barangkali kita boleh memberi bantuan persekolahan sampai ke peringkat pengajian tinggi kepada keluarga yang terlibat, yang telah terkorban ini dan juga memberi perkhidmatan pekerjaan keutamaan kepada anak-anak tentera yang telah berkhidmat di luar negara ini dalam tentera pengaman untuk mendapat jawatan dengan tentera.

Jadi ini sebagai salah satu langkah mungkin untuk mengenang jasa yang tidak ternilai oleh tentera kita ini selain daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kita beli insurans, ada bantuan-bantuan elaun dan kalau boleh selain dari PBB yang turut memberi elaun kepada tentera kita, kita juga turut bagi juga elaun pada masa yang sama. Janganlah PBB yang bagi elaun tersebut tetapi kita tidak bagi. Saya hendak cadangkan di sini kalau boleh kita turut juga memberi elaun yang sama kepada tentera kita yang menjaga kepentingan negara dan juga negara-negara yang telah disebutkan tadi. Terima kasih

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut yang peka dengan masalah dan imbuhan yang patut didapati oleh anggota tentera kita.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan ini, anggota tentera kita yang berkhidmat sama ada di bawah arahan Bangsa-bangsa Bersatu seperti yang terbaru, yang akan kita hantar di Lebanon ataupun yang dipersetujui oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan kerajaan negara yang berkenaan seperti di Mindanao, Timor Leste dan Aceh ada elaun masing-masing. Bagi yang bertugas dengan Bangsa-bangsa Bersatu elaunnya USD128 sebulan, bagi yang bertugas dengan persetujuan Bangsa-bangsa Bersatu dan kerajaan negara berkenaan ialah USD95 sebulan.

Dalam masa yang sama kita juga memberi elaun kepada anggota ini iaitu RM800 sebulan. Itu tambahan dan mereka dilindungi oleh insurans dan selain itu mereka tidak berbelanja makan dengan duit ini, perjalanan pergi balik dengan duit ini tetapi dibelanjakan terus oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Sama ada menaikkan elaun ini adalah menjadi satu tanggungjawab kepada kita di mana yang kita hantar, tetapi kita juga mesti mendapat persetujuan daripada Bangsa-bangsa Bersatu. Dua perbezaan yang telah saya sebutkan tadi. Bagi mereka yang telah berkorban mereka dilindungi oleh insurans dan imbuhan-imbuhan ditetapkan sama ada mereka terkorban di luar negara atau terkorban di dalam negara waktu mereka bertugas, dan waktu mereka ditugaskan adalah mereka dilindungi dengan kemudahan-kemudahan yang ditetapkan oleh kementerian dan pasukan pertahanan di dalam negara ini.

Bagi anak-anak mereka, isteri mereka, mereka juga mendapat pandangan atau perlindungan daripada kemudahan-kemudahan yang telah ditetapkan oleh pasukan tentera yang ada di dalam negara kita. Saya tidak dapat menyatakan bahawa anak-anak mereka adalah dimestikan diterima oleh angkatan tentera sebagai satu imbuhan atas tugas bapa mereka ataupun ibu mereka, tetapi kebiasaan apabila kita memilih anggota tentera kita memberi satu temu duga dan pilihan atas fakta-fakta yang tertentu termasuk kesihatan dan kelulusan.

Kita mengadakan banyak kemudahan kepada rakyat untuk menyertai anggota tentera, tetapi kita juga meningkatkan kelebihan fizikal dan minda anak-anak rakyat Malaysia yang ingin menyertai anggota tentera ini. Dan peluang mereka untuk menyertai anggota tentera tidak menyekat mereka untuk melanjutkan pelajaran, tidak menyekat mereka untuk membuat satu perubahan cara hidup pada masa dalam perkhidmatan (*service*) ataupun setelah perkhidmatan. Ini ruang-ruang yang telah disediakan oleh Kementerian Pertahanan bagi kemudahan dan kelebihan anggota tentera ini.

Dan oleh sebab itulah apabila kita mengadakan pusat latihan, kita mengadakan beberapa *colleagues* kita, Tentera Darat, Laut dan Udara dalam kursus-kursus yang sampai kepada tahap profesional dan kepakaran, kita benarkan anggota-anggota kita mengikuti kursus ini dan mencapai kebolehan mereka masing-masing. Kebanyakan daripada mereka yang telah mencapai ini akan mendapat peluang untuk kenaikan pangkat sekali gus mendapat peluang kenaikan gaji. Dan bagi anak-anak mereka yang ingin mengikuti ini juga kita tidak mengatakan ini satu yang mesti menjadi kebiasaan. Kita

menggalakkan anak-anak anggota tentera menyertai pasukan tentera Malaysia dalam beberapa bidang yang telah disediakan.

Insya-Allah pandangan daripada Yang Berhormat, kita akan sampaikan kepada anggota tentera. Dan tentang penyertaan kita bagi soal penyelesaian keamanan ataupun pemantauan ini seperti yang telah kita adakan di Mindanao, kita adakan di Timor Lestee dan di Aceh, saya sehingga ini tidak dapat ketahui sama ada Jeneral dari Thailand itu telah berunding dengan Perdana Menteri ataupun Timbalan Perdana Menteri untuk penyelesaian di Selatan Thailand. Tetapi sekiranya seperti yang telah saya sebutkan tadi ada diminta dan kemukakan kepada kita, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia sudah pasti ia akan mendapat pengesahan daripada Bangsa-bangsa Bersatu supaya apabila penyertaan kita itu diketahui oleh Bangsa-bangsa Bersatu atau *endorsement* daripada Bangsa-bangsa Bersatu, itu menjadikan kita lebih senang apabila keadaan konflik ini berterusan pada masa yang akan datang.

Sekiranya ia nya tidak, adalah baik dan saya yakin seperti mana anggota tentera kita yang ada, kita biasa menghantar banyak negara dan kita dapat menjalankan khidmat yang cukup baik dan mendapat pujian daripada negara-negara yang telah kita menjalankan khidmat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari kawasan Serian.

5. Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan anggota RELA di seluruh negara dengan memberi pecahan mengikut negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 September tahun 2006, bilangan anggota RELA di seluruh negara berjumlah 463,097 orang. Pecahan bilangan mengikut negeri adalah seperti berikut. Saya akan sebutkan mengikut negeri yang paling ramai anggota RELA:

Negeri		Jumlah
Sarawak	-	61,345 orang;
Sabah	-	49,010 orang;
Pahang	-	48,700 orang;
Perak	-	48,239 orang;
Johor	-	43,419 orang;
Kelantan	-	43,388 orang;
Selangor	-	35,121 orang;
Kedah	-	34,518 orang;
Negeri Sembilan -	-	27,124 orang;
Terengganu	-	22,982 orang;
Melaka	-	14,522 orang;
Wilayah Persekutuan	-	13,128 orang;
Pulau Pinang	-	11,984 orang;
Perlis	-	8,605 orang;
Putrajaya	-	931 orang;
JUMLAH	-	463,097 orang.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peranan yang dimainkan oleh anggota-anggota RELA semakin hari semakin mencabar dan berat. Kalau dahulu anggota-anggota RELA hanya menjadi mata dan telinga kerajaan, kini mereka diberi kuasa untuk menahan atau menangkap pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, tugas menahan pendatang tanpa izin ini berat dan kadang-kadang membahayakan. Contohnya pada bulan Ogos yang lalu, satu pembunuhan ngeri berlaku di kawasan Parlimen saya. Pihak polis dibantu dengan anggota-anggota RELA berjaya menangkap orang yang disyaki membunuh itu iaitu dua orang pendatang tanpa izin hanya seminggu selepas kejadian. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada seluruh anggota RELA yang terlibat di dalam operasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Nanti dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, tak boleh panjang. Masa tak adalah.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Dalam operasi PDRM sehingga tertangkapnya pembunuh-pembunuh itu. Soalan tambahan saya, memandangkan tugas anggota-anggota RELA semakin mencabar dan bertambah berat, adakah kerajaan bercadang untuk memberi elaun kepada mereka dan juga memberi pakaian seragam percuma.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Akan dikaji. *[Ketawa]*.

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]: Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini anggota RELA adalah rela. Mereka bertugas secara sukarela dan pihak kerajaan telah pun memberi bantuan kepada mereka dari segi penyediaan pakaian seragam untuk ahli-ahli atau anggota RELA yang aktif. Dan setiap tahun kita membekalkan sepasang pakaian dan kerajaan bercadang untuk menambah sepasang lagi uniform kepada anggota RELA yang aktif. Kita akan beri kepada yang aktif (*active members*). Kemudian dari segi elaun, kita akan bayar elaun kepada anggota RELA yang menghadiri kursus di pusat-pusat latihan. Dalam operasi biasa mereka adalah menjalankan tugas secara sukarela. Terima kasih.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat bahawa pasukan RELA ini memang satu pasukan yang dihormati dan boleh memainkan peranan yang penting untuk membantu dalam keselamatan negara kita. Jadi kita lihat baru-baru ini ada satu rompakan telah berlaku di gudang MAS Kargo di Pulau Pinang di mana perompak-perompak ini memakai pakaian RELA. Jadi, saya rasa ini satu perkara yang agak membimbangkan kerana dia telah menjejaskan nama baik RELA ini. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa RELA ini tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak? Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai. Dalam kes rompakan di Batu Maung, perompak-perompak telah menyamar dengan memakai pakaian RELA. Jadi pakaian RELA ini boleh didapati di mana-mana kerana warnanya itu biasa. Jadi mereka boleh buat sendiri. Namun begitu, kita bersyukur kerana dalam kes tersebut tidak ada anggota RELA yang terlibat. Jadi, dalam menentukan penyalahgunaan kuasa dan sebagainya di pihak anggota RELA, insya-Allah dari masa ke semasa kerajaan sentiasa memberi perhatian, latihan dan bimbingan dan juga mereka sentiasa didisiplinkan dan setakat ini saya boleh nyatakan bahawa tahap disiplin di kalangan anggota RELA adalah tinggi dan baik. Terima kasih.

6. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah IPTA di bawah kementerian mempunyai hasrat dan minat untuk melatih graduan dalam bidang Sastera dan Kemanusiaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, dasar sedia ada dalam pengambilan pelajar ke IPTA adalah 60% untuk bidang Sains dan Teknologi dan 40% bagi bidang Sastera termasuk bidang Sastera Ikhtisas. Kementerian ini berpandangan bahawa dasar tersebut adalah relevan dengan keperluan semasa dan tidak berhasrat untuk mengubahnya pada masa terdekat ini. Kementerian juga yakin bahawa bidang Sastera dan Sains Kemanusiaan tidak akan dipinggirkan oleh IPTA dan Kementerian Pengajian Tinggi. Memandangkan kepentingannya yang besar terhadap pembangunan negara dengan izin *nation building*.

Selain daripada menjadi pusat pengembangan ilmu pengetahuan, fungsi utama IPTA pada masa kini adalah untuk mengeluarkan siswazah yang berkualiti, mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi serta mampu untuk berdaya saing dalam dunia kerjaya yang lebih mencabar. Oleh itu, program-program yang ditawarkan oleh IPTA sentiasa dikemas kini dan ditambah nilai supaya siswazah yang dilahirkan dapat memenuhi keperluan kepakaran serta tenaga kerja masa depan.

Melihat kepada perkembangan ini, program-program Sastera dan Sains Kemanusiaan yang ditawarkan di IPTA boleh ditambah nilai dengan memasukkan komponen-komponen penyelidikan, pengurusan dan keusahawanan. Selain itu IPTA juga melengkapkan graduan Sastera dengan pengetahuan ICT. Kewujudan institut serta pusat-pusat kecemerlangan dalam bidang Sastera dan Sains Kemanusiaan di IPTA juga jelas menunjukkan komitmen kerajaan untuk terus memberi perhatian terhadap aktiviti-aktiviti pendidikan dalam bidang Sastera dan Sains Kemanusiaan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Pengajian Tinggi. Cuma apa yang saya nak bangkitkan di sini ialah dari segi perangkaan 60 – 40 sudah membayangkan, mencerminkan kepada kita bahawa bidang Sastera dan Kemanusiaan maksud saya ialah *Arts and Humanities* sudah pun secara automatik dianaktirikan. Apatah lagi dalam *research*, apatah lagi untuk menggalak pensyarah-pensyarah muda dalam bidang ini juga tidak kelihatan diperlihatkan oleh pihak kementerian, kesungguhan maksud saya. Kalau kita lihat dulu sebelum ini dibuat *ranking* antarabangsa mengenai dengan universiti-universiti, kita dapati buat satu masa Universiti Malaya telah pun kedudukan dia ke atas daripada 100 dalam bidang Sastera dan Kemanusiaan.

Tuan Pengerusi pada hari ini kalau kita lihat tidak ada peruntukan yang besar bagi sastera dan kemanusiaan dan begitu juga kalau kita kata beri tumpuan kepada sains, saya tidak nampak juga hasil ataupun produk daripada universiti-universiti tempatan apatah lagi dalam pekerjaan penuntut sains pun tidak dapat kerja. Jadi, kalau begitu, kenapa tidak kita tambahkan perangkaan ini menjadi 50-50 yang mana wang perbelanjaan daripada segi *research* perlulah dan mesti ditambah kalau tidak macam kita kata dalam bidang bahasa pun kita tidak ada. Dalam bidang geografi kita tidak ada, dalam bidang-bidang yang lain yang saya tidak mahu sebut, kita tidak dapat hasil dia akhirnya. Sains pun tidak dapat hasil, sastera pun tidak dapat hasil.

Jadi, bagaimana sekarang ini soalan saya ialah *research* ataupun pembiayaan mengenai dengan *research* kita dapat ketahui bahawa universiti pun tidak banyak mengeluarkan hasil dapatan mereka sebab tidak ada galakan daripada kementerian sendiri apatah lagi untuk menghasilkan tulisan-tulisan yang baik daripada bidang sastera dan kemanusiaan, terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat, dalam kita meningkatkan bilangan kemasukan pelajar ke IPTA dalam bidang sains dan teknikal pada kadar 60%, ianya dibuat kementerian setelah kajian yang teliti dilakukan menunjukkan bahawa sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan mengindustri, Malaysia akan terus memerlukan graduan yang terlatih dalam bidang sains dan teknikal. Dasar ini dibuat setelah mengkaji pengalaman yang dilalui oleh negara-negara lain di dunia yang telah pun berjaya menjadi negara maju. Justeru itu kita mengekalkan dasar 40% sastera dan kemanusiaan dan 60% sains dan teknikal.

Walau bagaimanapun, tidak perlu bimbang kerana apa yang kita lakukan pada hari ini ialah graduan yang menerima ijazah bidang-bidang selain daripada sastera dan kemanusiaan akan juga menerima impak dalam bidang sastera dan kemanusiaan dengan mereka mengambil elektif program dalam kursus-kursus mereka. Contoh, kurikulum dalam bidang sains dan teknikal, mereka menyerapkan juga dengan bidang-bidang yang ada kaitan dengan sains sosial seperti pengetahuan tentang kehidupan masyarakat budaya sejarah, hubungan antarabangsa psikologi komunikasi media dan sebagainya dan ini untuk membantu menjana sumber manusia ataupun *human capital* yang berkeupayaan, berinovasi.

Mengenai penyelidikan, saya tidak nafikan bahawa bidang sastera juga menyumbang pada penyelidikan yang tersohor di dunia pada hari ini kerana kita dapati dari analisis *Time: Higher Education* disiplin sastera dan kemanusiaan, Universiti Malaya terletak dalam *ranking* ataupun kedudukan 45 pada tahun 2005 dan disiplin sains sosial sendiri ada peningkatan di mana tahun 2005, Universiti Malaya duduk dalam kedudukan 82. Pada tahun ini 2006, dia duduk dalam kedudukan 49 menunjukkan bahawa penilaian rakan sekepakaran dan juga penerbitan telah menjadi markah yang tinggi untuk menilai bahawa bidang sastera dan kemanusiaan tidak dipinggirkan. Ini terbukti juga dengan di mana kita telah pun dapat mengeluarkan sejumlah 29 penyelidikan di peringkat Universiti Malaya dan juga penyelidikan lain dalam bidang sains sosial lima tahun kebelakangan ini berjumlah 149 dan penerbitan juga sebanyak 622 penerbitan dalam lima tahun kebelakangan ini. Ini menunjukkan bahawa kerajaan *commit* ataupun bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa bidang sastera dan sains sosial ini terus dimartabatkan dan dimantapkan lagi, terima kasih.

7. Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah terdapat skim khas untuk membantu pasukan keselamatan kita yang tamat perkhidmatan dan masih berkhidmat, mendapat kelebihan dari segi pembelian rumah, memandangkan jasa mereka menggadai nyawa untuk negara dan kesejahteraan umum.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kini pihak kementerian saya tidak menyediakan satu skim khas bagi membantu pasukan keselamatan untuk membeli rumah. Walau bagaimanapun, melalui sistem pendaftaran terbuka (SPT) bagi rumah kos rendah yang dikendalikan oleh semua Kerajaan Negeri. Kerajaan telah menyediakan skim pemarkahan yang memberi kelebihan kepada pemohon-pemohon yang merupakan anggota kerajaan termasuk polis dan tentera untuk membeli rumah kos rendah. Melalui sistem tersebut juga, maka tambahan diberikan kepada anggota keselamatan yang telah menamatkan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang diambil kira dari segi pemarkahan untuk membeli rumah kos rendah ialah pendapatan isi rumah, tanggungan taraf kediaman, tempoh mendaftar dan maklumat kecacatan ahli keluarga.

Bagi anggota tentera, Lembaga Tabung Angkatan Tentera memberi keutamaan kepada anggota tentera untuk membeli rumah yang dibangunkan oleh lembaga tersebut dari masa ke semasa. Di samping itu Koperasi Polis juga terus memberi keutamaan kepada anggota polis dan pesara polis untuk membeli rumah yang dibangunkan oleh koperasi tersebut secara usaha sama dengan pihak swasta, sekian.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Yang Berhormat, kurang elok jika kita lihat siapa tinggal di rumah setinggan ataupun rumah haram yang tidak sebegitu rupa tambah sekali orang yang telah menggadai nyawa mereka untuk negara dan keselamatan umum. Soalan tambahan saya ialah adakah satu perancangan akan dibuat oleh kementerian Yang Berhormat dengan kementerian-kementerian lain ataupun dengan juga institusi-institusi bank untuk memudahkan bekas-bekas tentera atau polis untuk memastikan mereka dapat memiliki rumah yang lebih sesuai selepas mereka bersara dengan cara bayaran yang mudah. Maknanya sekiranya orang awam lain dapat pinjaman

yang boleh dibayar dalam 10 tahun, mereka ini boleh dibayar di dalam 15 tahun atau 20 tahun tanpa kira umur beliau. Dengan cara ini bekas-bekas tentera dan polis pun dapat merasai yang pengorbanan mereka untuk negara ini dihargai oleh semua lapisan masyarakat, terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Yang Berhormat bagi Arau yang begitu prihatin tentang kepentingan rakyat khususnya anggota tentera dan polis. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian saya mempunyai dua skim untuk memberi rumah kepada orang setinggan iaitu melalui Program Perumahan Rakyat (PPR). Mereka boleh mohon dan ini hanya sewa, ini bukan untuk beli, sewa hanya sebulan RM124, ini adalah untuk mereka yang tinggal setinggan. Tentang bantuan kepada pembeli rumah kos rendah, kementerian saya sedang mewujudkan satu skim pinjaman rumah kos rendah iaitu bapa dan anak mereka boleh bersama terlibat di dalam satu perjanjian peminjam *housing loan* ataupun pinjaman rumah supaya bayaran ansuran boleh dipanjangkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat kepada mungkin 20 tahun 30 tahun di dua generasi, itu supaya mereka bayar, walaupun bapa sudah tua tetapi disambung oleh anak mereka, sekian.

8. Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian menggunakan guru sementara tidak terlatih di sekolah-sekolah di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak masih mengambil Guru Sandaran Tidak Terlatih atau secara ringkas GSTT untuk mengajar di sekolah-sekolah di Sarawak. Pada tahun 2006, seramai 376 orang GSTT sedang berkhidmat di sekolah menengah dan seramai 146 GSTT sedang berkhidmat di sekolah rendah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pengambilan GSTT di negeri Sarawak dijangka akan berkurang pada awal tahun 2007 dengan penempatan guru baru lulusan Kursus Diploma Perguruan Malaysia atau KDPM dan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah ataupun KPLI. Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat [Saratok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dalam masa dua hari iaitu semalam dan sebelum itu, kita berbincang banyak sangat tentang mutu pendidikan kita di Malaysia dan khasnya di kawasan luar bandar di Sarawak. Hari ini, kita didedahkan bahawa masih lagi kita menggunakan guru yang belum terlatih di situ walhal seperti di kawasan saya banyak guru-guru cemerlang kita daripada sekolah rendah dahulu, guru besar yang cemerlang dan guru-guru lain yang baru bersara. Apa salahnya kementerian mengambil balik mereka supaya mengajar selama dua tahun kah, tiga tahun ataupun setahun.

Mereka ini adalah terdiri daripada mereka yang terlatih dan juga fasih dalam bahasa Inggeris dan kalau kita kesuntukan guru dalam Bahasa Inggeris di sekolah rendah, apakah salahnya kita mengambil mereka ini. Dasar mana yang digunakan oleh kementerian untuk mengambil guru yang tidak ada satu hari latihan pun untuk mengajar murid-murid ini. Jadi kalau begini, standard ataupun taraf pendidikan kita mungkin akan merosot lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu adalah satu cadangan yang baik daripada Ahli Yang Berhormat. Sekarang pun kita memang guna pakai guru-guru pesara kita melalui Skim Simpanan Guru ataupun Bank Guru di mana guru-guru bersara akan menawarkan perkhidmatan mereka. Tetapi buat masa ini, Kementerian Pelajaran terpaksa menggunakan guru-guru sandaran tanpa terlatih di Sarawak kerana masa pertukaran guru yang dilaksanakan adalah dua kali setahun iaitu pada bulan Januari dan juga pada bulan Jun. Apabila kekosongan ini timbul, kami terpaksa cuba mengisi jawatan tersebut.

Kita juga mengalami persaraan guru yang berlaku sepanjang tahun dan bukan semua guru yang bersara mahupun melanjutkan perkhidmatan beliau. Walaupun mereka ingin meneruskan khidmat mereka, ada kalanya mereka enggan untuk berkhidmat di

kawasan-kawasan luar bandar khususnya di kawasan pedalaman. Juga kita dapatkan guru-guru yang terus melanjutkan pelajaran lebih daripada setahun. Jadi untuk atas sebab-sebab ini, kementerian masih lagi menggunakan khidmat guru-guru sandaran tidak terlatih tetapi kami berusaha untuk mengadakan program-program lain seperti Kursus Diploma Perguruan dan kami berusaha untuk mengisi semua jawatan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bertanya di sini, adakah istilah *nomenclature* doktor sementara tidak terlatih. Tetapi kita ada Guru Sandaran Tidak Terlatih. Guru adalah membina akal, membina minda, membina *spiritual* dan membina segala macam pembangunan modal insan ini. Saya rasa tidak adil kita memiliki *nomenclature* Guru Sementara Tidak Terlatih. Saya ingin mencadangkan supaya kita hapuskan langsung konsep dan *nomenclature* Guru Sandaran Tidak Terlatih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, yang saya difahamkan oleh sementara adalah guru-guru yang belum lagi mendapatkan jawatan tetap. Kami memang menghargai jasa semua guru dan kementerian juga memberikan beberapa peluang untuk guru-guru sandaran tidak terlatih tetapi yang berkelayakan untuk mengikuti pelbagai program-program latihan supaya mereka ini dapat di *absorbs* dengan izin, untuk dapatkan jawatan tetap. Di antara skim-skim yang ditawarkan oleh kementerian melalui KDPM:

- (i) Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS);
- (ii) Mode Kursus Dalam Cuti (KDC);
- (iii) Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI), Mode LPBS;
- (iv) Program Ijazah Sarjana Muda Pengajaran (PISMP)

Tidak terlatih ini tidak bermakna bahawa guru-guru ini tidak mempunyai apa-apa latihan. Mungkin mereka ini mempunyai ijazah ataupun ijazah sarjana muda. Cuma mereka ini tidak terlatih dalam bidang pedagogi. Jadi itulah fahaman saya berkenaan dengan *nomenclature* Guru Sandaran Tidak Terlatih. Terima kasih.

9. Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan lebih terperinci mengenai Pelan Tindakan Lima Tahun yang dicadangkan oleh PDRM dan sejauh manakah pelan ini dapat meningkatkan kecekapan serta imej pasukan polis yang terjejas teruk sebelum ini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Pelan Tindakan Strategik Lima Tahun ini adalah untuk menjadikan pasukan PDRM sebagai agensi penguatkuasaan utama yang berintegriti, kompeten dan komited untuk bekerja dengan masyarakat. Elemen-elemen ini akan mengukuhkan peranan PDRM dalam mendaulatkan undang-undang demi mengekalkan keamanan dan ketenteraman serta keselamatan negara ini. Untuk mengekalkan pengiktirafan dan penghormatan komuniti masyarakat kepada pasukan, pelan ini telah dibentuk ke arah menjadikan setiap pegawai polisnya berintegriti, kompeten dan komited untuk bekerjasama dengan masyarakat bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pasukan selaras dengan inspirasi dan ekspektasi masyarakat. Objektif pelan tindakan ini telah digariskan seperti berikut:

- (i) bagi memantapkan integriti pegawai polis;
- (ii) mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- (iii) menangani masalah peningkatan jenayah dan menghilangkan kebimbangan masyarakat mengenai jenayah.

Sehubungan dengan itu, pelbagai projek akan dijalankan oleh pasukan melalui Pelan Tindakan Strategi Lima Tahun bagi meningkatkan kecekapan serta imej pasukan yang melibatkan tindakan seperti:

- (i) menyusun dan menstrukturkan semula organisasi PDRM mengikut keperluan semasa;
- (ii) memantapkan struktur, sistem dan proses kerja pengurusan integriti PDRM;
- (iii) meningkatkan keupayaan pencegahan jenayah dengan memperbaharui sistem yang sedia ada dengan melibatkan tanggungjawab agensi-agensi kerajaan, NGO, Persatuan Rukun Tetangga dan masyarakat umum bersama dengan pelbagai program;
- (iv) mempergiatkan lagi penggunaan teknologi dan ICT yang bersepadu seperti C4I dan E-Sector dalam mencegah dan mengesan jenayah bagi mewujudkan rasa selamat di kalangan komuniti masyarakat;
- (v) melipatgandakan usaha pencegahan penyeludupan dan mencegah penyalahgunaan dadah;
- (vi) meningkatkan kompetensi dan profesionalisme pegawai polis melalui usaha melipatgandakan latihan dalam perkhidmatan dan perkembangan pendidikan lanjutan; dan
- (vii) meningkatkan infrastruktur serta pemodenan kemudahan peralatan PDRM di peringkat IPD dan balai polis dengan sokongan logistik oleh pihak kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kecekapan PDRM dalam menangani masalah jenayah di negara ini tidak boleh hanya bergantung kepada PDRM sahaja. Malahan ini perlu kepada pendekatan bersepadu oleh semua agensi penguat kuasa orang perseorangan dan juga masyarakat secara keseluruhan yang melibatkan diri secara aktif di atas kepentingan persekitaran komuniti masyarakat itu sendiri. Ini melibatkan dasar-dasar pembangunan negara, perancangan bandar dan desa, pendidikan, kegiatan sosial, keluarga dan sebagainya.

Kesimpulannya PDRM telah meletakkan sumber manusianya sebagai teramat penting untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat melalui pengukuhan integriti, kemudahan dan kebajikan serta sokongan logistik yang berasaskan teknologi dan ICT. Namun kerjasama dengan keseluruhan masyarakat adalah nadi kejayaan PDRM. Maka dengan pemahaman, sokongan dan kerjasama masyarakat, kecekapan dan imej PDRM akan terus meningkat untuk menjamin peranan PDRM sentiasa relevan dengan ekspetasi masyarakat dan dihormati. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Petra Jaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mendengar pada jawapan tadi saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian kerana begitu komited untuk menambah baik perkhidmatan ataupun ICC (*Integrity, Competence and Commitment*) polis kepada perkhidmatan keselamatan negara kita.

Cuma saya ingin melihat daripada tindakan susulan ataupun tindakan lanjut daripada inisiatif-inisiatif yang telah diumumkan tadi. Apakah kayu pengukur ataupun mekanisme untuk kita memastikan apa yang dirancang atau strategi yang kita susun tadi

akan tercapai. Sebab kita masih mendengar rungutan daripada orang ramai terutamanya berkaitan dengan *respond time*. Kalau berlaku satu kejadian jenayah ada laporan dibuat *response time* masih lambat untuk polis mengambil tindakan daripada laporan tersebut. Misal kata ada berlakunya kes pecah rumah jadi dilaporkan pagi petang baru pegawai penyiasat datang jadi ini menyebabkan *evidence* yang berlaku di tempat kejadian boleh terganggu. Jadi ini akan menyebabkan proses penyiasatan tercemar. Jadi ini masih ada rungutan di peringkat bawahan.

Jadi sebab itu saya rasa amat penting untuk kita ada satu kayu pengukur dan kaedah untuk mengukur apa yang dirancang itu akan dapat tercapai dalam jangka masa pendek sederhana dan panjang. Jadi apakah mekanisme yang disediakan oleh kerajaan atau Kementerian untuk memastikan pencapaian apa yang dirancang oleh pihak Kementerian. Kedua, *connotation*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab ada soalan lain lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Cuma berkaitan imej polis kalau kita lihat apa yang dijalankan sekarang ialah kempen 'Saya Anti Rasuah'. Ini *connotation* nya berkaitan dengan satu yang negatif adakah Kementerian atau Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pandangan untuk mengubah kempen ini kepada 'Saya Berkhidmat Untuk Anda' maknanya berkhidmat untuk anda. Polis memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat kita. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, PDRM memang sentiasa memantau dan memastikan anggotanya menjalankan kerja dengan cekap dan mematuhi semua piagam pelanggan yang telah ditetapkan. Misalnya dalam aspek *response time* PDRM telah tetapkan di mana jika telah terlaksana Rakan Cop dan ada kelengkapan yang mencukupi maka *response time* nya tidak boleh melebihi daripada 15 minit.

Tetapi kadang-kadang *response time* bergantung kepada situasi yang semasa itu misalnya kalau semua kereta ronda telah berada di merata tempat mungkin ada kadang kala mungkin lambat datang. Walau bagaimanapun itu tidak boleh diterima tetapi ada tempat-tempat di mana kita telah pun menambah bilangan kereta peronda, bilangan anggota dan juga telah melaksanakan Rakan Cop, *response time* adalah amat menggalakkan. Misalan di Kuala Lumpur rekod kita ialah puratanya dia boleh sampai ke tempat kejadian jenayah dalam masa tempoh 12 minit.

Saya tidak menafi mungkin ada juga anggota yang apabila diberitahu berlaku sesuatu jenayah ada yang tidak mengambil tindakan segera. Tetapi kalau ada kes-kes itu dan kita ada terima aduan daripada orang awam sudah tentu pihak PDRM akan ambil tindakan terhadap anggota tersebut. Dan mengenai dengan cadangan perlukah pada cogan kata "Berkhidmat Untuk Anda" itu adalah satu cadangan. Tujuan adakan cogan kata antirasuah adalah patut dilihat dari segi positif mengingatkan anggota dan juga orang ramai jangan melibatkan dalam aktiviti rasuah ini dan ini adalah niat baik dan tidak perlu dianggap dari segi positif. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah capai taraf dunia dalam bidang jenayah dengan perkembangan sensasi baru-baru ini pembunuhan wanita Mongolian meletupkan mayatnya dengan C4 melibatkan Pasukan Tindakan Khas yang tugas untuk menjaga keselamatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Dan baru-baru ini dengan pembebasan Abdul Razak Baginda RM1 juta bon tanpa *security* dan pun bahawa *grand microchip robbery* RM50 juta. Dalam perkara semacam ini dan di mana keselamatan rakyat pun tidak dijamin di mana mereka sudah hilang kebebasan *free from crime and the fear of crime*. Bukankah masa sudah sampai

supaya polis memulihkan keyakinan orang ramai dalam membanteras *crime* khususnya apabila ada kenaikan *crime index*, *crime index* lebih serius.

Dan dalam rancangan pelan tindakan lima tahun pun Yang Berhormat kata bahawa tidak boleh bergantung kepada polis untuk selesai masalah, *law and order* perlu *committee*, betul. Kalau begitu kenapa rancangan pelan tindakan lima ini tidak di bentang dalam Parlimen supaya diperbahaskan oleh Ahli-ahli Parlimen menunjukkan kita serius mengenai komuniti-komuniti dan *police policing*. Semua tidak berminat khususnya kenapa sampai sekarang IPCMC belum ditubuhkan.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua bukan semua pelan kerja oleh semua jabatan kerajaan perlu dibentangkan dalam Parlimen. Kalau Yang Berhormat jujur dalam membantu bila pihak polis sudah umum pelan tindakan ini semua Ahli Parlimen boleh memainkan peranan. Misalnya mengadakan sesi dialog, mempublikasikan skim Rakan Cop, menggalak rakyat menyertai Rakan Cop. Tidak semua perlu pelan kerja kena dibentangkan dalam Parlimen itu cara yang positif dan cara yang *constructive*.

Jadi IPCMC saya rasa sudah banyak kali dijawab di sini, sudah empat kali lima kali jawab di sini. Saya pun telah jawab dalam ucapan penggulungan Yang Berhormat dalam satu ucapan penangguhan. Bahawa AG masih dalam peringkat mengkaji rang undang-undang menubuhkan IPCMC. Sebab segala penggubalan akta kita perlu pastikan ia tidak bertindih dengan lain-lain agensi yang ada seperti Pengaduan Awam, seperti Jawatankuasa Tatatertib dan sebagainya. Dan segala undang-undang baru yang di wujud tidak boleh bercanggah dengan lain-lain undang-undang yang sedia ada. Kalau tidak mungkin dia tidak dapat dilaksanakan dan mungkin akan timbul masalah di mahkamah. Jadi saya harap Yang Berhormat boleh sabarlah. Itu adalah persetujuan kerajaan. Sekian terima kasih.

10. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] minta Menteri Pelajaran menyatakan unjuran bagi pertumbuhan murid-murid dan keperluan guru-guru bagi setiap negeri mulai tahun 2000 hingga sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua berdasarkan *enrolment* di sekolah rendah dan menengah Kementerian Pelajaran dalam tempoh 2000 hingga 2005 pertambahan murid adalah seperti berikut. *Enrolment* sekolah rendah telah meningkat daripada 2.93 juta murid pada tahun 2000 kepada 3.14 juta murid pada tahun 2005 iaitu peningkatan sebanyak 7% dalam tempoh lima tahun. Bagi sekolah menengah pula *enrolment* telah meningkat daripada 1.99 juta murid pada tahun 2000 kepada 2.22 juta murid pada tahun 2005 iaitu peningkatan sebanyak 11% dalam tempoh lima tahun. Bilangan guru bagi tahun 2000 ialah seramai 267,016 bagi sekolah rendah dan menengah.

Bagi tahun 2005, bilangan guru telah bertambah kepada 326,934 iaitu meningkatkan sebanyak 22.4%. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bilangan keperluan guru untuk setiap negeri sehingga tahun 2006, menggunakan norma perjawatan 1.5 N, di mana N itu merujuk kepada bilangan kelas yang akan dibuka pada tahun tersebut. Walau bagaimanapun, mulai tahun hadapan, iaitu tahun 2007, Kementerian Pelajaran akan menggunakan norma perjawatan baru iaitu 1.7N bagi sekolah rendah dan menengah. Norma perjawatan baru ini akan menambahkan keperluan bilangan guru di sekolah-sekolah. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Hari ini, kita tengok permohonan untuk pertukaran guru antara negeri khususnya ke negeri Kelantan. Hari ini, boleh dikatakan beribu orang guru memohon untuk memasuki negeri Kelantan. Apakah kerajaan boleh menerima cadangan supaya guru yang banyak daripada negeri Kelantan yang bertugas di luar ini dapat balik ke negeri Kelantan dengan membina banyak sekolah SBP, sekolah berasrama penuh di negeri Kelantan. Ini untuk memenuhi keperluan dan juga untuk memenuhi permintaan untuk pertukaran guru dari luar-luar negeri khususnya negeri Kelantan untuk balik ke negeri Kelantan. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan sentiasa berhasrat untuk mengimbangi kebajikan guru dan juga kebajikan pelajar. Buat masa ini, penempatan guru adalah berdasarkan kepada keperluan jawatan, kemudiannya keperluan jawatan perkhidmatan dan kemudiannya mengikut keperluan opsyen. Buat masa ini, itulah asas penempatan guru. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah masa untuk soal jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di bawah Peraturan 26(1)(p), mengenai kebebasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 26?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 1(p). Mengenai kebebasan apabila ia berlaku untuk merujuk Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan. Oleh sebab beliau semalam sudah memesong Dewan yang mulia ini. Apabila dia menjawab mengenai perkara yang saya tidak ada bangkit, bahawa adalah Sekolah Rancangan Khas (SRK), di mana untuk memasukan murid-murid ke tingkatan satu tahun 2007, perlulah bukan sahaja ada syarat 5A, daripada sekolah kebangsaan tetapi untuk sekolah SJK(C) dan SJK(T) 7A, tetapi ataupun perlu mengikut panduan, 90% bumiputera dan 10% untuk bukan bumiputera. Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa bukan itu salah oleh sebab bukan Sekolah Rancangan Khas, tetapi Kelas Rancangan Khas. Inilah mengelirukan Dewan oleh sebab saya ada dokumen-dokumen di sini. Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan yang ada dikeluarkan kepada semua sekolah yang menyebut mengenai Sekolah Rancangan Khas dan bukan Kelas Rancangan Khas.

Ada dokumen-dokumen di sini yang lebih jelas di sini ada kata bahawa mulai tahun 2007, semua kelas tingkatan satu akan dijadikan kelas rancangan khas di mana pengambilan murid adalah terdiri daripada 90% bumiputera dan 10% bukan bumiputera. Inilah untuk SMK Tunku Besar Tampin, ada 6 buah kelas. Satu kelas 36 murid semua perlu mengikut panduan 90% bumiputera dan 10% bukan bumiputera, yang apa Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan di sini semalam adalah tidak betul, tidak benar. Kali yang kedua berlaku.

Dahulu ialah mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan, dan Bajet 2007 tidak akan mendirikan apa-apa sekolah baru SRJK(C) dan SRJK(T), sekarang berlaku lagi perkara ini. Inilah melanggar hak-hak keistimewaan dan sebab itulah saya berdiri di bawah 26(1)(p), dan tidak perlu notis untuk merujuk kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran kepada Jawatankuasa Keistimewaan supaya kemuliaan Dewan ini tidak dicabuli dengan kerap kali oleh seorang Timbalan Menteri yang cakap bohong di Dewan yang mulia ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong. Saya sependapat dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Seperti yang saya telah katakan semalam Tuan Yang di-Pertua, pada 20 September di mana Timbalan Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, cukup, cukup..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... telah mengelirukan Dewan yang mulia ini dan satu perkara yang tidak boleh diterima..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, cukup, cukup.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ..dan banyak masa telah dibuang kerana beliau telah mengatakan satu pandangan kerajaan yang tidak benar di Dewan yang mulia ini. *[Dewan riuh]*. Saya harap semua Ahli Parlimen boleh faham tindak laku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Timbalan Menteri ini yang bukan sahaja tidak senonoh tetapi telah mengelirukan dan menipu semua kita di sini. Saya harap semua Ahli Parlimen ini akan menyokong usul ini. *[Dewan riuh] [Menyampuk]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor memang merujuk kepada perbahasan yang dibuat oleh Timbalan Menteri semalam. Mengikut Peraturan Mesyuarat 26(1)(p), memang dibenarkan tanpa notis. Tetapi perlu kemukakan usul itu semasa kejadian berlaku. *[Dewan riuh] [Menyampuk]*. Tambahan pula, tambahan pula..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi sekarang kita baru tahu!! Masa itu tak tahu!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang kita baru tahu!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tambahan pula Yang Berhormat..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tapi *you* mesti *at the time*. *You come to know about it..?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tambahan pula, semasa Timbalan Menteri yang menjawab masa itu, bukan saya yang mempengerusikan mesyuarat itu. Jadi tidaklah saya mengikut dan saya tidak boleh menerima usul untuk terserah kepada Majlis untuk diputuskan. Kerana saya bukan yang mempengerusikan mesyuarat pada ketika, masa itu. Jadi Yang Berhormat, kita teruskan urusan kita.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Peraturan Mesyuarat. Saya juga ingin membawa usul di bawah Peraturan 26(p)(i) sama seperti Ketua Pembangkang dan merujuk kepada ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu belum habis. Ini belum selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak, dia sudah selesai! Dia sudah selesai!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah selesai.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia sudah selesai.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mohon kepada Dewan untuk diputuskan, bukan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Iaitu semalam tidak dapat menerima untuk terserah kepada Majlis untuk diputuskan. Yang Berhormat, saya sudah cakap. Kerana bukan saya yang mempengerusikan mesyuarat pada ketika, masa itu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah ini satu peraturan yang baru...?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya juga hendak merujuk kepada Peraturan yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, semasa kejadian berlaku, maksudnya Yang Berhormat mengemukakan usul itu, pada masa itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada fakta, mana tahu? Mana fakta? Sekarang..

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sama, saya semalam pun begitu juga. Semalam tak tahu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:Fakta semalam!! Mengikut *The earliest time that you know...*mereka boleh tahu..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, izinkan saya ucap sekejap!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Earliest time ...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham, faham, saya faham.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang baru tahu!! Fakta yang baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru tahu, tapi sehingga sekarang saya tak tahu sebab semalam bukan saya yang mempengerusikan mesyuarat itu.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sekejap Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, apakah ini satu peraturan yang baru?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Semalam dalam hujah yang sama, dalam waktu yang sama, ketua pembangkang telah menyebut bahawa pembayar cukai negara ini adalah 80% orang Cina.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Habis! Perkara itu belum habis! Belum habis!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa, tak apa. Itu tak boleh habis.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Beliau juga telah membohongi! Membohongi! Membohongi!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nantilah!! Perkara ini belum habis!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak! Tuan Yang di-Pertua telah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk].*

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *Eh! You bukan Speaker! Speaker* telah membenarkan saya bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik, baik, baik.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua Dewan telah membenarkan saya bercakap!! Ketua Pembangkang bukan Tuan Yang di-Pertua Dewan, dengarlah!! Tadi kita boleh dengar *you* dengan baik. Takkan *you* tak boleh dengar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baik. *[Disampuk].* Baik, baik, baik.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dengar, dengar elok-elok, dia dah selesai. Dia dah buat keputusan, jadi diamlah!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Perkara ini belum selesai!!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sudah, sudah selesai!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya akan jawab..

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Beliau semalam telah membohongi Dewan dengan mengatakan bahawa pembayar cukai negara ini 80% daripada keturunan Cina! Daripada orang Cina! Semasa menggulung perbahasan Timbalan Menteri Pelajaran!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa itu saya pun tak ada.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini Tun Dr. Mahathir yang cakap.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Itu juga satu kenyataan yang salah!! [*Dewan riuh*]. Saya menyemak! Saya menyemak dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tun Dr. Mahathir cakap 100%!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Itu bohong!! Itu juga berbohong kerana tak ada *figure*. Tak ada 80%, bohong!! Itu adalah pembohongan!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya pun!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya sudah *check* dengan Jabatan Kebajikan...!! [*Dewan riuh*] [*Menyampuk*].

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*].

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak ada, itu pembohongan!! Itu adalah satu pembohongan yang besar. Tidak ada *figure* yang sedemikian di Jabatan Hasil Dalam Negeri!! Tidak ada *figure* yang sedemikian!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya sudah cakap!!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tidak ada *figure* yang sedemikian!! Itu adalah tujuan menghasut!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*].

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tujuan menghasut! Tujuan menghina! Tujuan menghasut, tujuan menghina! Tujuan hendak memecah belah masyarakat!!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Cukup, cukup, cukup.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tujuan itu adalah tujuan memecah belah masyarakat!! Tujuan menghasut! !!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tun Dr, Mahathir, Tun Dr, Mahathir!!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tuduhan itu adalah betul-betul hendak menimbulkan kemarahan orang Melayu dan menimbulkan...!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ketereh! Yang Berhormat, Yang Berhormat.. Yang Berhormat bagi Ketereh, cukup.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sama ada.. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sama ada.. Yang Berhormat, Yang Berhormat.. [*Disampuk*].

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kata Tun Dr. Mahathir jahat, bohong!!!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Jahat, tipu, bohong, tak ada *figure*, tak ada *figure*, tak ada fakta. Boleh bawa. Itu bohong!! Untuk *for the first time* dia bohong, dan dia kena terima hakikat ini. Peraturan ini adalah 26(b) dan tak perlu notis!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia bohong! Tak ada sama dia *figure*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak ada jumlah yang sedemikian dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri. Saya sudah *check* pagi ini! Sebab itu saya datang lambat!! Bohong!! Ketua Pembangkang bohong! Niatnya adalah niat menghasut. Niatnya adalah menghasut.

Beberapa Ahli: [*Bangun*] [*Menyampuk*].

[*Dewan riuh*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup. Baik, baik, baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Niatnya adalah jahat!!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup!!

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Menghasut! Menghina! Memecahbelahkan perpaduan masyarakat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Sebab dia sebut, 80% orang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Beberapa ahli: [*Menyampuk*]

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Yang Berhormat, perkara yang dirujukkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, keputusan saya sama, kerana sama ada dia kata Ipoh Timor, dia *quote* Tun Mahathir, ada ke tidak ada, saya pun tidak tahu. Jadi keputusan sama, tidak perlu kita bangkitkan. Jadi teruskan urusan kita.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Tetapi adakah ini satu peraturan yang baru, syarat yang baru?

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Apa lagi ini? Apa lagi ini? Duduklah.

[*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, baik duduk.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua dah kata, apa lagi mereka hendak.

Seorang Ahli: Saya tidak mahu dengar lagi hal cerita keris daripada ...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: tidak ada hak untuk menimbulkan peraturan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduk-duduk. Keputusan saya mengikut Peraturan Mesyuarat kerana 26(1)(p) perlu dirujuk semasa kejadian berlaku dan kejadian berlaku pada malam tadi. Kenapa tidak kemukakan? Jadi keputusan saya mengikut Peraturan Mesyuarat, keputusan saya muktamad.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**KES DEMAM DENGGI
MENINGKAT MENDADAK DALAM TEMPOH SEMINGGU**

11.41 pagi.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usul untuk menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Saya dengan ini memberi notis untuk mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu; berkepentingan ramai dan perlu disegerakan.

Saya, Dr. Mohd. Hayati bin Othman, Pendang, memohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu kes demam denggi di negara ini meningkat mendadak dalam tempoh seminggu lalu dengan 800 kes baru dilaporkan berbanding kadar biasa 400 kes.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas, kes demam denggi di seluruh negara adalah sebanyak 32,950 termasuk 1,635 kes demam denggi berdarah. Lebih 100 kes denggi dilaporkan di Pulau Pinang iaitu hampir tiga kali ganda daripada kadar biasa, sekitar 40 kes dalam tempoh yang sama diikuti Selangor mencatatkan jumlah kes terkumpul tertinggi dengan 11,049 kes dan 24 kematian, serta diikuti oleh Wilayah Persekutuan 4,875 kes dan 14 kematian. Walaupun kempen kesedaran dari semasa ke semasa dan juga kaedah semburan membunuh nyamuk aedes dibuat serta pemeriksaan dari rumah ke rumah dijalankan, ianya masih gagal dibendung serta dikurangkan. Hanya apabila berlaku kes yang melibatkan kematian, barulah semburan dilakukan di sekitar perumahan tersebut.

Usaha mencegah seperti menjaga kebersihan kawasan sekeliling rumah dan membuang air bertakung bagi membasmi pembiakan nyamuk aedes, nampaknya tidak berkesan yang menyebabkan masyarakat melihat penyakit seperti ini tidak merbahaya. Walaupun kes kematian masih rendah ini tidak bermakna bahawa kes demam denggi terpencil dan tidak membimbangkan. Melihat kepada kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi berlaku kes denggi, penyakit ini sering dikesan di kawasan bandar ekoran pembangunan pesat serta berlaku di bahagian pulau. Ini harus disusuli dengan pelan tindakan pembangunan yang terancang untuk usaha mencegah kepada keluasan setiap pembangunan yang bakal diusahakan. Memastikan juga peraturan pembangunan pencegahan pembiakan nyamuk aedes digariskan yang berkaitan kawasan struktur bangunan dan saluran air yang tersusun. Saya mohon mencadangkan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli kawasan Pendang pada hari Isnin 27 November 2006. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;

- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu - perkara ini adalah perkara yang tertentu.

Kepentingan orang ramai - ia adalah bagi kepentingan orang ramai.

Berkehendak disegerakan - perkara ini tidak perlu disegerakan.

Saya difahamkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengawal wabak demam denggi ini. Kementerian juga sentiasa menjalankan kerja-kerja pemantauan bagi membasmi wabak denggi ini dan sehingga kini masih berada dalam kawalan kementerian.

Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1).

RANG UNDANG UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Kelimabelas]**

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B.42 [Jadual] –
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2007] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, kita masih berada dalam Kementerian Kesihatan B.42 dan P.42. Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat bagi Ipoh Barat menyambung dan berucap.

11.46 pagi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, Butiran 00200 belum lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dan sebelum ini, bolehkah saya hendak tanya ramai lagikah yang hendak mohon berucap? Ramai lagi, baiklah, kita cuba selesaikan pada jam 1 ya. Baiklah Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, satu perkara iaitu kesihatan awam. Tuan Pengerusi, di Kampung Tawas di Ipoh, satu kampung di mana sekarang sudah menjadi satu *sub urban center* yang termasuk satu Kelabang Estet dan juga tasik di mana ada lebih kurang 50,000 penduduk. Akan tetapi tidak ada apa-apa klinik kesihatan awam di tempat tersebut. Saya difahamkan dan saya telah terima banyak aduan orang ramai di sana terpaksa pergi ke klinik awam yang terdekat adalah lebih kurang 10 kilometer dari sana yang banyak belanja perlu dikeluarkan. Dan ramai di antara penduduk-penduduk di sana adalah orang yang berpendapatan rendah, *retired population* dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya ingin tahu adakah cadangan apa-apa untuk membina satu klinik kesihatan di tempat Tawas tersebut kerana ini adalah satu perkara yang mustahak. Pada Sabtu lepas bila saya hendak berjumpa dengan satu keluarga, mereka kata walaupun terpaksa pergi ke klinik yang terdekat, akan tetapi oleh kerana kekurangan kewangan mereka tidak dapat pergi. Dan saya difahamkan ini adalah satu perkara yang biasa berlaku di tempat tersebut dan beberapa rayuan telah dibuat, akan tetapi tidak ada lagi klinik rawatan dibina di sana.

Kedua adalah mengenai klinik kardiologi di Ipoh. Saya difahamkan ada satu unit yang sedia ada di sana, tetapi tidak ada doktor yang menjalankan tugas di sana dan menjadi satu tempat *referral center*. Saya pohon adakah apa-apa rancangan kerajaan untuk menempatkan satu doktor kardiologi di sana dan juga menjalankan pembedahan berkaitan dengan perkara tersebut.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, adalah Butiran 00105 mengenai jururawat. Tuan Pengerusi, baru-baru ini, kita baca di surat khabar dan juga kerajaan telah memberitahu berniat dan ingin mengambil lebih pekerja-pekerja sebagai jururawat dari golongan bukan Melayu. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, saya nampak 90% lebih dari pelatih-pelatih jururawat adalah dari golongan bumiputera dan bukan dari bukan bumiputera. Walaupun saya difahamkan ada ramai di antara mereka yang telah memohon untuk mendapat jawatan tersebut. Kita semua tahu bahawa bayaran yang dibuat semasa pelatih-pelatih itu dijalankan adalah sangat lumayan, tetapi pendirian kerajaan selalu mengatakan bahawa tidak ada pihak-pihak yang memohon. Ini adalah satu perkara yang tidak benar langsung.

Dan saya difahamkan di seluruh negara ada ramai yang telah memohon akan tetapi kerajaan tidak mengambil inisiatif. Ada beberapa diskriminasi-diskriminasi yang tertentu, *mindset* yang perlu ditukar. Saya telah membawa perkara ini tahun lepas di *adjournment speech* dan kerajaan mengatakan tidak ada pemohon. Saya telah berjumpa dengan ramai doktor dan jururawat yang mengatakan bahawa mereka sendiri tahu, keluarga mereka pun pohon akan tetapi tidak diberi peluang.

Apakah *stand* kerajaan? Kenapa kita menggunakan dua lidah, satu mengatakan kita perlukan jururawat dari bukan Melayu, bukan bumiputera tetapi *at the same time* kita tidak memberi peluang. Apakah sistem diskriminasi ini, bolehkah kita ada satu *mind set* yang baru di mana supaya ramai di antara orang-orang bukan Melayu dapat peluang untuk menjalankan *training*, sebagai pelatih jururawat. Saya kata sedemikian kerana kalau kita tengok dari *private sector* jururawat yang pergi *training* ke luar negara, macam mana di situasi tersebut kita nampak banyak bukan bumiputera yang dapat pergi.

Macam mana dia tidak memohon kepada kerajaan? Saya sendiri tahu. Saya rasa ini adalah satu perkara tindakan yang perlu diambil supaya mengatasi masalah ini. Tuan Pengerusi, lagi satu adalah mengenai *outsourcing*. Baru kita tahu kerajaan telah mengatakan bahawa kekurangan ambulans-ambulans di negara ini. Dan satu di antara cara mereka cadangkan adalah untuk *outsource*. Adakah ini satu perkara yang boleh dijalankan? Saya rasa itu satu perkara yang perlu dikaji dengan teliti. Kalau kita memberi syarikat-syarikat swasta, *we outsource* kepada mereka, adakah mereka betul-betul akan menjalankan tugas ini atau *the motivating factor* adalah kewangan di mana mereka akan *force the factor* untuk ada beberapa ambulans-ambulans hanya untuk mencari wang dan apakah terjadi kepada ambulans-ambulans yang sedia ada oleh kerajaan?

Kenapa banyak dari ambulans-ambulans yang sedia ada ini tidak berfungsi? Rosak, selalu rosak! Walaupun kita ada ambulans-ambulans yang cukup. Saya difahamkan bila panggilan-panggilan kecemasan dibuat, mereka tidak sampai dalam masa yang cepat yang boleh. Apakah ini terjadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, lagi satu perkara adalah Butiran 01000 iaitu Majlis Perubatan Malaysia. Tuan Pengerusi, bila kementerian, kerajaan

tidak mengiktiraf Universiti Crimea. Satu di antara faktor yang digunakan adalah *ratio* di antara pensyarah dan murid-murid, *student* di sana iaitu dikatakan bahawa satu pensyarah kepada lapan *student*. Tetapi saya difahamkan *the standard international* adalah satu ke enam murid dan saya difahamkan ini telah pun diimplementasikan di Crimea Universiti di UK dan juga di beberapa universiti di seluruh Western Europe dan kenapa hingga sekarang kerajaan belum lagi mengiktiraf MBBS dari Universiti Ukraine? Apakah sistem polisi sekarang? Adakah kerajaan telah menghantar pihak-pihak pakar untuk meneliti apa yang betul-betul terjadi di Universiti Crimea baru-baru ini? Memandangkan kita ada satu *ratio* yang boleh diterima pakai di negara kita ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya ingin tahu dari senarai universiti-universiti yang tersenarai, yang diiktiraf, banyak di antara universiti-universiti tidak lagi wujud. Apakah akan terjadi dan bolehkah beritahu berapakah *medical university* yang telah diiktiraf? Terutamanya dari negara Indonesia dan negara-negara di Eropah. Baru-baru ini kita tahu dari Poland pun ada universiti-universiti yang telah diiktiraf dan berapakah di antaranya betul-betul ada *ratio* di antara satu pensyarah kepada enam murid? Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak.

Jangan kita di *recognize* satu-satu universiti atas alasan-alasan yang remeh-temeh. Saya rasa ini adalah satu perkara yang mustahak kerana Universiti Crimea satu universiti di mana ramai di antara penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah dari Malaysia boleh pergi dengan menggunakan wang mereka sendiri untuk belajar di universiti tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, saya akan gulung. Sepatutnya kerajaan patut memberi galakan dan jangan kita menggunakan kriteria-kriteria tersendiri untuk mengelak satu kaum atau satu masyarakat untuk belajar di universiti-universiti yang terbaik di dunia ini. Saya rasa Universiti Crimea dan universiti-universiti yang lain. Saya difahamkan ada universiti-universiti yang lain di Ukraine yang telah mohon bahawa ianya diiktiraf kerana universiti-universiti tersebut bukan sahaja diiktiraf oleh beberapa negara yang lain juga diiktiraf oleh Great Britain dan di Amerika.

Kalau mereka boleh mengiktiraf universiti-universiti ini kenapa pula Malaysia Medical Council tidak boleh buat sedemikian? Walaupun *degree* MBBS universiti kita tidak diiktiraf di banyak negara. Apakah standard atau apakah kriteria yang digunakan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang.

11.55 pagi

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja Tuan Pengerusi sebab hendak bawa masalah tempatan. Pembutiran Pembangunan 00400 dan 00600. Untuk makluman Tuan Pengerusi, Johor telah pun mengumumkan dua daerah baru iaitu daerah Ledang di Tangkak dan juga daerah Kulai di Johor Bahru. Saya hendak menjurus kepada Tangkak dan perkara ini mungkin juga berlaku di tempat-tempat lain.

Tangkak telah pun ada hospital tetapi amat kecil dan tidak ada Jabatan Pesakit Luar. Pesakit luar tertumpu pada klinik di Paya Emas tetapi yang saya hendak fokus di sini ialah masalah ketepuan di mana di situ sahaja di klinik Paya Emas, menerima pesakit tidak kurang daripada 200 orang dan masa menunggu rawatan ada kalanya sehingga tiga jam. Jadi Tuan Pengerusi, oleh kerana daerah Tangkak telah pun dinaikkan tarafnya, daerah kecil Tangkak telah pun dinaikkan tarafnya kepada daerah Ledang begitu juga Kulai, saya mohon supaya satu peruntukan khas untuk menaikkan taraf hospital yang mengandungi segala perkhidmatan yang diperlukan termasuklah doktor pakar dan sebagainya.

Juga saya mohon supaya diwujudkan Jabatan Pesakit Luar bagi menampung ketepuan pesakit-pesakit yang berkunjung mendapatkan rawatan di Klinik Paya Emas yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

11.56 pagi

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara yang ingin saya sentuh bawah Maksud Pembangunan 42 Butiran 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan untuk memastikan masyarakat luar bandar juga terbela dari segi kesihatan mereka sedangkan kemudahan-kemudahan dan juga peralatan adalah amat kurang? Untuk memastikan mereka mempunyai kesihatan yang sempurna seperti masyarakat di bandar, kerajaan perlu menyediakan prasarana agar mereka masyarakat di luar bandar ini juga diberi perkhidmatan yang sama seperti masyarakat di bandar-bandar.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik ataupun merujuk kepada Hospital Taiping yang tidak dapat menampung perkhidmatan kerana terlalu sesak atas sebab hospital terpaksa menampung pesakit-pesakit yang berhampiran di kawasan-kawasan seperti dari Parlimen Taiping sendiri, Bukit Gantang, Larut dan juga Padang Rengas. Saya memohon pihak kementerian untuk mengkaji keadaan ini dan memohon juga kalau boleh ia dapat membina lebih banyak hospital di Parlimen-Parlimen berkenaan.

Tuan Pengerusi saya sentuh Butiran 020300 iaitu Kawalan Penyakit. Saya ingin sentuh penyakit denggi ini kerana yang kita dapati penyakit denggi ini semakin serius dengan angkanya yang bertambah saban hari dan memandangkan penyakit denggi ini sudah lama berlaku di negara kita, kita seharusnya dan patut mempunyai pengalaman untuk mencegahnya tetapi nampaknya kita gagal. Tuan Pengerusi sebagai langkah untuk menangani penyakit denggi ini hingga ke peringkat akar umbinya, beberapa kementerian yang berkaitan perlu memainkan peranan yang lebih agresif bukan sahaja untuk meningkatkan pendidikan kesihatan rakyat dan golongan generasi muda tetapi sekiranya perlu didenda, kita dendalah rakyat untuk mengingatkan rakyat supaya sentiasa menjaga kebersihan persekitaran kerana ini adalah tanggungjawab kita bersama.

Tuan Pengerusi kita tidak mahu melihat pendidikan dan kempen penyakit denggi ini hanya dijalankan pada waktu kejadian sahaja dan selepas itu ia dilupai sahaja. Kementerian Kesihatan wajar menjalankan kempen-kempen dan program penyakit denggi ini sepanjang masa dengan sokongan kementerian-kementerian yang lain. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Mambong.

11.59 pagi

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran B. 020300 iaitu Kawalan Penyakit. Kejadian wabak penyakit tangan, kaki dan mulut yang hanya berlaku di Sarawak baru-baru ini dan telah pun mencecah angka lebih daripada 12 ribu kanak-kanak yang mendapat penyakit ini. Mengikut maklumat daripada kementerian bahawa faktor-faktor yang menyebabkan penyakit ini, ianya dipengaruhi oleh peningkatan penggerakan orang ramai semasa musim cuti sekolah iaitu pada bulan Mei lepas, Pilihan Raya Negeri dan Perayaan Gawai.

Kenapa Perayaan Gawai ini disebut sebagai satu faktor, walhal banyak lagi perayaan yang lain seperti Hari Raya dan juga Tahun Baru Cina. Jadi faktor-faktor ini yang disebut ialah daripada kajian yang telah dilakukan oleh pihak UNIMAS. Jadi saya menyoal

kaedah yang digunakan oleh pihak UNIMAS dan Jabatan Kesihatan Sarawak di dalam membuat kajian tentang wabak penyakit ini.

Yang kedua, di bawah Kawalan Penyakit juga ialah berkaitan dengan selesema burung (virus influenza H5N1). Saya ada bertanya soalan ini, di Dewan Yang Mulia baru-baru ini dan jawapannya ialah tentang penularannya dari manusia ke manusia yang lain. Kementerian menjawab bahawa kalau ianya merebak mesti ada mutasi di dalam virus ini, tetapi setakat ini kementerian menyatakan tidak ada.

Pada pagi ini saya membaca daripada surat khabar The New Straits Times bahawa seorang lagi meninggal dunia di Pengerang, Indonesia dan disebut bahawa ianya merebak dari manusia lain ke manusia yang lain dan kes yang berlaku di Indonesia, tujuh orang sudah kena penyakit ini yang merebak dari manusia ke manusia yang lain. Setakat ini memang di Indonesia sudah terdapat 57 orang yang terkena penyakit ini.

Perkara yang kedua yang saya ingin sebut ialah Butiran 00201 - Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Di dalam kawasan Parlimen Mambong ada beberapa klinik dan dua daripadanya ialah klinik luar bandar iaitu klinik luar bandar di Teng Bukap dan klinik luar bandar Padawan. Kedua-dua klinik ini sekarang terlalu kecil kerana lebih ramai lagi penduduk-penduduk di kawasan Parlimen Mambong pergi ke klinik itu untuk rawatan. Adakah cadangan oleh pihak kementerian bahawa kedua-dua klinik ini iaitu klinik Teng Bukap dan klinik Padawan akan dinaik taraf atau diperbesarkan.

Ada lagi satu klinik di kawasan Parlimen Mambong iaitu Klinik Kesihatan Kanak-kanak dan Ibu, Kampung Bengoh. Saya difahamkan bahawa klinik ini akan dinaik taraf sebagai klinik luar bandar. Adakah ini benar? Jika ianya benar, bilakah klinik ini akan dibina untuk menampung kedua-dua klinik luar bandar di kawasan Parlimen Mambong? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang.

12.04 tgh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang saya rasa perlu dikemukakan di dalam Jawatankuasa ini. Pertama, Butiran 02000 – Kesihatan Awam. Saya hendak mengemukakan masalah tentang klinik desa yang ada di Kobah, Pendang kerana baru-baru ini diadakan satu *exit* di Pendang dan klinik desa ini merupakan satu klinik yang menjadi tempat berhimpun ibu-ibu mengandung.

Dia punya klinik itu betul-betul di tepi pagar lebuh raya yang baru dibuka itu. Saya rasa ini patut diberi perhatian yang serius oleh pihak kementerian. Kalau sekiranya kita letak kereta di lebuh raya memang terpaksa letak di atas pinggir lebuh raya tersebut. Ini merupakan masalah kepada ibu-ibu yang mengandung untuk mendapatkan pemeriksaan kesihatan.

Yang kedua, Butiran 030300 – Rawatan Kecemasan. Baru-baru ini kita tahu ada satu peristiwa teksi berlanggar di Langkawi dan keluhan daripada masyarakat Langkawi mengatakan kes ini lambat dibawa untuk mendapat perkhidmatan di Hospital Besar Alor Star. Memang ini benar berlaku kerana tidak ada kemudahan pengangkutan yang cepat. Mereka terpaksa menggunakan feri penumpang biasa untuk membawa kes itu ke tanah besar di Alor Star, Kedah. Sepatutnya pihak kementerian mempunyai sama ada feri ambulans ataupun perkhidmatan helikopter untuk membawa kes yang tenat ataupun teruk ke Hospital Alor Star kerana ini melibatkan keselamatan orang awam dan berlaku pula di tengah lautan.

Yang ketiga, Butiran 040200 iaitu tentang Farmasi. Sekarang ini kita dapati banyak ubat-ubat yang terutamanya dibuat daripada herba-herba yang ditulis kandungan tetapi kita tidak dapat mengetahui apa kandungan yang ditulis berkenaan ataupun berhubung dengan kandungan ubat tersebut kerana satu, nama saintifik dan yang keduanya kita tidak biasa dengan nama-nama atau jenis tumbuhan-tumbuhan yang dibuat ubat tersebut. Ini merupakan satu perkara yang serius kerana ianya dijual berleluasa di

dalam paket-paket di kedai-kedai runcit, di restoran-restoran, di warung-warung dan mereka dapat membeli dengan mudah. Kita ingin mengetahui apa kesan-kesan jangka panjang yang disebabkan oleh ubat-ubat herba yang dijual dan mudah didapati begini.

Begitu juga dengan ubat-ubat antibiotik yang sering disebut sebagai MB, bukan MD. MB ini digunakan untuk merawat kudis-kudis di kulit dan apabila mereka menggunakan ubat ini kalau ada apa-apa sensitif ataupun *allergic reaction* yang memberikan kesan yang cukup parah kepada pesakit yang menggunakannya. Apa yang menjadi masalah adalah apabila dilakukan *raid* ataupun serbuan, didapati ubat-ubat ini hilang daripada pasaran tersebut. Ini yang menjadi masalah kepada pihak inspektor kesihatan kerana mungkin ada "kaki-kaki" tertentu yang memberitahu kepada pekedai-pekedai tersebut.

Yang akhir sekali ialah tentang masalah yang saya sebut tadi tentang pengawalan denggi. Walaupun usul ini ditolak tetapi saya rasa ini perlu diberi perhatian kerana mengikut statistik yang terbaru yang saya dapat daripada CDC ialah 37,612 kes pada tahun lepas di mana kes *fertility rate* adalah cukup tinggi iaitu 5.23% dan ia boleh mencapai 10.43%. Mengikut WHO, ia boleh mencapai ke tahap 15% kes *fertility rate*. Ini merupakan satu perkara yang serius dan ia sering berlaku di tempat-tempat pembinaan. Apakah sebenarnya masalah yang terjadi kepada undang-undang kita kerana kalau kita lihat kepada undang-undang memang cukup berat, boleh sampai kepada RM50,000 denda dan juga denda harian sampai ke RM500 sehingga punca kepada jentik-jentik itu dihapuskan.

Maknanya sekiranya kita melawat setiap hari di rumah tersebut ataupun pusat-pusat yang menjadi pembiakan jentik-jentik tersebut, memang mereka boleh didenda tetapi apakah undang-undang kita terlaksana dengan wujudnya kes-kes baru yang muncul terutamanya selepas hujan turun.

Butiran 00400 tentang Hospital Baru. Saya hendak tanya bilakah sebenarnya Hospital Sungai Petani dan Hospital Alor Star akan dibuka kerana sudah lima tahun daripada mula dibuat dan sampai sekarang, hari-hari saya ikuti, bukan hari-harilah, tiap-tiap minggu saya ikuti memang nampak sudah siap sepenuhnya tetapi bilakah ia akan dibuka kerana kalau kita lihat Hospital Alor Star misalnya, tahun lepas OTnya terbakar. Mungkin masalah *wiring* ataupun apa yang berlaku.

Saya mengucapkan terima kasih di atas Kementerian yang bercadang hendak membuat hospital di Pendang. Terima kasih Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

12.09 tgh.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara saya ingin menyentuh ialah mengenai Butiran 030000 – Rawatan Perubatan. Saya ingin merujuk kepada dua buah klinik yang terletak di Skudai, kawasan Gelang Patah. Untuk makluman Tuan Pengerusi, sebanyak 80% penduduk dari Gelang Patah adalah golongan bawahan.

Mereka menghadapi masalah yang sulit kerana, hanya terdapat dua buah poliklinik atau klinik kesihatan di kawasan ini. Mereka terpaksa lama menunggu giliran untuk menerima perkhidmatan rawatan kerana pesakit yang datang meminta rawatan adalah ramai. Kedua-dua poliklinik ini adalah berlokasi di dua buah rumah kedai yang telah digunakan selama lebih 15 tahun. Bangunan poliklinik adalah lama dan kemudahan yang sedia ada adalah kurang dan tidak sempurna kerana ruangan di gerai itu kecil, terhad.

Mengikut kajian terdapat sebanyak 250 hingga 300 orang pesakit yang meminta perkhidmatan rawatan di kedua-dua poliklinik ini tiap-tiap hari. Ini menunjukkan keperluan pembinaan klinik kesihatan baru memang amat mendesak. Tuan Pengerusi, saya dimaklumkan bahawa kerajaan telah merancang untuk membina dua buah klinik kesihatan baru di kawasan ini. Iaitu sebuah di Taman Universiti dan sebuah di Taman Mutiara Rini melalui jawapan lisan dari pihak Kementerian Kesihatan pada 18 April 2006. Ini merupakan tanda yang baik. Saya ingin mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada

Kementerian Kesihatan kerana telah menunjukkan bahawa kementerian adalah selalu mengambil perhatian dalam menjaga kesihatan rakyat Malaysia.

Soalan yang saya hendak tanya ialah, bolehkah pihak kementerian memberitahu bahawa tarikh atau agak bila permulaan kerja pembinaan kedua-dua klinik ini pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Permatang Pauh

12.13 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Izinkan saya merujuk beberapa Butiran yang berkaitan dengan pengurusan Kementerian Kesihatan khasnya berkenaan dengan perkhidmatan dan bekalan yang terkandung dalam B 42.

Tumpuan saya ialah kepada perbezaan besar di antara anggaran perbelanjaan yang diperuntukkan bagi 2006 dan 2007. Saya ambil contoh, bawah 010100 Pengurusan Ibu Pejabat Negeri dianggarkan pada tahun 2006 RM120 juta dan pada tahun 2007 RM86 juta iaitu satu perbezaan menurun RM34 juta. Di bawah Butiran 020100 Pengurusan Kesihatan Awam Ibu Pejabat dan Negeri daripada RM130 juta turun kepada RM78 juta satu angka yang menurun RM52 juta dan juga 030400 Rawatan Pesakit Dalam RM26 juta di tahun 2006 dan RM11 juta di tahun 2007 menurun RM15 juta.

Apa yang nyata daripada 3 contoh di atas, perbelanjaan untuk perkhidmatan dan bekalan telah jauh jatuh sehingga tahap membimbangkan kerana pada masa yang sama tiada perubahan besar ke atas bilangan jawatan di dalam Butiran tersebut mengikut data yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan.

Adakah ini permulaan kepada skim perkhidmatan kesihatan di hospital-hospital dan klinik-klinik awam seperti yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia melalui Skim *Full Paying Patient*, dengan izin. Kita difahamkan melalui skim ini pesakit di hospital awam yang mempunyai kemampuan boleh memilih doktor pakar yang mereka kehendaki dengan membuat pembayaran terus kepada doktor tersebut. Atau adakah ini merupakan hasil dan cadangan dari sebuah syarikat Australia, *Carol Consultancy* yang telah dilantik oleh kerajaan bagi membuat kajian membuat terhadap skim penswastan kesihatan awam.

Kita difahamkan kerajaan sedang membuat kajian bagi menggubal dan memperkenalkan skim pembiayaan baru untuk dilaksanakan di Malaysia. Namun begitu, sampai ke hari ini laporan dan kertas cadangan ini dari kajian tersebut masih belum dibentangkan kepada wakil-wakil rakyat di Dewan yang mulia ini. Alasan yang diberikan oleh pihak kerajaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Kesihatan tujuan pengenalan skim-skim tersebut adalah bagi menghalang penghijrahan doktor-doktor dari hospital awam ke hospital swasta.

Walau bagaimanapun, masalah utama kita ialah kita kekurangan perkhidmatan kesihatan termasuk perkhidmatan doktor-doktor pakar. Analisa telah menunjukkan bahawa antara sebab utama penghijrahan para doktor ialah, pendapatan bagi doktor dan kakitangan kesihatan di hospital kerajaan adalah rendah dan tidak setimpal dengan perkhidmatan yang mereka tawarkan. Manakala ganjaran yang ditawarkan di hospital-hospital swasta jauh lebih menarik.

Justeru, perkara pokok ini ialah yang seharusnya kerajaan tangani. Skim *Full Paying Patient* dengan izin, bukan jawapan untuk menyekat penghijrahan doktor dan pakar dari hospital kerajaan ke sektor swasta bagi menangani permasalahan kekurangan perkhidmatan. Di sebaliknya, ia merupakan satu jalan belakang ataupun *back door route*, dengan izin untuk menswastakan hospital awam. Barang pasti, masalah untuk mendapatkan perkhidmatan pakar dan perubatan untuk pesakit biasa masih tetap berterusan.

Senario *access* rakyat kepada perkhidmatan kesihatan adalah seperti berikut. Seseorang yang berpendapatan tinggi boleh mendapatkan perkhidmatan pakar dengan segera di hospital-hospital swasta yang sedia ada. Di hospital yang telah dikorporatkan

seperti Institut Jantung Negara dan *Universiti Malaya Medical Centre*, seseorang boleh membuat temu janji dalam tempoh seminggu atau dua jika memerlukan rawatan pakar.

Hakikatnya majoriti rakyat Malaysia mempunyai pendapatan isi rumah di bawah RM3000 sebulan. Menurut data dari Rancangan Malaysia Kelapan, golongan ini mencecah sehingga 75% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Akibat dari jumlah yang ramai dan bilangan doktor pakar yang tidak mencukupi, golongan ini terpaksa menunggu sehingga berbulan-bulan lamanya bagi mendapat perkhidmatan di hospital kerajaan.

Rakyat kelihatan tersepit di antara kekurangan doktor pakar di hospital kerajaan dengan kos rawatan yang tinggi di sektor swasta. Meskipun *access* kepada perkhidmatan dan rawatan yang bermutu tinggi bergantung pada taraf sosial ekonomi pesakit atau keluarga. Namun penyakit kronik seperti barah, sakit jantung, kencing manis atau kerosakan buah pinggang tidak pula mendiskriminasikan antara orang kaya atau orang miskin.

Perbelanjaan untuk kesihatan awam yang diperuntukkan dalam bajet dalam lingkungan antara 2% atau 3% GDP Malaysia, Badan Kesihatan Dunia – *World Health Organization* (WHO). Walau bagaimanapun telah mengesyorkan kepada negara-negara membangun seperti kita agar memperuntukkan sekurang-kurangnya 5% daripada GDP kepada perbelanjaan perkhidmatan kesihatan.

Jika kita bandingkan dengan negara maju seperti United Kingdom ia telah memperuntukkan 9% daripada GDP negaranya khusus untuk perkhidmatan kesihatan. Kerajaan Malaysia harus meneliti perkara ini dan bersedia untuk memperuntukkan bajet yang lebih untuk Kementerian Kesihatan khususnya dalam Butiran yang berkenaan dengan perkhidmatan dan bekalan.

Kerajaan tidak boleh lepas tangan dalam hal ini dengan membiarkan sistem pasaran bebas menentukan corak dan kaedah perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Sikit saja lagi Tuan Pengerusi.

Sistem pasaran yang mengaut keuntungan tidak akan mewujudkan sistem perkhidmatan kesihatan yang saksama dan bermutu tinggi. Sistem pasaran akan mengabaikan mereka yang tidak mempunyai kuasa beli. Pelaburan kerajaan untuk membekalkan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat bukan satu perbelanjaan sia-sia. Tetapi satu pelaburan jangka panjang selain ia merupakan satu tanggungjawab moral.

Saya menggesa kepada Kementerian Kesihatan supaya berpegang kepada prinsip bahawa mendapatkan kemudahan terbaik perkhidmatan kesihatan adalah hak asasi bagi setiap warga negara dan sistem kesihatan awam yang sedia ada di Malaysia adalah tulang belakangnya yang harus dilindungi, dipelihara dan diperkukuhkan.

Pada masa yang sama, saya menyeru semua Ahli Parlimen yang berada di dalam Dewan hari ini agar tidak membiarkan Bajet ini diluluskan sebelum satu kajian yang mendalam dijalankan yang melibatkan dan dipersetujui oleh semua wakil rakyat dan pakar kesihatan dari masyarakat madani, wakil-wakil kesatuan sekerja dan persatuan pengguna. Jika kita gopoh dan tidak mengkaji semula Bajet Kementerian Kesihatan ini, saya khawatir kemerosotan sistem kesihatan awam dan penafian kepada hak asasi rakyat terhadap perkhidmatan kesihatan akan bermula pada hari ini juga. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ampang.

12.20 tgh.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menjurus kepada dua sahaja Butiran iaitu 010200 - Sumber Manusia khusus untuk jururawat dan Butiran 051400 - Kawalan Amalan Kosmetik di Malaysia. Tuan Pengerusi, sebenarnya kedua-dua isu ini pernah saya bangkitkan di Parlimen ini dan oleh kerana saya

masih tidak berpuas hati dengan jawapan dan langkah-langkah yang diambil, maka saya ingin menimbulkannya sekali lagi.

Pertamanya ialah tentang kekurangan jururawat. Jika tahun lepas dilaporkan bahawa kita kekurangan lebih kurang 5,000 jururawat setahun yang mana kita cuma ada nisbah jururawat kepada pesakit yang dilaporkan pada tahun lepas ialah 1:645, sedangkan WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) menetapkan bahawa nisbah yang ideal ialah 1:200. Maka saya ingin tahu apakah langkah-langkah proaktif yang telah diambil dan adakah peningkatan bilangan jururawat sehingga tahun ini? Untuk Bajet 2007 ini, berapakah yang diperuntukkan bagi *exercise* menambah bilangan jururawat untuk mengatasi masalah yang saya rasa agak serius ini.

Di samping bilangan jururawat saya juga pernah bertanya di Dewan ini baru-baru ini tentang apakah langkah-langkah untuk menggalakkan lebih ramai jururawat bukan Melayu. Jawapan yang saya terima ialah bahawa kerajaan sebenarnya telah buat pelbagai langkah termasuk mengiklankan jawatan ini dalam akhbar-akhbar arus perdana bukan Melayu tetapi malangnya masih tidak mendapat sambutan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru supaya lebih ramai kaum India dan Cina memasuki dunia jururawat kerana masalahnya bukan sahaja tentang keseimbangan kaum dari segi melibatkan diri dalam pekerjaan yang begitu suci ini; *it's a noble profession* dengan izin Tuan Pengerusi, tetapi adalah masalah komunikasi. Kita dapati bahawa pesakit-pesakit terutamanya daripada warga emas yang tidak begitu mahir dalam bahasa Malaysia mungkin menghadapi masalah komunikasi dan apa yang sebenarnya yang dihadapi oleh mereka ini tidak dapat disampaikan dengan jitu kepada jururawat mahupun kepada pihak doktor. Itu satu, dan dalam jawapan kementerian kepada saya, dalam ayat terakhir, ialah Kementerian Kesihatan masih lagi mencari kaedah yang lebih efektif supaya dapat mengatasi masalah ini. Saya harap dalam Bajet 2007 ini, kaedah yang lebih efektif itu telah dapat diberi jawapan dan saya minta jika ada, supaya kementerian memberi jawapan apakah langkah-langkah yang dirasakan efektif itu.

Tuan Pengerusi, yang ketiga mengenai jururawat ialah tentang laporan tahun lepas mengenai kegagalan jururawat-jururawat pelatih di kolej-kolej jururawat sama ada yang dilaksanakan oleh kerajaan mahupun di sektor swasta. Difahamkan pada tahun lepas, peratus kegagalan peperiksaan akhir dilaporkan sebanyak 55.5%. Ini kalau dipihak kerajaan, dilaporkan bahawa tahun lepas kerajaan rekrut lebih kurang 3,000 pelatih setahun dan untuk tempoh tiga tahun latihan ini, setiap seorang dibelanjakan sebanyak RM30,000.

Oleh kerana kadar kegagalan ialah 55.5% pada tahun lepas, maka kerajaan sebenarnya telah rugi sebanyak RM37 juta. Saya minta kesahihan dari segi perkara ini dan untuk Bajet 2007 ini, apakah kerajaan setakat ini telah mengenal pasti apakah punca masalah kegagalan ini? Saya difahamkan bahawa salah satunya adalah kelemahan dari segi *entry point*. Maksudnya syarat-syarat kelayakan itu begitu rendah dan longgar, pelatih-pelatih ini sangat lemah dalam sains asas. Begitu juga yang kedua, masalah utamanya ialah standard ataupun mutu pengajar sendiri dan nisbah pengajar kepada pelajar yang mana saya rasa dalam Bajet 2007 ini harus diberi perhatian khusus supaya kualiti jururawat kita tidak diabaikan dalam pada kita hendak menambahkan bilangannya.

Yang kedua ialah 051400 iaitu Kawalan Amalan Kosmetik di Malaysia. Tuan Pengerusi, sekarang ini kita pun tahu bahawa sudah menjadi kegilaan bukan sahaja di kalangan wanita malah di kalangan lelaki juga untuk mencantikkan diri dengan berbagai-bagai cara. Masalahnya sekarang adalah bukan doktor yang melakukan perkara-perkara ini. Saya sendiri tahu dan saya sendiri lihat macam mana pengamal kecantikan boleh datang ke bilik hotel dan *inject* sahaja pesakit untuk sama ada menguruskan badan atau mencantikkan kulit dan sebagainya. Benda ini tidak ada kawalan.

Soalan saya yang pertama ialah... Saya tahu memang ada Akta Farmasi sebab pernah dijawab oleh Kementerian Kesihatan dahulu tetapi penjualannya. Adakah penjualannya dihadkan kepada pembeli-pembeli tertentu? Maksud saya sesiapa sahaja boleh beli vitamin C, kolagen, plasenta, jarum dan apa sahaja di farmasi dan boleh pergi ke mana-mana tanpa kawalan untuk menyuntik sesiapa sahaja yang teringin hendak jadi cantik.

Jadi benda ini saya rasa sudah *out of control* dengan izin. Macam manakah prosedurnya? Siapakah yang sepatutnya melakukannya? Adakah Kementerian akan membuat satu langkah tegas supaya hanya dibuat oleh doktor-doktor bertauliah ataupun hanya dibuat oleh pakar-pakar estetik. Jadi ini kena jelas kerana benda ini saya lihat sangat berleluasa, boleh pergi sahaja ke mana-mana seperti Bukit Bintang dan di mana-mana untuk memancungkan hidung dan boleh *inject filler* dengan izin...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: dan sebagainya. Soalan terakhir saya untuk Bajet 2007 ini, apakah yang akan diperuntukkan dalam yang dikatakan kawalan untuk menyekat perkara ini supaya tidak berleluasa? Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

12.27 tgh.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya ada dua tiga butiran. Pertama, Butiran 004000 - Hospital Baru. Ini kerana rakyat saya di Kuala Krai bertanya di manakah tapak hospital ini, bila akan dimulakan dan berapa peruntukannya kerana rata-rata mereka bertanya, kelulusan sudah ada. Jadi saya sendiri sebagai Ahli Parlimen belum tahu. Jadi saya harap dapat penjelasan.

Yang kedua, 01100 - Peralatan dan Kenderaan. Saya banyak kali di sini dan Timbalan Menteri pun tahu mengenai dengan doktor pakar dahulu sudah ada, alhamdulillah. Tapi bila mana doktor-doktor ditempatkan di situ, mereka merungut mengenai dengan alat yang tak cukup. Ada setengahnya kata kalau tak ada alat, tak guna saya di sini. Jadi saya merayulah supaya alat-alat ini disegerakan pertamanya mengenai dengan *CT scan* yang dikatakan tidak ada. Rata-rata bila saya ke sana, *moving bed* yang perlu diadakan dan katil-katil yang tidak mencukupi kerana di sana kita ada lebih kurang 200,000 penduduk termasuk daripada Machang, termasuk daripada Jeli dan Tanah Merah juga ke sana. Hospital ini boleh dikatakan yang kedua besar dalam negeri Kelantan.

Jadi saya harap Timbalan Menteri ambil perhatian tentang *moving bed* yang perlu diadakan. Saya pernah melawat di hospital kelas satu di mana tilamnya amat menyedihkan. Seperti lantai, sama seperti tak ada tilam. Saya sendiri baru dua minggu lepas pergi tengok dan ada di situ bekas wakil rakyat. Dia pun kata, "Tengoklah Yang Berhormat saya duduk di sini. Jadi saya harap dapat pemantauan mengenai dengan perkara ini".

Kemudian Butiran mengenai dengan 030200 - Pengurusan Hospital. Mengenai dengan *nurse*, yang mana mereka ini di Kelantan begitu ramai sekali memerlukan. Ini saya tahu adalah susah perkara ini tetapi saya harap dapat pertimbangan yang mana dahulu, didahulukan.

Jangan yang baru dapat, yang lama tidak dapat. Bila orang *complaint* dan tunjukkan satu kenyataan yang betul, saya pun rasa terharu dan harap dapat dipertimbangkan dengan seadil-adilnya.

Kemudian mengenai Butiran 020400 - Pendidikan Di Hospital. Ini pun harus dipantau. Kalau ada pendidikan di sini alangkah eloknya termasuklah dengan budi bicara ataupun *customer service* ini kerana rata-rata bila rakyat pergi ke hospital mereka akan merasa lega bila ada satu *customer service* ataupun layanan yang baik dan sempurna. Kalau tidak mereka bertambah sakit. Saya harap pendidikan ini dapat dicekalkan bilangannya. Misalnya katakan kalau buat setiap minggu, ramai-ramai pergi, saya rasa boleh dicekalkan supaya perkara *customer service* ataupun layanan ini dapat diberi dengan sempurna. Ini menjadi satu contoh kepada negara kita supaya mengamalkan amalan sihat ini. Bila sihat, maka semua sejahtera. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

12.31 tgh.

Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 - Rawatan Perubatan dan Pengurusan Hospital. Yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai pengurusan dan juga mendapatkan rawatan di Hospital Temerloh.

Sebagaimana yang kementerian tahu bahawa Hospital Temerloh ini telah beroperasi sejak dari tahun 2005 yang telah berpindah daripada Hospital Mentakab. Masalah yang selalu timbul iaitu tentang kekurangan doktor. Apabila kita mengadakan Mesyuarat Tindakan Daerah kita panggil pengarah hospital. Pengarah hospital berkenaan mengatakan bahawa doktor di Hospital Temerloh mencukupi dan boleh mengadakan satu rawatan yang berkesan kepada pesakit. Tetapi apabila kita pergi berjumpa dengan pegawai-pegawai perubatan biasa, mereka mengatakan bahawa di Hospital Temerloh tersebut memang tidak cukup doktor atau pegawai-pegawai hospital.

Keduanya mengenai masalah untuk mendapatkan rawatan di wad kecemasan. Kadang-kadang sehingga satu ke dua jam barulah seseorang pesakit dapat menerima rawatan di wad kecemasan oleh kerana tidak ada doktor yang bertugas di sana dan hanya diperiksa oleh pembantu-pembantu perubatan sahaja. Apabila hendak mendapatkan pengesahan untuk masuk ke wad atau tidak mengambil masa hingga kepada empat jam barulah pesakit tersebut dapat didaftarkan masuk ke dalam wad di Hospital Temerloh. Soalan saya, apakah piagam dan hasrat sesebuah hospital untuk melayan pesakit itu dalam masa tujuh atau 15 minit itu dapat dilaksanakan kalau beginilah sikap pegawai-pegawai yang ada di sana.

Perkara yang seterusnya mengenai kepakaran. Hospital Temerloh adalah sebuah hospital yang baru. Alat-alat dan juga mesin-mesin untuk merawat ini merupakan yang canggih dan terkini. Soalan saya adakah jururawat tersebut telah diberikan latihan-latihan sempurna untuk menggunakan alat-alat yang terbaru di Hospital Temerloh tersebut?

Seterusnya tentang jangkitan kuman semasa berada di dalam hospital. Contohnya ketika masuk ke dalam wad hanya sakit biasa atau sesak nafas sahaja tetapi apabila masuk ke hospital dan disahkan bahawa untuk membuat *tracking* supaya pernafasan baru dapat dibuat. Apabila masuk ke dalam ICU telah disahkan dalam masa dua minggu dijangkiti kuman dalam darah dan akhirnya pesakit tersebut telah meninggal dunia. Saya ingin tahu berapakah bilangan pesakit yang telah dijangkiti kuman semasa dalam wad atau di hospital-hospital kerajaan dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil tindakan oleh pihak kementerian?

Begitu juga dengan latihan khusus kepada jururawat yang bertugas dalam ICU. Adakah mereka telah diberikan latihan khusus dan intensif bagi merawat atau menjaga pesakit-pesakit yang berada dalam ICU.

Seterusnya tentang perkhidmatan kesihatan luar bandar iaitu saya ingin bertanya pembinaan mengenai Poliklinik Komuniti Jengka 17, Poliklinik Gunung Senyum dan juga Poliklinik Kerbau. Bilakah poliklinik ini dapat dibina?

Seterusnya tentang menaik taraf Poliklinik Kuala Krau daripada taraf KK3 kepada KK2?

Seterusnya tentang peralatan dan juga kenderaan. Kita selalu mendengar kadang-kadang berlaku kemalangan jalan raya yang melibatkan ambulans membawa pesakit di Lebuhraya Pantai Timur sehingga dua hingga tiga kejadian yang melibatkan kemalangan maut. Berapakah had laju yang dibenarkan bagi sesebuah kenderaan ambulans? Saya mohon supaya kenderaan-kenderaan ambulans yang membawa pesakit ini hendaklah dalam keadaan sempurna dan jika perlu ditukar, dibeli baru dan sebagainya.

Akhirnya tentang Lembaga Pelawat di Hospital Temerloh di mana tidak ada pemimpin atau wakil daripada Parlimen Kuala Krau bagi Hospital Temerloh dan juga Hospital Jengka sedangkan kedua-dua hospital ini berada dalam kawasan Parlimen Kuala Krau. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

12.36 tgh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apabila kerajaan melaksanakan *private wing* di hospital kerajaan tujuannya ialah untuk meningkatkan pendapatan para doktor dan berharap mereka akan kekal di hospital awam. Tetapi kenyataan Menteri Kesihatan pada 26 Ogos yang mengatakan dengan izin, "Government hospitals building a doctor a day". Katakan setiap hari seorang doktor dari hospital awam meninggalkan - *leave the hospital* dan pergi ke *private sector*.

Ini menunjukkan bahawa *private wing* ini telah gagal. Walaupun dengan niat yang baik tetapi ia gagal untuk mencapai tujuannya. Bukan sahaja ia gagal mencapai tujuannya untuk mengekalkan doktor tetapi saya difahamkan bahawa *private wing* ini telah di *abused* oleh sesetengah doktor. Sesetengah doktor ia lebih suka berkhidmat di *private wing* kerana ia dapat bayaran dan setiap kali pesakit yang datang berjumpa dengannya, kalau dia boleh bayar dia akan suruh pergi ke *private wing* pada waktu dia bertugas. Bukan kepada *outpatient* sahaja tetapi juga untuk *operation*.

Saya difahamkan oleh kerana ini, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, pesakit-pesakit yang biasa - rakyat biasa yang tidak mampu membayar perlu menunggu lebih lama untuk membuat pembedahan (*operation*). Jadi saya mencadangkan kementerian mengkaji balik kerana skim ini pun sudah gagal di negara lain dan ia perlu dikaji balik. Kalau perlu kita hentikan. Doktor-doktor yang menggunakan *facility* hospital umpamanya UH, menjalankan aktiviti ini untuk meningkatkan pendapatannya. *Facility* ini digunakan untuk pesakit yang membayar. Ini telah mengurangkan *facility* bagi pesakit yang tidak mampu membayar. Hospital kerajaan telah menghadapi masalah kerana kekurangan doktor dan kekurangan *facility* dan *private wing* lebih menambahkan tekanan ini. Jadi saya mencadangkan lebih baik ia dikaji balik dan diberhentikan.

Saya juga difahamkan di *private wing University Hospital - University Hospital* ialah sebuah *teaching hospital* dan perमितnya di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Jika ia ingin menjalankan *private wing* ia perlu mempunyai satu permit dari Kementerian Kesihatan. Adakah ia ada permit ini?

Saya diberitahu dia tidak ada. Kenapa dia tidak dapat permit ini? Ini kerana bangunannya tidak mempunyai CF. Dalam keadaan ini sekiranya ada apa-apa perkara yang tidak diingini berlaku, umpamanya kebakaran ataupun bangunan itu runtuh, itu hanya *assumption* sahaja, kita buat contoh sahaja, siapa yang akan bertanggungjawab. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan bertanggungjawab. Jadi, saya harap kementerian dapat menjelaskan perkara seperti ini.

Tuan Pengerusi, satu kajian yang dijalankan oleh *Institute of Health Management* pada tahun 2002 menyatakan setiap tahun lebih kurang 350 doktor meninggalkan hospital awam dan menyertai hospital swasta, ramai di antaranya ialah doktor-doktor wanita. Ini kerana mereka mendapati bahawa *schedule* di hospital awam tidak dapat membolehkan mereka menjaga keluarga mereka. Mereka juga menyatakan di sini ada seorang doktor, 27 tahun, menyatakan bahawa kadangkala doktor perlu bekerja, tidak rehat sepanjang 36 jam dan seminggu mereka bekerja 100 jam. Itulah sebabnya mengapa ramai di antara mereka pilih untuk meninggalkan hospital awam walaupun mereka ingin berkhidmat untuk rakyat dan kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya! Presiden, *Malaysia Medical Association (MMA)*, Datuk Dr. Teoh Siang Chin baru-baru ini pada Ogos tahun ini juga menyatakan bahawa MMA mencadangkan satu *restructuring of public health care system* supaya ia lebih dapat mengekalkan doktor-doktor di hospital awam. Saya ingin hendak tahu sama ada kerajaan ataupun kementerian mempertimbangkan cadangan beliau, kerana mengikut Kementerian Kesihatan bahawa kita kekurangan 21,500 *medical officer*, 3,700 *dentist* dan 10,000 *specialist*.

Kalau kita tidak mempunyai personel-personel seperti ini, apakah akan jadi kepada hospital-hospital yang kita ingin bina iaitu 12 hospital baru yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan? Satu lagi, Tuan Pengerusi, di sini kita mempunyai 17 *medical college* tetapi hanya lapan kepunyaan kerajaan dan sembilan dioperasikan oleh pihak swasta. Kita dapati bahawa, dengan izin, "*Medical colleges churning out sub-standard doctors with no clinical skills*".

Ini adalah kerana *private medical college*, mereka tidak mempunyai hospital untuk latihan amali. Jadi, bagaimana kementerian boleh menolong untuk mengatasi masalah ini supaya kita tidak mempunyai doktor yang *sub-standard*, yang saya rasa sangat bahaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, satu lagi yang penting. Di sini juga kajian *National Health and Mobility* menyatakan bahawa kita mempunyai 13% penduduk kita termasuk budak berumur 5 hingga 15, 30% di antara mereka mempunyai masalah *psychiatry*. Kita amat berkurangan pakar *psychiatric*. Jadi, macam mana kerajaan atau kementerian akan mengatasi, menangani masalah ini. Di antara yang dikatakan bahawa wanita lebih mempunyai masalah mental, *psychiatry* ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah kita mendapat satu laporan yang lebih jelas daripada kementerian, bagaimana kementerian ingin menangani masalah ini yang sudah begitu lama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya rasa Tuan Pengerusi juga seorang doktor, faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah faham, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: 20 tahun, 30 tahun lalu kita pun mempunyai masalah yang sama. Tetapi pada hari ini, kita masih menghadapi masalah yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, cukuplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau bukan lebih teruk lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya hendak habiskan sebelum jam 1.00. Saya beri tiga minit seorang. Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Satu dua isu sahaja, Yang Berhormat.

12.46 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang pertama tentang Butiran 032400 – Kardiologi dan Kardiotorasik. Saya telah diberikan beberapa maklumat oleh beberapa NGO yang menyatakan bahawa kadar menunggu ataupun tempoh menunggu bagi seseorang pesakit jantung yang kronik di hospital-hospital kerajaan, sebagai contoh di Pulau Pinang, di Johor Bahru dan juga di bandar-bandar besar adalah selama enam bulan.

Untuk mendapatkan rawatan di IJN mereka perlu menunggu sehingga setahun. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya keadaan yang seperti ini dapat diatasi, yang memberikan satu gambaran yang jelas bahawa rata-rata rakyat yang berpendapatan rendah, masyarakat luar bandar masih jauh lagi untuk mendapat satu perkhidmatan kesihatan yang cepat dan tangkas, lebih-lebih lagi yang melibatkan penyakit-penyakit kronik seperti penyakit jantung. Jadi, saya minta supaya jawapan dapat diberikan, supaya masalah ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin.

Kemudian saya ingin menyentuh tentang Butiran 031700 – Urologi. Saya juga ingin mendapat penjelasan tentang meningkatnya kes-kes penyakit buah pinggang yang tidak memerlukan pembedahan tetapi memerlukan perkhidmatan hemodialisis, yang didapati tempoh menunggu juga bagi golongan ini amat mencemaskan apabila kekurangan mesin yang terdapat di hospital-hospital kerajaan. Itu pun kita melihat ada bantuan yang dibuat oleh beberapa NGO ataupun doktor-doktor persendirian tetapi rakyat, orang kampung terpaksa membayar hingga RM1,200 sebulan untuk mendapatkan perkhidmatan ini.

Kemudian, tentang Butiran 031900 – Radioterapi. Apabila saya setiap minggu melawat pesakit-pesakit di kawasan Parlimen saya, di Kubang Kerian, saya minta Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri mengambil suatu peringatan tentang doktor ini menyebut dengan saya, penyakit umumnya penyakit barah tulang. Saya tidak ingat nama saintifiknya. Barah tulang ini telah menyebabkan wad itu dipenuhi oleh pesakit-pesakit daripada negeri Johor, Pulau Pinang. Maknanya, pesakit yang datang daripada jauh.

Seorang yang menjadi saudara saya, di kampung asal saya telah pun meninggal dunia kerana penyakit ini, dan seorang lagi sedang menghadapi rawatan yang mengikut laporan doktor penyakit ini sangat serius dan sangat kritikal. Masalahnya ialah kenapa tidak ada kepakaran di hospital-hospital, *general hospital* yang berdekatan, contohnya di Johor Bahru, Alor Star, Ipoh dan sebagainya. Kenapa perlu dihantar ke Hospital Kubang Kerian? Yang jelas menunjukkan bahawa kepakaran itu hanya dimiliki di Hospital Kubang Kerian. Ini juga saya minta satu penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Yang akhir sekali sedikit lagi Tuan Pengerusi agak setengah minit tentang pengurusan perubatan ini. Saya juga mendapat laporan dari WHO yang terbaru tentang betapa seriusnya penghijrahan doktor-doktor daripada hospital kerajaan kepada hospital swasta, di mana saya merasakan suatu kajian semula perlu dibuat segera di mana doktor pakar di hospital kerajaan - gaji mereka ialah di antara RM4,000 hingga RM12,000 sebulan.

Sedangkan rakan-rakan mereka yang bekerja di sektor swasta memperoleh antara RM10,000 paling minimum dan hingga RM100,000 sebulan paling maksimum dan ada antaranya yang mendapat RM200,000 sebulan. Ini menunjukkan satu kadar, satu *range* yang sangat besar yang menyebabkan akhirnya besok hospital kerajaan tidak dapat mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor pakar ini. Sekian, terima kasih. .

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Langkawi.

Beberapa Ahli : *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat semua hendak berucap pula ya?

12.51 tgh.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada satu perkara iaitu Butiran 0303000 – Rawatan Kecemasan. Sebelum itu saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pasukan perubatan dan kesihatan di

Langkawi yang bertugas dengan segera dan cepat di atas kemalangan feri pada minggu lepas.

Walau bagaimanapun, saya amat berasa dukacita dan rasa malu kerana sebahagian daripada pesakit di bawa atas troli angkat barang, seolah-olah tidak ada yang, orang kata *wheelchair* ataupun *stretcher* yang boleh mengangkut ataupun membawa mereka ini. Pada saya, sebagai sebuah bandar pelancongan, perkara ini amat memalukan dan amat tidak disenangi dan malahan amat mengecewakan kita sebagai rakyat yang dikatakan bertamadun ataupun yang serba moden sekarang ini.

Yang keduanya, saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali sudah. Bercakap dengan Yang Berhormat Menteri sudah cakap sudah. Bercakap dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah cakap dah dan juga dengan Setiausaha Parlimen sudah cakap dah, banyak tahun dah.

Berkenaan rawatan kecemasan yang memerlukan pemindahan pesakit yang kronik dari Langkawi ke Alor Star. Sehingga sekarang tidak ada apa-apa yang boleh dikatakan boleh kita banggakan kerana kita telah bangkitkan pada minggu lepas, saya ingat pada masa itu kita bincang dalam hal Kementerian Pengangkutan iaitu pesakit-pesakit terbujur di antara barisan *seat* ataupun bangku maka sebagai tempat laluan maka sudah tentulah menjadi perhatian yang agak memalukanlah atau mengaibkan pesakit dan seterusnya keluarga pesakit.

Saya hendak tahu daripada pihak kementerian, adakah benar kementerian memperuntukkan RM600,000 untuk membawa pesakit daripada Langkawi ke Alor Star? Iaitu kedudukan yang melibatkan penyewaan atau *charter boat* untuk membawa pesakit. Jika benar, saya hendak tahu berapakah yang telah dibelanjakan? Kerana saya khuatir kalaulah tidak dibelanjakan maka bila tahun hadapan berjumpa dengan Kementerian Kewangan pula maka tahun lepas tidak dibelanjakan maka hendak minta berapa lagi.

Pada saya untuk membawa pesakit dari Langkawi ke Alor Star tidaklah memerlukan ambulans. Pada saya ambulans ini boleh juga tetapi mungkin sulit sedikit kerana pada sayalah jika *charter ferry* untuk membawa pesakit dari Langkawi ke Alor Star. *Two ways trip* mungkin harganya RM5,000 sahaja iaitu tambangnya 100 orang kira *charter boat* atau *charter ferry* dan bawakan pesakit itu tanpa ada apa-apa gangguan oleh penumpang-penumpang lain. Pasal itulah saya rasa lebih baik lagi.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku di Langkawi baru-baru ini ialah, pada saya ialah biasanya, *discusslah* kerana walau pun kita kecewa dengan tindakan yang begitu malap dan tidak begitu profesional dari segi pihak tertentu maka apa yang berlaku ialah kita mesti berhati-hatilah kerana bukanlah sahaja Langkawi malahan Pulau Tioman, Pulau Pangkor atau lain-lain pulau lagi yang memerlukan bantuan.

Itulah bagi saya Tuan Pengerusi, perkara-perkara yang telah dikatakan. Saya harap mendapat jawapan daripada pihak kementerian supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

12.55 tgh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dapat turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 Kementerian Kesihatan.

Saya balik kepada Butiran 030200 – saya ada sebuah hospital yang namanya Tengku Anis di Pasir Puteh. Apabila saya melihat kepada *waiting list* 30 orang untuk tunggu mesin hemodialisis maka saya cadangkan dua buah atau dua biji mesin

hemodialisis untuk ditambah segera kerana dalam kata-kata hikmat pun menyebut begitu. Dia kata *prevention is better than cures* dengan izin. Bermakna mencegah itu lebih baik daripada merawat. '*Dallikut li-dak dawak illal-maut*' setiap penyakit ada ubat kecuali mati.

Sebab itulah saya minta dua buah tadi kerana yang ada sekarang empat mesin hemodialisis menampung 22 orang. Cuma satu dikhaskan untuk *hepatitis* ertinya 19 orang terpaksa menggunakan tiga mesin. Ertinya kena tambah dan ABG mesin. ABG ini saya tidak boleh sebut penuh. Dia *short formnya* ABG barangkali *Artery Blood Gases*, barangkali begitulah maksudnya. Kalau tersilap dalam *hansard*, saya betulkan balik. Untuk mengubat sakit paru-paru, penat bernafas dan oksigen dalam darah, ini mesin ini perlu disediakan.

Yang ketiganya, ialah mesin *X-Ray* perlu, jadi saya mintalah supaya alat-alat bagi kecemasan juga ditambah. Semua ini sudah diurus secara pengurusan sistematik cuma saya hendak dipercepatkan kerana saya takut rakyat Pasir Puteh ini sudahlah kurang majoriti saya, takut bertambah kurang - mati. Itulah, Yang Berhormat Dato' Dr. Abdul Latiff minta tolong [*Ketawa*].

Yang akhir sekali saya minta supaya pejabat kesihatan baru dibinakan. Yang sekarang teruk sebab kita tahulah dari segi Islam Hadhari ini, Hadhari ini kita hendak maju ke hadapan. Maka tanah sudah ada dekat Hospital Tengku Anis, tidak ada *problem* lagi dengan kerajaan negeri. Kalau kerajaan negeri hendak bagi pun kita Alhamdulillah. Kalau tidak beri pun tanah sudah ada, tanah kerajaan negeri juga tetapi sudah dijadikan *land title* di bawah Kerajaan Pusat.

Mintalah supaya tengok balik, kalau tidak ada dalam RMK-9, minta jasa baik Yang Berhormat Timbalan Menteri, *mid term review* RMK-9 masukkan. Kita tidak gaduh hak ini sebab ini tak bina lagi. Kita hendak hak baru.

Akhir sekali saya hendak mintalah klinik-klinik desa yang ada lima buah di kawasan Parlimen Pasir Puteh tolonglah beri *facilities*, tambahlah sedikit kenderaan, tambahlah sedikit alat-alat yang ada. Itulah sahajalah Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pensiangan.

12.58 tgh.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara sahaja iaitu Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pegawai-pegawai kesihatan yang sering datang ke luar bandar. Hanya seperkara yang perlu saya jelaskan di sini bahawa perkhidmatan yang kita puji ini memang baik tetapi perlu lagi ditambah daripada segi perkhidmatan mereka di luar bandar khususnya di pinggir-pinggir luar bandar ini iaitu di kawasan Pensiangan iaitu di kawasan Sook yang memerlukan banyak lagi perkhidmatan daripada kementerian.

Seperkara yang perlu saya kemukakan di sini, perkhidmatan luar bandar ini saya mengharap dia termasuk juga dengan perkhidmatan udara yang mana perkhidmatan perubatan udara yang saya rasa perlu diperkembangkan lagi dan perlu diberi peruntukan yang lebih disebabkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ada sekarang ini kita sentiasa berjalan kaki sekurang-kurangnya tiga hari untuk pegawai-pegawai kesihatan untuk sampai ke tempat-tempat yang terpencil ini.

Saya pasti dengan menggunakan helikopter perkhidmatan ini akan dapat diperluaskan lagi dan dapatlah orang-orang kampung ini dapat perkhidmatan yang lebih baik. Saya beri contoh kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa untuk hendak pergi ke Nabawan sahaja akan berbelanja lebih kurang RM1,000. Kita pun tahu bahawa penduduk-penduduk luar bandar ini tidak mempunyai punca-punca pendapatan untuk mereka mendapatkan peruntukan ataupun wang untuk mereka gunakan untuk tambang ini.

Satu lagi saya hendak sebutkan di sini iaitu mengenai dengan hospital baru ini. Biar pun saya hendak tengok dalam butiran-butiran ini tidak termasuk dalam klinik desa ini. Di kawasan saya, dalam jawapan kementerian tahun ini, Klinik Desa Benanon dan juga Klinik Desa Salung masing-masing telah diberikan peruntukan sebanyak RM1.5 juta dan bila kita semak dalam RMK-9 pula, kedua-duanya ini tercicir. Saya minta kementerian untuk memberikan perhatian yang ini dan kalau tidak pun tolong masukkan ke dalam *mid terms review* ini bahawa kita ini tersilap.

Saya kadang-kadang kalau sudah dapat terima makluman daripada kementerian, kita pun umumkan kepada rakyat bahawa peruntukan telah diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bila kita nampak pula surat yang diterima, yang ini tercicir, macam mana kita hendak betulkan lagi. Jadi saya mintalah supaya kementerian ini bila hendak membuat sesuatu kenyataan, biarlah kita terus berpegang kepada apa yang kita cakap. Jangan kita cakap sahaja dan selepas ditulis di situ, terkeluar pula dalam senarai, tercicir pula dalam senarai permohonan-permohonan seumpama ini.

Yang ini susah kita hendak jawab. Ahli-ahli Parlimen yang lain pun saya rasa susah hendak jawab kalau ada. Jadi saya minta supaya pegawai-pegawai kementerian dan kementerian ini sendiri untuk memberi perhatian, kalau hendak beri, beri terus. Kalau tak hendak beri, katakan tak nak beri. Kalau nak beri dan masukkan dalam RMK-9, masukkan dan terus kita usahakan jangan kita cakap kosong sahaja agak susah hendak menerangkan kepada penduduk-penduduk luar bandar khusus para pengundi P.182 Pensiangan, Barisan Nasional. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sekijang. Satu dua minit Yang Berhormat, ya.

1.01 ptg.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap sedikit sahaja. Yang pertamanya tentang Butiran 00101 – Pembinaan Kolej Baru. Di daerah Segamat ada sebuah kolej jururawat ini tetapi ia telah berjalan dengan baik.

Tetapi apa yang saya dengar baru-baru ini bahawa kolej akan dipindahkan ke tempat lain. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri pun datang daripada daerah Segamat ini, saya ingat supaya jangan memalukan kepada Yang Berhormat Menteri. Minta kolej ini dikekalkan, kalau hendak dipindahkan pun tapaknya mestilah dicari di dalam daerah Segamat sendiri.

Yang kedua Tuan Pengerusi ialah tentang kekurangan doktor. Yang ini pun acap kali berlaku dan orang ramai pun bertanya kepada saya, Yang Berhormat Menteri datang dari daerah Segamat, dia kata macam doktor-doktor boleh kurang di daerah Segamat ini? Saya ingat perkara ini juga harus ditengok oleh kementerian bahawa Yang Berhormat Menteri adalah mewakili daripada daerah Segamat, jadi sesuatu yang baik itu mestilah diberikan yang daerah Segamat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sepanggar.

1.03 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh mengenai Butiran 020300 – Kawalan Penyakit di mana kita tahu bahawa penyakit berjangkit dan kronik seperti Tibi dan HIV begitu ketara sekali di Sabah ini oleh kerana pendatang asing tanpa izin dan juga pekerja-pekerja yang tidak mempunyai surat kebenaran untuk bekerja.

Saya difahamkan bahawa kebanyakan penyakit-penyakit yang berjangkit ini telah menjangkiti penduduk-penduduk kita di Sabah. Saya ingin bertanya sama ada perkhidmatan dahulunya FOMEMA ini betul-betul telah berkesan untuk mengesahkan penyakit-penyakit berjangkit ini disebabkan kalau kita lihat pada ketika ini bahawa yang

didapati menghidap penyakit seperti Tibi ini daripada pekerja-pekerja asing ini masih juga berkeliaran di merata-rata negeri Sabah.

Saya mohon kepada Kementerian Kesihatan supaya mengadakan suatu kerajaan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya pesakit-pesakit yang terutama sekali daripada orang asing ini supaya tidak berada di Sabah lagi.

Menyentuh mengenai Butiran 020400 – Pendidikan Kesihatan yang saya ingin kaitkan dengan Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar di mana pada ketika ini memang tidak dinafikan bahawa pencegahan itu memang sedang dijalankan. Tetapi apa yang kita dapat lihat ialah pemantauan itu seperti kebersihan di kampung-kampung, di desa-desa, kita tidak tahu siapa yang betul-betul dapat memantau kebersihan dan kesihatan di desa-desa ini.

Saya memohon agar kementerian ini dapat melantik ataupun mengadakan satu petugas untuk memantau sama ada dari segi kesihatan dan juga kebersihan di kawasan-kawasan luar bandar ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah, ya. Ya, Yang Berhormat bagi Sri Aman. Lepas ini saya ingat Yang Berhormat Menteri menjawab.

1.06 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada *item One Off* ini iaitu Butiran 16000 – Ubah suai. Hospital Sri Aman sedang diubahsuai oleh kerana kecuaiannya. Pada Rancangan Malaysia Kelapan telah diberikan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk membuat hospital baru tetapi kerana kecuaiannya maka hospital itu tidak dapat dibuat, jadi hospital diubahsuai. Sekarang hospital itu nampak seperti kampung setinggian oleh kerana terlalu padat dan apa sahaja apabila ada kerumitan semua pesakit di *refer* kepada hospital di Kuching dan saya harap dan saya minta kementerian memikirkan semula dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini menentukan hospital yang baru yang telah dijanjikan itu dan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dapat diberi kepada orang Sri Aman.

Oleh kerana ini sangat memalukan Kerajaan Barisan Nasional, apa yang dijanjikan, apa yang telah diperuntukkan tidak dapat dilaksanakan dan saya harap pegawai-pegawai yang di hadapan saya dapatlah menentukan perkara ini akan ditunaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Satu minitlah Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Kemudian kementerian menjawab. Yang lain boleh mencelah.

1.07 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Hospital Tanjong Karang masih menghadapi beberapa masalah. Saya minta doktor ditambah. Dua pakar klinikal masih tidak diisi daripada 14 baru diisi 9.

Yang kedua operator untuk mesin hemodialisis ini dapat ditambah. Sekarang ada empat, tidak cukup dan satu lagi pakar forensik kerana lambat proses bedah siasat minta juga ditambah.

Kemudian warganegara asing yang bunuh diri ada masalah tersimpan lama hampir tiga bulan kerana tidak dapat dihantar ke negara asal kerana warisnya minta pampasan sedangkan kes bunuh diri tidak di *cover* dalam insurans.

Kemudian saya minta pengesahan hospital baru Kuala Selangor yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan saya minta bertaraf pakar. Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Selangor kosong sejak Februari 2005 hampir dua tahun minta

dihantar segera dan minta wujudkan klinik desa di setiap kampung yang berkelayakan dan minta perhatian yang serius kes denggi semakin meningkat di Kuala Selangor khususnya di taman perumahan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab. Yang lain boleh mencelahlah mana yang berkaitan.

1.09 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak *respond*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sambung jam 2.30 petanglah.

Dewan mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.10 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Majlis di dalam Jawatankuasa. Saya jemput Timbalan Menteri Kesihatan untuk menjawab.

2.31 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Pengerusi saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat kerana membangkitkan pelbagai isu.

Terdapat 27 Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira Tuan Pengerusi ini adalah pelanggan yang paling ramai yang pernah saya hadapi. Jadi walau bagaimanapun daripada ucapan-ucapan, saranan-saranan serta cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, 27 tadi saya boleh rangkumkan bahawa isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan pertama, sumber manusia daripada kurangnya pakar, hendakkan pakar atau pakar perubatan, pegawai kesihatan sehingga kepada jururawat.

Kedua, Ahli-ahli Yang Berhormat juga membangkitkan isu-isu tentang prasarana baik di hospital baru mahupun hospital yang sedia ada, mahupun klinik desa dan klinik-klinik kesihatan yang sedang dan akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi saya akan merujuk kepada perkara-perkara tersebut secara terperinci, kalau boleh saya hendak jawab semuanya tetapi kalau perkara-perkara tersebut tidak dapat kita jawab secara terperinci kerana soalan-soalan kadang-kadang terlalu spesifik, saya memerlukan sedikit masa dan saya berjanji akan panjangkan jawapan-jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat sahabat saya Serdang menyatakan mengenai beberapa perkara, iaitu kempen denggi serta ingin bertanya tentang kemudahan-kemudahan prasarana kesihatan dan perubatan di Serdang. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Serdang kerana saya sebenarnya sudah turun padang dengan Yang Berhormat bagi Serdang buat gotong-royong. Memang sampai ke akar umbi dan kawasan Ahli Parlimen Serdang ini memang kita sudah kenal pasti sebagai satu kawasan *hot spot* kawasan yang panas, ramai peminat terutama nyamuk aedes Tuan Pengerusi.

Jadi semalam pun dua hari lepas, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai kebersihan dan kesihatan sudah pun membuat ketentuan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Serdang adalah antara kawasan yang terpilih kerana denggi ini ada empat negeri sahaja. Sabah tidak termasuk Tuan Pengerusi. Ia di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan di Selangor khususnya di Lembah Klang, di Johor dan juga Pulau Pinang. Malah baru-baru ini *statement* yang keluar dalam media cetak semua ini adalah peningkatan kepada 800 kes sehari, pada minggu 42 hingga 44 menunjukkan bahawa keempat-empat negeri ini terlibat. Jadi bukan sahaja Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, Yang Berhormat bagi Pendang juga melahirkan rasa kebimbangan mereka terhadap wabak denggi ini. Suka saya nyatakan di Dewan ini bahawa kempen denggi dan memerangi denggi ini bukan khusus sahaja tugas-tugas Kementerian Kesihatan.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Penjelasan boleh?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tunggu sekejap. Kita sebenarnya perlukan komitmen daripada agensi-agensi lain. Sebab itu dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet baru-baru ini telah pun diarah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan supaya kempen daripada akar umbi daripada bawah sampai kepada melibatkan NGO, masyarakat *opinion leader*, dengan izin supaya betul-betul memerangi wabak denggi ini. Dan denggi sebenarnya boleh dicegah dengan syarat kita melakukan komitmen yang betul-betul tetapi kalau sudah kena boleh parah. Jadi program pencegahan itu perlu dibuat dan salah satu daripada arahan Jawatankuasa Kabinet adalah untuk hendak bagi ubat jentik-jentik *abate* ini secara percuma kepada orang ramai. Yang Berhormat bagi Serdang...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya cuma hendak penjelasan bila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut *hot spot* saya pun tidak berapa jelas kerana Tahun Melawat Malaysia kita hendak ke Serdang. Jadi kalau *hot spot* dari segi nyamuk sahaja ke ataupun dari segi lalu lintas dan sebagainya. Sebab baru-baru ini Yang Berhormat bagi Serdang ada mengatakan mengenai dengan jalan-jalan banyak *accident* dan apa lagi perkara-perkara yang boleh menimbulkan *hot spot* ini? Sebab kita Tahun Melawat Malaysia. Jadi kita dalam negeri pun kita hendak tahulah. Penjelasan sahaja. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Pengerusi minta maaf saya telah memesongkan fikiran Yang Berhormat bagi Kuala Krai. *Hot spot* yang dimaksudkan oleh pakar-pakar kesihatan adalah kawasan-kawasan di mana kejadian-kejadian denggi biasa dan denggi berdarah begitu menular di sesuatu kawasan. Itu yang kita namakan *hot spot*. Ia tidak ada sangkut paut dengan Tahun Melawat Malaysia.

Saya ucapkan tahniah juga kepada Yang Berhormat bagi Serdang kerana dia dah dapat satu hospital baru, Hospital Serdang yang besar, yang mempunyai pelbagai sektor dan disiplin kepakaran dan tahun ini kita dah mulakan perkhidmatan kardiologi dan *cardiothoracic*. Kebetulan Tuan Pengerusi, pakar bedah jantung itu satu kelas dengan saya. Jadi kalau ada kawan-kawan rasa nak bedah jantung nanti beritahulah. Dapat *special lane* agaknya. Tuan Pengerusi, Hospital Serdang ini...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Aaa, boleh...[Mengetuk pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada Yang Berhormat yang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat, tak payah gendang Yang Berhormat. Ha, baru nampak. Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ok, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan juga. Sebenarnya Hospital Serdang itu memang telah Yang Berhormat bagi Serdang yang membuat banyak permohonan dahulu. Tetapi sekarang ini terletak di kawasan saya, di kawasan Puchong. Sekarang ini saya nak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang satu perkhidmatan kardiologi ialah satu perkhidmatan yang utama di Hospital Serdang itu. Saya nak tanya sikit, adakah hospital ini yang telah dibina lebih daripada RM700 juta ini kita hanya memberi satu perkhidmatan iaitu perkhidmatan kardiologi sahaja?

Bagaimana dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain di mana lebih orang kata dengan izin *popular demand* di kawasan-kawasan persekitaran sebagai contoh di Hulu Langat, di Puchong, di Serdang. Di kawasan-kawasan berdekatan dan tambahan lagi saya difahamkan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat ini dia kata Hospital Hulu Langat pun selalu penuh sesak. Bolehkah kita membuat satu pengubahsuaian hospital yang telah dibina dengan harga yang begitu mahal ini untuk perkhidmatan dan juga untuk memenuhi keperluan rakyat persekitaran ini. Saya nak dapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Saya minta maaf Tuan Pengerusi, saya sebenarnya saya pun kadang-kadang buat silap juga sebab nama dia Hospital Serdang tapi dia jajahan takluk Yang Berhormat bagi Puchong. Jangan takutlah sebab dia sebenarnya *teaching hospital* dengan izin untuk Fakulti Perubatan Universiti Pertanian Malaysia. Sebenarnya bukan hanya kardiologi dan *cardio thoracic*. Maknanya di Lembah Klang, selain pada IJN kita ada *cardiothoracic* sama dengan IJN tetapi kepunyaan KKM. Jadi, Kementerian Kesihatan sekarang ada satu di Hospital Pulau Pinang, satu di Serdang, satu Johor Bahru, satu lagi di Hospital Umum Sarawak di Kuching dan dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan ada dua lagi pusat *cardiothoracic* dan kardiologi ini di Hospital Kuantan dan juga di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu.

Jadi nak rumuskan sikit, di Hospital Serdang ini terdapat 20 *specialty* selain daripada *cardiothoracic* dan kardiologi ini. Jadi saya tak perlu baca, kalau saya baca pun mungkin Tuan Pengerusi sahaja yang faham. Dia ada perubatan, pembedahan, obstetrik, *animology*, pediatrik, ortopedik, *entomology*, *necrology*, neurologi radiologi...[Ketawa].

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Loji ini tempat batu pun kira loji juga Yang Berhormat. [Ketawa].

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Jadi, tapi yang mustahaknya bukan sahaja jabatan Tuan Pengerusi, yang mustahak sekali kepakaran. Kita ada 41 orang pakar daripada JUSA B sampai kepada pakar U48. Dan kita juga ada Pegawai Perubatan daripada U41 hingga U54 ada 89 orang. Dari masa ke semasa, kita akan perkukuhkan kekuatan sumber manusia Hospital Serdang ini kerana dengan kekuatan ini, Lembah Klang akan ada 8 hospital yang memberi perkhidmatan perubatan sekunder dan juga *tertiary*, maknanya lain daripada HKL. Kita ada Hospital Ampang, kita ada Hospital Sungai Buluh, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Putrajaya, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, kita ada Hospital Kajang. Saya ingat itu sahajalah. Lapan, dan kita harap boleh menampung dan memberi perkhidmatan yang agak baik kepada lebih kurang 3 juta penduduk.

Ini sedang, selain daripada itu kita akan terus memperkukuhkan kemudahan KK dan KD. Lembah Klang atau Selangor ini dia punya pertambahan penduduk berbeza dengan pertumbuhan penduduk di tempat lain. Kalau biasa antara tambahan dia 4% tapi di Lembah Klang 8%. Jadi, cara kita nak menyelesaikan kemudahan kesihatan supaya ada pendemokrasian kita akan buat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan jika tidak termasuk Yang Berhormat bagi Padang Serai dah tengok dekat saya. Jadi kalau tak masuk itu kita akan masuk dalam *mid-term review*. Umpamanya Yang Berhormat bagi Padang Serai kata, Klinik Permatang Durian dan Klinik Sungai Pok. Kita bukan sengaja gugurkan, kita

gugurkan kerana dia dah melebihi siling. Jadi, kita akan pastikan kajian separuh penggal dia akan masuk. Yang Berhormat Menteri dah arahkan saya supaya masukkan dan jadikan *priority* bagi Parlimen Padang Serai ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sikit Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Padang Serai dulu *no*?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Ok, ladies first. [Ketawa].*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Padang Serai sila.

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya saya nak buat pembetulan tempat sahaja, yang saya maksudkan ialah Sungai Kok. Kawasan Sungai Kok bukan Sungai Pok seperti yang disebut tadi. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: *Yes, madam. Your wish is my command.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *How about my wish now? [Ketawa].*

Dato' Lim Bee Kau [Padang Serai]: *Thank you, thank you.*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa].*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak, Yang Berhormat bagi Jerai ini nak kacau ini buat apa pula?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak, saya nak memperingati balik Yang Berhormat Timbalan Menteri kan. Saya, sebelum ini pun saya dah berkali-kali cakap tentang menaikkan taraf klinik desa di Gurun. Di mana Gurun sekarang ini telah menjadi kawasan perindustrian. Industri Motor, Industri Motor Kereta, macam-macam industri ada dalam kawasan itu. Tetapi hari ini kita hanya ada satu klinik desa yang kalau berlaku sesuatu kemalangan atau kecederaan terpaksa ke Sungai Petani atau Alor Star. Ini makan masa. Jadi boleh tak boleh Yang Berhormat, kot-kot lah terlupa, tolong bagi *top priority*. *You know* lah *I eat-eat* elaun. *[Ketawa]*. Yang Berhormat kata tadi *eat-eat salary* makan gaji. *I eat-eat* elaun lah. *[Ketawa]*. Tolong Yang Berhormat, terima kasih. Gurun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita masukkan itu Tuan Pengerusi. Seterusnya daripada Yang Berhormat bagi Lipis. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Lipis. Sebenarnya bila Yang Berhormat bagi Lipis menyorankan isu-isu tentang gaji, elaun pakar daripada 41 hingga 48, sebenarnya Yang Berhormat bagi Lipis mendapat sokongan yang banyak daripada kakitangan kita. Yang merasakan bahawa mereka macam tak terbela. Jadi, saya ucap terima kasih. Cuma saya nak betulkan sedikit, ini bukan Yang Berhormat bagi Lipis silap. Yang Berhormat bagi Lipis pun dapat data tersebut dan fakta tersebut daripada surat khabar.

Terutamanya mengatakan bahawa hanya dua orang sahaja, dua orang setahun kita latih pakar. Ekoran daripada kenyataan ahli Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kami. Sebenarnya kita dapat maklum sekarang pembangunan sumber manusia, khususnya nak meningkatkan kepakaran doktor dan pakar, tidak kira sama ada mereka U41, U44, U48 atau pun sampai ke tahap *subspecialty*, memang diberi perhatian yang khusus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Di mana kita dapat peruntukkan tambahan sebanyak RM1 bilion dan kita akan bahagi-bahagikan kepada bukan sahaja untuk pakar tetapi untuk dengan izin *supporting team*.

Jadi kalau ada pakar bedah, kita hendak juga jururawat yang pakar dalam hal-hal pembedahan dan *subspecialty* masing-masing. Setiap tahun kita melatih lebih kurang 400 orang pegawai perubatan untuk membuat kepakaran dan oleh kerana kepakaran dalam bidang perubatan ini banyak *sub-sector*, jadi nampak macam sedikit. Tetapi kalau kita

satukan itu, ia nampak banyak. Umpamanya kalau dia ambil pengkhususan jadi *physician* atau pakar perubatan, dia boleh melihat pesakit dan semua hal tentang perubatan. Tetapi kalau dia hendak buat pengkhususan kardiologi, dia kena buat lagi *subspecialty*. Jadi kalau hendak buat yang saya maksudkan ini Master in Medicine (MMed) empat tahun di beberapa universiti seperti di Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kemudian dia keluar selepas empat tahun, baru dua tahun digazetkan dan lepas dia dua tahun digazetkan, *confirm* dia seorang pakar perubatan. Dia hendak buat *subspecialty*, hendak jadi pakar perubatan kardiologi, dia kena ambil lagi pengkhususan selama dua tahun, keluar negeri lagi dan ditanggung lagi oleh JPA. Jadi kalau hendak ambil pakar, dia pegawai perubatan biasa iaitu U41, dia mesti memenuhi kriteria iaitu dia mesti berkhidmat empat tahun selepas dia mendapat dengan izin, *full registration*. Jadi kalau empat tahun campur empat tahun dan menjadi lapan tahun. Dua tahun... Minimum 18 bulan, dia digazetkan sebagai pakar 10 tahun. Ini bermakna kalau dia keluar semasa umur dia 26 tahun, macam saya dahulu keluar 26 tahun.

Jadi 10 tahun 36 itu, belum pakar hebat lagi itu. Dia sudah buat *subspecialty* baru, maknanya umur dia dekat 40 tahun barulah dia diiktiraf sebagai *cardiologist* atau mana-mana *logist* yang saya katakan tadi. Jadi, skim gaji yang lama iaitu SSB dengan SSM sebenarnya jauh berbeza dan data Yang Berhormat bagi Lipis dapat itu mungkin kurang tepat. Maklumat yang saya dapat di sini kalau mula bekerja untuk U41, gaji *basicnya* ialah RM1,293 tetapi apabila dia jadi U48, gajinya ialah RM3,041. Ini skim bawah SSB. Kalau dia U54 - RM4,864. Tetapi kalau dia SSM sekarang ini, U41 atau dahulu U3, gajinya sudah RM1,738.43. Maknanya tambahan RM500. Sementara apabila dia pergi ke kanan iaitu U48, gaji asas dia RM3,853. Maknanya lebih RM800.

Sementara U54, di bawah SSM - RM6,492.52. Lebih dekat RM1,600 perbezaan di antara SSB dengan SSM. Yang menjadi isu Yang Berhormat bagi Lipis utarakan adalah mereka dulu SSB daripada 41 terus ke 48. Sekarang 41, pergi ke 44. Ini bukan sahaja untuk pegawai perubatan, tetapi juga untuk semua skim, baik skim di Kementerian Kesihatan, mahupun di perguruan, mahupun PTD yang ada 44 kemudian 48. Oleh kerana isu-isu ini memang biasa apabila saya dan Yang Berhormat Menteri mengadakan dialog dengan kakitangan. Apabila kita pergi ke *grassroots outreach* dengan izin, memang kita adakan dialog. Benda inilah yang akan diutarakan oleh mereka iaitu kenapa 44 tidak pergi ke 48 sedangkan dulu automatik.

Oleh yang demikian, sejak satu tahun yang lalu, kita dengan kerjasama JPA dan Bahagian Sumber Manusia sudah buat *exercise* khusus bagi mempercepatkan proses daripada 41, 44 ke 48. Ini kerana dia perlu memenuhi beberapa kriteria. Saya bagi contoh Tuan Pengerusi, lama sedikit saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat bagi Lipis. Untuk naik pangkat selain daripada dia memenuhi kriteria-kriteria lulus periksa dan apa semua, dia kena lulus kompetensi. Kompetensi yang disusun atur untuk pakar perubatan, pada dia kalau dia sudah pakar, itulah kompetensinya. Tidak perlulah dia hendak ambil periksa atau *diinterview*. Jadi ini yang sebenarnya takrifan kompetensi itu yang menjadi masalah.

Ekoran daripada itu, kita di Kementerian Kesihatan, Yang Berhormat Menteri sudah mengarahkan supaya diselaraskan isu-isu tentang kompetensi maknanya orang profesional ini kalau dia sudah lulus umpamanya MMed, jadi tidak perlulah dia hendak kompeten lagi. Lain dengan jawatan-jawatan bukan profesional, dia kena memenuhi kriteria-kriteria tertentu. JPA juga telah beri kerjasama yang amat baik kepada kementerian supaya lebih banyak jawatan 48 ini diwujudkan. Dengan kenaikan tersebut, sedikit sebanyak kita boleh mengurangkan penghijrahan pakar-pakar perubatan ke sektor swasta. Dan kebanyakan apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tentang rasa bimbang apabila penghijrahan berlaku, semua pakar perubatan di Malaysia ini berasal daripada Kementerian Kesihatan.

Jadi kalau kita tidak jaga betul-betul kepentingan mereka, mungkin semua lari ke sektor swasta. Tetapi realitinya tidak semua begitu. Tidak semua pakar-pakar ini tertarik untuk pergi ke sektor swasta semata-mata kerana gaji dan pendapatan. Ramai di antara mereka masih ada yang berjiwa rakyat. Cuma kita kena perbetulkan keperluan-keperluan

mereka macam Yang Berhormat bagi Kuala Krai kata, kalau ada pakar hendak peralatan-peralatan canggih yang mereka boleh mempraktikkan kepakaran mereka, kita kena beri.

Sebab itu dalam rangka, kita memastikan pakar kita terus berada dalam perkhidmatan. Kita hendak pastikan yang mereka rasa seronok bekerja dengan sektor awam. Kerja di sektor swasta memang banyak duit, tetapi mereka kena buat kerja A sampai Z. *Plucking case*, kalau dekat hospital awam ini ada MO dahulu buat kerja, dia tunggu yang pakar-pakar sahaja, baru rujuk pada dia. Tetapi kalau dekat hospital swasta, daripada A sampai semua dia kena buat. Kemudian ada perkara-perkara lain yang tidak ada dalam sektor swasta. Umpamanya CME dengan izin Tuan Pengerusi, *Continuous Medical Education* (pembelajaran perubatan yang berterusan). Ini memang dibiayai oleh kerajaan tahun demi tahun supaya kepakaran mereka akan terus diambil perhatian.

Kemudian, akhir sekali Yang Berhormat bagi Lipis kata, ada anak tiri di antara doktor asing dengan perkhidmatan dalam KKM, sebenarnya tidak ada anak tiri, semua anak betul [*Ketawa*] Anak angkat pun tidak! [*Ketawa*]. Yang jadi U47 atau U54, atau U52 kerana mereka ini secara kontrak, kontrak ini lain dengan secara tetap dan berpujian, kontrak ini bila habis sahaja kita cerai talak satu [*Ketawa*], boleh sambung balik tetapi yang kakitangan yang tetap ini dia berpujian, dia menikmati segala kemudahan seperti kakitangan awam yang lain. Oleh kerana dia secara kontrak, kalau kita beri rendah pun dia tidak hendak datang pula.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Langat bangun Yang Berhormat, Kuala Langat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sila.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya teringat satu ketika dahulu apabila kita mempelawa *specialist* dari negara asing datang ke tempat kita, selalunya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan cuba mensamatarafkan sama ada dia *Super Scale A*, *Super Scale B* dan sebagainya. Oleh kerana itu mereka rasa tercabar dan terhina kerana *specialist* ini merupakan satu perkara yang sepertimana Yang Berhormat katakan tadi, satu perkara yang betul-betul pakar. Oleh kerana itu mereka lari ke Singapura dan di Singapura mereka diberi rumah, diberi kereta dan banyak lagi keistimewaan-keistimewaan. Apakah tindakan Kementerian Kesihatan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengekalkan *specialist* ini yang betul-betul *specialist*. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Kita boleh cadang tetapi dia punya pintu dia dekat Jabatan Perkhidmatan Awam sebab itu, tetapi saya rasa syukur Alhamdulillah kerana apa juga cadangan daripada kementerian diambil kira, sebab itu umpamanya pakar bedah hati, Prof. Russell di Hospital Selayang, memang betul dia ditawarkan di hospital di Mount Elizabeth Singapura, gajinya tidak silap saya 30,000 Sing Dollar. Tetapi oleh kerana kita bawa *special paper* dengan izin dalam Kabinet untuk luluskan jawatan JUSA untuk Prof. Russell ini supaya dia dapat latihan dan dia terima, dia terima tawaran kita. Jadi Jabatan Perkhidmatan Awam akan melihat *case by case* Tuan Pengerusi, tidak secara dengan izin *blanket approval*.

Kota Melaka, melahirkan beberapa isu dia kata ada vaksin, memang ada vaksin tetapi saya tidak pasti sama ada dia dimonopoli oleh negara-negara maju. Sekarang ini vaksin ini kita beri kepada pegawai-pegawai kita yang mungkin terdedah apabila ada H5N1. Sekarang di Malaysia H5N1 hanya melibatkan unggas, seperti yang Yang Berhormat bagi Kuala Krai kata, sama ada ada jangkitan, minta maaf Yang Berhormat bagi Mambong kata jangkitan dari manusia ke manusia. Setakat ini tidak dapat dibuktikan yang banyak di Indonesia itu sampai 57 adalah jangkitan daripada unggas kepada manusia. Manusia ke manusia belum ada lagi dan kita mintalah janganlah jadi macam itu, susah kita.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga menyatakan bahawa kebimbangan beliau terhadap pembedahan-pembedahan payu dara untuk letak silikon. Sebenarnya di KKM kita hanya buat pembedahan *reconstructive*, tidak atas sebab kosmetik kalau dia hendak

besarkan kah, hendak pejal kan kah atau kita tidak buat Tuan Pengerusi [Ketawa]. Hanya untuk *reconstructive*....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Beza besar dengan pejal itu apa?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat lebih maklum daripada saya [Ketawa], jadi setakat ini kita buat pembedahan plastik payu dara ini 50 kes sahaja pembedahan tetapi ini semua untuk *reconstructive*. Kita ada seorang pakar di Hospital Putrajaya memang mahir dalam

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Lipis bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan kepada Lipis?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tengah cerita sedap ini. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia belum beri lagi.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Jadi mengikut FDA, *implant silicone* ini masih selamat, dia yang tidak jadi selamatnya dibuat oleh orang yang mungkin bukan, dia kata dia pakar tetapi dia bukan kepakaran *plastic surgery*, dia tidak dapat kepakaran itu dan mungkin cara dia memasukkan silikon ini salah kah dan boleh pecah dalam itu dan itu boleh menjadikan bahaya. Kalau dilakukan oleh mereka yang betul-betul *competent, implant silicone* ini masih selamat. Ya, Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kalau ada khunsa yang memerlukan pembedahan jantina, adakah pihak hospital di Malaysia melakukannya untuk kepentingan, untuk membezakan dari segi *psychology* dan sebagainya?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Seingat saya, hospital KKM tidak buat, kalau dia tidak berapa suka itu, dia hendak jadi perempuan pada perempuan, dia hendak jadi lelaki, banyak tidak buat. Kita tidak buat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: [Bangun]

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kota Melaka dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Melaka ya, yang lain sila duduk.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin tahu setakat mana pihak kerajaan walaupun pembedahan plastik melibatkan payu dara tidak diusahakan dalam hospital kerajaan tetapi saya ingin tahu setakat mana pihak kerajaan dapat mengawal aktiviti pembedahan ini dalam pusat perubatan swasta kerana semalam saya bangkitkan isu kerana bukan sahaja atas kekhawatiran dengan penggunaan material melibatkan silikon. Tetapi setakat mana kita dapat mengawal aktiviti-aktiviti pembedahan yang melibatkan payu dara untuk tujuan kosmetik ini?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Di bawah Akta Perubatan 1971, kawalan-kawalan pembedahan kosmetik, baik pulihkah, dia semua tertakluk kepada akta tersebut melalui dialog saya dengan Persatuan Plastik Surgeri, dia ada persatuan dan ahlinya 32 orang sahaja Yang Berhormat bagi Kota Melaka sebab tidak ramai *plastic surgeon*. Mereka memang betul-betul *competent*, kalau kita lihat statistik di dunia baik di Eropah mahupun di Amerika, memang ada kenaikan mendadak untuk kecantikan kosmetik ini sebab itu saya hendak *respond* pandangan Yang Berhormat bagi Ampang bahawa.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading pun minat ya.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Biar habis dahulu, setakuk lagi... sebab kalau ia dilakukan oleh mereka yang mahir dia tidak menjadi masalah, yang jadi isunya sekarang dia banyak dilakukan oleh seperti Yang Berhormat bagi Ampang kata, kita pun tidak boleh hendak ambil tindakan kerana dia datang pagi, dia buat dekat hotel, dia *inject*, kita pun tidak tahu dia punya asal-usulnya dia kata dia doktor, dia pun tidak *register* dengan MMC sebab mana-mana doktor yang pegawai perubatan yang hendak praktis di Malaysia. Dia perlu sekurang-kurangnya mesti mendapatkan *temporary registration* daripada MMC tetapi kita tidak boleh pantau dan dia buat suka hati dia dan yang paling penting adalah pengguna. Pengguna kena lapor pada kita, ini pengguna lapor bila dia sudah *disfigured* ya, dia tidak pejal lagi, terkeluar sana, terkeluar sini dan baru dia jadi begitu. Kebanyakan mereka malu hendak lapor kepada penguat kuasa.

Jadi saya minta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat tolong beritahulah siapa-siapa yang hendak buat ini.....

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:penyebaran dan kempen kepada pengguna ini mesti penting juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Timbalan Menteri Kesihatan. Balik cerita payu dara ini, payu dara ini nama baru dialah. Mak bapak kita dahulu kata buah dada dan buah dada pun bukan satu ungkapan yang kotorlah, buah dada. Sebenarnya perkataan buah dada itu lebih tepat orang tua-tua dahululah. Kanser buah dada ini menjadi penyebab kematian yang besar juga di kalangan wanita-wanita kita. Kita sayang wanita kita. Ada tidak kajian dibuat secara saintifiknya? Apakah kerana pertambahan kes kanser buah dada ini ataupun payu dara ini kerana cara hidup wanita zaman terkini yang tidak suka menyusukan anak. Tidak tahu saya, itu bukan saya sebut bapa susu ke.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah lari tajuk tadi itu. Orang bercakap soal silikon Yang Berhormat pergi kanser pula.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Fasal dia cerita payu dara ini Tuan Pengerusi, jadi saya mencela. Kalau hendak jawab jawablah kalau tidak hendak jawab tidak apalah. [*Ketawa*] Fasal buah dada ini bukan kepunyaan saya. Jadi ada tidak kajian kerana gaya hidup wanita moden ini tidak hendak menyusukan anak. Fasal kes ini dahulu-dahulu tidak ada, tidak berlaku, tidak berapa, kita tidak tahulah tetapi sekarang begitu. Apakah kerana gaya hidup wanita moden tidak mahu menyusukan anak? Susu itu ada tetapi digunakan pada orang lain, jadi membazirlah. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih. Tuan Pengerusi setengah daripada apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading itu memang betul. Perubahan cara hidup, kanser payu dara ini dia ada banyak *multifactorial etiology* dengan izin. Satu kajian telah dibuat dahulu bahawa kalau wanita itu lambat kahwin dan tidak menyusukan anak kebarangkalian dia untuk mendapat *breast cancer* lebih daripada wanita biasa. Apa pun sebabnya yang paling penting kesan daripada impak psikologi pada keluarga pada pesakit tentang kanser payu dara ini begitu mendalam. Ekoran daripada itu sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebuah

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: [*Bangun*]

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, habiskan dahulu Yang Berhormat ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Cerita pasal payu dara lagi ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya mungkin dia orang berminat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan satu institut kanser akan dibangunkan di Hospital Putrajaya bersebelahan, yang menelan belanja lebih daripada *half billion*, RM500 juta untuk memastikan bukan sahaja segala jenis kanser kita kena lihat kerana budaya cara hidup kita sudah jauh berubah sejak kita merdeka dahulu. Jadi, selain kita terdedah kepada penyakit-penyakit infeksi dan jangkitan kuman, virus dan macam-macam tetapi kita terdedah kepada penyakit-penyakit *lifestyle* iaitu kanser payu dara.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: [Bangun]

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Kelana Jaya dengan Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sedikit lagi pasal Kota Melaka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Pasal Yang Berhormat bagi Kota Melaka sama ada, nanti sekejap. Saya ingat pasal Yang Berhormat bagi Kota Melaka saya sudah *cover* lah semua. Ada lagi? Sudah ya?

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Ada. Mesin pengimejan, *imaging machine* yang kurang diselenggarakan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: *Term of reference* dalam pengimejan dia penyelenggaraan mesin-mesin dan *equipment* perubatan dalam hospital kerajaan dikendalikan mengikut zon. Zon selatan oleh Pantai, zon tengah oleh Radicare, zon utara Faber campur Sabah dan Sarawak. Dalam perjanjian dia kena uruskan penyelenggaraan tersebut, tidak boleh tidak. Kalau dia tidak berupaya menyelenggara dalam perjanjian itu kita boleh denda mereka dan kalau pesakit dirujuk kita boleh bil kepada syarikat tersebut. Majoriti daripada kebanyakan penyelenggaraan ini boleh dilakukan cuma mesin atau *equipment* yang *high-end* seperti *CT scan* dia Siemens sahaja yang *producekan* sebagai contoh.

Jadi dia ambil masa untuk panggil pegawai Siemens sebab ini teknologi dia sahaja pegang. Jadi Siemens juga kena *service*. Jadi kalau ada sedikit-sedikit masalah berkaitan dengan pembayaran antara syarikat konsesi dengan syarikat yang membekal *service* penyelenggaraan ini dia akan kena selesai di luarlah. Yang paling penting sekali apa pun yang dilakukan, *service* atau perkhidmatan kepada rakyat tidak boleh terganggu. Cuma dalam hal-hal tertentu saya tidak nafikanlah ada di mana mereka tidak boleh penuhi kehendak pelanggan iaitu Kementerian Kesihatan. Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya minta maaf tadi tidak sempat hendak bercakap, sebenarnya ada beberapa perkara yang saya hendak timbulkan. Tentang mesin pengimejan ini dan juga *ultrasound* tadi kita timbulkan masalah kanser dan sebagainya. Antara faktor yang menyebabkan kanser payudara sebenarnya ialah dari segi cara hidup. Tetapi satu lagi faktor yang dihadapi oleh kawasan luar bandar ialah peralatan tidak mencukupi di klinik-klinik.

Saya hendak timbulkan di sini minta Timbalan Menteri ambilkan perhatian di mana klinik desa di kawasan saya Jengka 2, *ultrasound* pun tidak ada. So saya minta dalam masa terdekat ini kementerian menyelesaikan masalah ini kerana pesakit-pesakit di kawasan ini terpaksa pergi 15 kilometer *just* untuk mendapatkan dengan izin *ultrasound*, apatah lagi hendak kesan penyakit-penyakit yang lebih kronik. Saya minta Timbalan Menteri tolong berikan perhatian dapat selesai masalah ini.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Maran. Saya ambil perhatian. Ini Yang Berhormat bagi Kepong....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat minta sedikit fasal kecantikan. Perkara ini sekarang ini sudah menjadi-jadilah. Tadi tentang payu dara ataupun seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading kata. Tetapi suntikan botok untuk mencekang dan menjadikan imej seorang wanita itu yang sudah berumur jadi muda. Muka jadi mudah, kalau tidak dia berkedut bila kita cucuk itu. Dan saya difahamkan oleh Yang Berhormat bagi Tebrau, lelaki pun cucuk juga. Jadi saya hendak bertanya pada Yang Berhormat apa yang saya baca, ada *effectnya* jika lama-lama kita tidak cucuk dia menurun dan muka kita jadi lebih teruk daripada asal. Jadi apakah pihak kementerian membuat kajian supaya suntikan botok ini dipastikan selamat, kerana kita takut sekarang ini maklumlah kalau sekarang ini orang merindui dan menghayati benda-benda yang cantik.

Kalau wanita itu cantik, dia nampak muka dia cantik dan berseri-seri. Lelaki pula begitu, ya? Kadang-kadang mereka menidakkan kehendak Allah S.W.T. dengan *modifiedkan* muka-muka mereka ini. Jadi *side effect* dia, ada. Jadi bolehkah Yang Berhormat cuba menjelaskan kepada saya boleh atau tidak boleh? Contoh kalau Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kalau dia teringin pun boleh, ya? Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam boleh, ataupun Yang Berhormat bagi Seputeh tak dak. [Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tak payah libatkan orang lain lah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payah nak libatkan orang lain. Kalau Yang Berhormat nak cuba ke tidak sahaja. [Ketawa].

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Dia rangkaian perkhidmatan di Kementerian Kesihatan, kita tak beri perkhidmatan *injection botox* ini Tuan Pengerusi. *Botox* ini sebenarnya dia ada satu bakteria botulinum. Toksin dia itu, digunakan untuk mematikan sel, *nerve cell* - sel saraf. Jadi, bila sel saraf itu dimatikan, kalau Yang Berhormat bagi Jerai tengok saya, saya ada berkedut-kedut ini, kan? Tetapi bila kita *inject* di situ, sel-sel saraf ini dimatikan.

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Seri Ong Ka Ting) masuk ke dalam Dewan dan mengambil tempat duduk].

Presiden MCA sudah sampai, jadi saya kena pendekkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, kalau sudah matikan, fasal apa muka jadi elok?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tak, dia bila mati, jadi kita kalau ini, dia jadi tegang. Dia tak nampak apa tu? Kalau senyum itu, cantiknya dia punya senyum. Dia tak nampak dia punya *creases* dengan izin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Patut yang hiduplah tegang, apa pula yang mati pula tegang?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang itu, berubutlah segera Yang Berhormat? Oh, ubat kekal macam *mummy* pakai itu? *Mummy* dekat piramid itu?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sebab itu, saya hendak ingatkan bahawa [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Allah suka orang-orang yang '*Jamil*', orang-orang yang cantik. Tetapi janganlah sampai mengubah. Sebab itu bila kita...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bukan orang, sesuatu yang cantik.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Minta maaf.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerana Allah itu cantik.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ha, memang. Dia Maha *Jamil*, ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jamil, Jamal, Kamil, Kamal.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Betulkan sedikit, betulkan sedikit hadhari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*].

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ya, *Masya-Allah!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Allah itu cantik..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya ada bangun.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: [*Menyebut di dalam bahasa Arab*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya ada. Hendak bagi jalan?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Kepong tak selesai lagi ini, macam mana?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi jauh sangat, tadi saya nak sentuh apa yang telah dibangkitkan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jauh... Ini soal *botox* belum selesai!!

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading kalau hendak tahu, jumpa saya masa minum nanti.

[*Dewan riuh*] [*Ketawa*].

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Pengerusi pun doktor. Tuan Pengerusi, berkaitan dengan doktor kepakaran yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang menjadi perhatian orang ramai ialah siapakah yang menjadi yang betul-betul mempunyai kepakaran? Sebab tidak ada sistem yang memberitahu orang ramai bahawa orang itu mempunyai kepakaran yang tertentu? Apakah pihak kementerian memberi cadangan untuk membuat pensijilan seperti macam JAKIM? Bagi barangan Halal, dia ada logo yang tertentu. Apakah apabila diberi pensijilan tertentu, doktor pakar tersebut dikehendaki mempamerkan sijil tersebut supaya orang ramai tahu kepakarannya dan beliau adalah doktor pakar yang betul-betul? Apakah penjelasan daripada pihak kementerian?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita sudah minta MMC menilai kembali Akta Perubatan 1971. Sekarang ini dia hanya melibatkan pegawai perubatan. Kalau kita nak *register* pakar, dia perlu ada satu lagi *registration* dan perlu *amendment* kepada Akta Perubatan 1971.

Saya hendak jawab soalan Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Ampang sekali, fasal kosmetik yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Ekoran daripada itu, kita dalam peringkat terakhir untuk membuat draf *Cosmetic Bill*. Sekarang ini di peringkat AG sebelum kita bawa ke Kabinet untuk kelulusan. Jadi, fasal *botox* ini, walaupun ada fatwa kebangsaan kata haram, jadi terpulanglah kepada individu sama ada hendak *inject* atau tak *inject*? Saya tengok Yang Berhormat bagi Jerai tak *inject* pun okey, juga. Nampak berseri, nampak muka yang barakah. Yang penting dia barakah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Alhamdulillah, Alhamdulillah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ha, ini fasal...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maksud saya Yang Berhormat Dr. adakah selamat? Kerana saya takut nanti, kalau dia orang mula *inject*, kemudian satu hari nanti dia orang tak ada duit dan tak pergi *inject*, muka itu teruk. Jadi, kita kena beritahu kepada pengguna bahawa kalau benda ini memang fatwa sudah kata haram, tetapi ada juga kerana hendakkan. Saya mungkin yang boleh mengamalkan, saya takut nanti bila dia orang pakai dan tak guna lagi suntikan itu, dia akan *deformkan* muka dia orang ini. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ia selamat jika dipraktikkan oleh orang-orang yang betul-betul mahir. Dia bukan *inject* sebarang ini.

Yang Berhormat bagi Kepong bertanyakan beberapa isu. Pertama tentang kos rawatan untuk pesakit AIDS dan semua hospital di Lembah Kelang ini memberi perkhidmatan dan kita memiliki seorang pakar yang sub kepakarannya adalah penyakit berjangkit. Ada beberapa hospital yang memberi perkhidmatan kepada pesakit HIV AIDS. Antaranya Hospital Sungai Buloh, Hospital Pulau Pinang, Hospital Kota Bharu, Hospital Ipoh, Hospital Sultanah Aminah, Hospital Kuching dan juga Hospital Kota Kinabalu. Yang Berhormat bagi Kepong juga tanya berapa kos? Kos untuk seorang pesakit, purata dia sebulan sebab dia melibatkan satu jenis ubat ARV, antara RM65.00 kepada RM1,200.00 sebulan, kos dia. Ubat sahaja. Ini tidak termasuk lagi kos-kos lain dan memandangkan AIDS dan HIV ini adalah di bawah penyakit berjangkit, maka rawatan adalah percuma.

Yang Berhormat bagi Rasah bertanyakan soalan spesifik mengenai alat yang banyak di kawasan Yang Berhormat ekoran daripada ternakan unggas. Kita memang membuat pemeriksaan berkala. Tetapi sebenarnya perkara tersebut tidak boleh ditangani semata-mata oleh Kementerian Kesihatan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun].

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Habis sedikit, *last* sedikit. Lepas ini kita balik Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, baik, baik. Dekat sahaja. Saya dengar tadi Rasah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: 50 km sahaja. Ekoran daripada itu, kita mendapat kerjasama yang baik daripada Kementerian Pertanian, Pejabat Tanah serta Majlis Perbandaran. Perlu dilakukan secara bersepadu agar perkara-perkara tersebut ini dapat kita tangani secara berhemah tanpa menjejaskan mana-mana pihak. Ya, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, memang adalah baik kita bagi percuma untuk rawatan pesakit HIV AIDS ini. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, apakah insiden AIDS di negara ini? Apakah mereka yang tidak dapat dikesan, dan apa terjadi dengan ibu-ibu yang menghidap penyakit HIV AIDS ini? Apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: *Incident figure* secara spesifik saya akan bagi secara bertulis tapi purata, ia ada tiga kes baru setiap hari, kes HIV atau tiga kematian tiap-tiap hari, kematian ekoran daripada HIV. *Figure* yang saya ingat dulu adalah lebih kurang 70 ribu pesakit AIDS. Dan untuk ibu yang mengandung, ibu mengandung ini memang kita *screen* yang mendapatkan rawatan di klinik ibu mengandung baik di sektor swasta, semua diwajibkan melakukan ujian HIV, jadi kita dapat data. Jadi mereka-mereka yang didapati HIV positif ibu dia selepas dia mengandung, kita pergi kaunseling sebab tidak semua ibu yang HIV positif mempunyai anak dalam kandungan dia positif. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kepong pun lebih mahir daripada saya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, yang kita bimbangannya begini kerana ada stigma dan, mereka pandang sini juga, memang doktor pun faham, jumpa doktor, jangan kita bising sini. Semua faham ini, jangan kita, ini bukan doktor hendak bising pula. Tuan Pengerusi, kita doktor ini, ini bukan doktor, ini adalah Ampang, kita jaga dia sedikit.

Tuan Pengerusi, kerana ada stigma ibu yang menghidap HIV ataupun AIDS ini mungkin dihalau daripada rumah termasuk anak-anak dan sebagainya. Saya berharap Kementerian dapat mengkaji setakat mana keadaan sedemikian berlaku di Malaysia. Saya percaya kita pun bukan begitu teruk, kita lebih terkawal daripada negara-negara lain tapi saya tidak mahu kawalan ini dilonggarkan ataupun ada masalah-masalah yang timbul kenamengena dengan HIV/AIDS ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat ini lemah lembut jawab, saya minta cepatkan sedikitlah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Baik. Saya maklum keprihatinan Yang Berhormat bagi Kepong. Walau bagaimanapun kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dan ada beberapa NGO yang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi memastikan ibu-ibu yang mengandung dan HIV positif ini diambil perhatian.

Yang Berhormat bagi Baram, klinik-klinik kesihatan ini, saya hendak maklumkan bahawa KK dan KD yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Baram itu sudah pun diambil maklum oleh pegawai-pegawai saya dan Klinik Kesihatan Long Lama itu telah dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan akan dimulakan kalau tidak ada apa aral pada Jun 2008 dan dijangka siap pada 2010 dan kos pembinaan Klinik Kesihatan Long Lama ini berjumlah RM7 juta.

Yang Berhormat bagi Bagan mengutarakan

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Maran.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Nantilah Maran, saya habiskan Bagan dulu. Ini mengenai sama ada, ada atau tidak penambahan dari sudut bangunan atau wad di hospital Seberang Jaya atau Pulau Pinang. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita tumpukan tidak silap saya dekat RM1.5 bilion diperuntukkan untuk menaik taraf hospital-hospital lama termasuk Hospital Pulau Pinang dan juga Hospital Seberang Jaya dan juga hospital-hospital kecil kita *upgrade* termasuk Hospital Tangkak, peruntukan lebih kurang RM25 juta untuk kemudahan daerah yang baru di negeri Johor. Mengenai kawalan-kawalan ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan, masuk tidak tu pusat-pusat kesihatan besar?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Dia penambahbaikan taraf ini, dia juga melibatkan klinik desa, klinik kesihatan yang sedia ada, itu tak masuk klinik kesihatan yang baru, klinik kesihatan yang baru ada 503, ini yang kecil-kecil ini yang kita perlu tambah bangunan, besarkan kerana pelanggan kita bertambah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia hendak habiskan Bagan dulu Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Bagan juga menyatakan fasal kawalan makanan dari negara China. Dalam soalan lisan pun ada Yang Berhormat tanya. Saya hendak maklumkan bahawa mengikut Akta Makanan dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985, semua makanan-makanan perlu mengikut ketetapan akta-akta dan juga regulasi yang wujud dalam akta tersebut. Ekoran daripada itu, semua makanan memang kita jalankan pengawasan, bukan sahaja dari negara China, tetapi kepada semua negara. Saya bagi contoh penemuan Sudan Red, suatu bahan kimia dalam telur itik di negara China merupakan masalah keselamatan makanan domestik di negara

China. Setakat ini pengawasan di pintu masuk menunjukkan tiada produk berkenaan pernah diimport ke negara ini. Walau bagaimanapun pintu masuk ini telah diarahkan untuk berjaga-jaga, bukan Sudan Red saja, telur itik ini dia macam-macam lagi dan kita juga bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menangani isu-isu masalah pemakanan ini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan berkenaan dengan pengawalan mutu makanan. Apa yang saya maksudkan adalah negara-negara asing yang menemui ada bahan kimia atau bahan toksik dalam makanan, mereka menemui dahulu. Kemudian ia dipaparkan dalam surat khabar dan barulah Malaysia ambil tindakan untuk memeriksa. Ini contohnya seperti "tausi ikan" dalam tin pada satu masa itu, baru kita ambil tindakan untuk merampas balik dari *supermarket*. Jadi kita mundur.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Okay, sebenarnya tidak begitu Yang Berhormat. Kita ada kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya dalam sekuriti dan mutu kawalan makanan dengan negara-negara jiran dan juga dia ada satu kesatuan yang menguruskan hal-hal ini. Jadi bila sudah keluar itu, jadi kita kena buat kerana untuk meyakinkan pengguna.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kota Melaka bangun Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat menyatakan fasal kardiologi jururawat ini. Ini saya kena terangkan, ada diskriminasi kaum. Nanti sekejap. Sebenarnya ramai orang tidak faham pengambilan jururawat ini bukan dilakukan oleh Kementerian Kesihatan, dilakukan oleh SPA. Kita hanya beritahu keperluan kita, jadi SPA yang pergi *interview*. Maklumat yang diterima, walaupun promosi dibuat oleh Kementerian Kesihatan tapi pengambilan dibuat oleh SPA. Oleh yang demikian, hendak kata tuduhan mengatakan ada diskriminasi kaum, sebenarnya itu tidak betul langsung. Kalau kita lihat statistik, saya boleh bagi kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Barat mengenai pengambilan ini dan siapa yang hadir *interview*, etnik mana yang paling ramai, kita boleh bagi.

Kebanyakan mereka mungkin tidak minatlah untuk mengikuti kursus-kursus jururawat di kolej-kolej jururawat Kementerian Kesihatan yang pengambilannya dilakukan oleh SPA. Ambulans untuk *outsourcing* tidak betul, kita tidak akan *outsource* kita punya ambulans. Isu yang dibalikkan kembali Crimea State Universiti hendak diiktiraf, kita belum lagi buat keputusan, kita akan tetap juga dengan keputusan kita dan kita dapat tahu perkara pokok yang kenapa kita tidak iktiraf. Dia kata dia punya *ratio* atau nisbah 1:8 memang betul tetapi kita minta bilangan pensyarah-pensyarah dia tidak bagi, sampai sekarang dia tidak bagi. Dia kata 1:8 memang betul, tetapi sampai sekarang dia tidak bagi.

Kedua, menjadi lumrah negara-negara yang mengeluarkan doktor daripada mana-mana universiti dia selalunya akan benarkan mereka yang keluar daripada mana-mana universiti untuk praktis dalam negara tersebut tetapi untuk rakyat Malaysia, dia keluarkan doktor daripada universiti tetapi dia tidak benarkan rakyat kita bekerja atau praktis kepakaran mereka di Ukraine. Jadi sampai sekarang pun dia tidak bagi. Jadi jelas bahawa dia hanya minat untuk latih hanya untuk mendapatkan duit semata-mata.

Yang Berhormat bagi Ledang saya sudah jawab, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang, sistem penyampaian ini Hospital Taiping kita *upgrade*.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita *upgrade* tender akan keluar sedikit masa lagi lebih kurang RM100 juta dan dalam rancangan *upgrading* Hospital Taiping ini kita tahu Taiping ini bukan hanya hospital, dia juga hospital rujukan bagi Perak Utara. Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya ingin tanya sedikit berkenaan dengan soal makanan tadi kerana secara kebetulan dulu saya ada satu kes di Mahkamah Majistret Gemas yang melibatkan satu kes jenayah di bawah Akta Makanan pada tahun 1983. Saya buat kes itu dan saya difahamkan bahawa di bawah Akta Makanan, satu jenis bahan pemanis dengan nama *cyclamate* telah pun dilarang tetapi bahan pemanis sakarin pula yang telah pun dibenarkan secara nyata di dalam undang-undang Akta Makanan tahun 1983 itu.

Jadi apabila saya buat sedikit rujukan (*research*), saya dapati bahawa sebenarnya sakarin yang dibenarkan di bawah Akta Makanan itu sebenarnya mempunyai satu kesan negatif dan boleh menyebabkan kanser kepada pengguna tetapi padahal *cyclamate* yang dilarang oleh negara kita dalam Akta Makanan itu dia tidak ada kesan yang boleh menyebabkan kanser. Jadi saya cuma ingin mengambil kesempatan ini, saya harap supaya pihak kementerian boleh menyiasat dan juga mengkaji perkara ini sama ada penggunaan sakarin yang dibenarkan di bawah Akta Makanan itu sebenarnya membahayakan kesihatan kita. Sekian.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Melaka ini spesifik, saya perlukan nasihat daripada pegawai.

Yang Berhormat bagi Pendang, klinik desa ini saya akan periksa sama ada ia termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan atau tidak tetapi kalau tidak ada saya akan pastikan ia masuk dalam *mid-term review* Yang Berhormat. Jadi sudah ada hospital, klinik kesihatan tidak ada pun susah juga kan?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Timbalan Menteri minta izin, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak timbulkan juga tentang klinik desa ini, oleh sebab saya tidak sempat hendak mengemukakan perkara ini iaitu tentang Klinik Desa Kampung Sentosa Maran, Pahang. Kita telah diminta untuk menyediakan tapak tanah kepada klinik ini dan sejak Rancangan Malaysia Kelapan, tapak telah ada dan kita telah cadangkan kepada Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi tidak disenaraikan. Saya mohon kepada Timbalan Menteri kalau dapat dimasukkan balik kerana keperluan klinik ini oleh penduduk tempatan. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita ambil maklum, kalau macam itu tidak payah cakap Yang Berhormat bagi surat sahaja kepada saya. Ini pasal Yang Berhormat bagi Mambong tanya kenapa *Hand, Foot and Mouth Disease* hanya di Sarawak sebenarnya tidak betul, dia bukan hanya di Sarawak di semua negeri ada cuma kali ini dia lebih konsentrasi dia di Sarawak. Walau bagaimanapun dalam Jawatankuasa Kabinet Kebersihan kita sudah buat pendekatan, kita tumpu hanya di kawasan-kawasan tertentu di Sarawak bagi menangani kes ini terutama dalam mengenal pasti tabika, tadika yang terlibat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat bagi Pendang, Yang Berhormat bagi Langkawi, cerita pasal feri ambulans. Jadi Yang Berhormat Menteri

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pendang bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Cerita pasal satu lagi tentang ambulans ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Baru-baru ini kita ada satu kes doktor yang tidak *confirmed escort* pesakit untuk dihantar ke.. saya tidak ingat mungkin daripada Seremban ke Hospital Kuala Lumpur dan mengalami *accident* dan doktor itu meninggal tetapi apa yang malang adalah Kementerian Kesihatan kata tidak ada memberi pampasan kepada keluarga tersebut kerana doktor tidak *confirmed*.

Jadi saya hendak tahu apakah dasar sebenarnya terhadap *escort* kes ini, apakah hanya kita akan membenarkan doktor-doktor yang *confirmed* sahaja untuk *escort* kes kerana biasanya *housemanship* yang akan *escort* kes untuk di *refer* kepada hospital yang lebih besar sebab doktor yang MO ini biasanya dia sibuk dengan tugas di dalam wad. Jadi dasar bagaimanakah kementerian terhadap doktor yang hendak *escort* kes?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita sudah ada dasar tetapi doktor itu namanya Doktor Siti Norbaizura. Saya melawat arwah dua kali, kebetulan suaminya *engineer* komando di Mersing. Sudah sampai umur tetapi Yang Berhormat dengar di mana mengatakan bahawa tidak ada pampasan? Kita bekerjasama dengan JPA untuk pastikan keluarga Allahyarhamah dapat pampasan. Ini pasal feri ambulans ini kita ambil maklum dan bahagian *engineering* sudah pun diarahkan beri teknikal *spec* sebab kita tidak pernah lagi mengalami *sea disaster* yang macam itu. Jadi kejadian feri berlanggar di Langkawi itu ada fadilat dia.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi terima kasih Timbalan Menteri. Saya mohon maaflah kalau kerana lambat. Ada empat isu tetapi yang dua saya akan tulis.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sampai, sampai.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Belum lagi? Oh pasal, minta maaflah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat tidak sabar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak lagi?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sedikit sahaja lagi, saya ingat....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit boleh selesai.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ambulans ini Yang Berhormat bagi Langkawi sebut tadi sudah selesai dan kita pasti dengan adanya *spec* yang sebegitu rupa bukan hanya boleh digunakan di laut tetapi juga di sungai-sungai besar di Sarawak.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau menyatakan pasal kekurangan pakar, kurang peralatan, semua ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan memang kita tumpukan untuk tambah pakar, tambah pegawai perubatan, letakkan peralatan-peralatan yang canggih termasuk *ultrasound* dan kita banyak dapat peruntukan yang spesifik untuk peralatan-peralatan tersebut yang kita tidak dapat dalam Rancangan Malaysia Kelapan dahulu.

Pembinaan-pembinaan klinik kesihatan, klinik desa seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah, saya sendiri pergi ke klinik tersebut, rumah-rumah kedai. Yang Berhormat masa itu ada persidangan Parlimen, Yang Berhormat bisik kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri suruh saya pergi, saya pergi memang perlu satu klinik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh selesailah?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Boleh selesailah, tidak ada hal lah.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi. Penjelasan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Sudah dapat cukuplah tidak payah jelaslah nanti dekat luar boleh dapat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah Timbalan Menteri kata boleh dapat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Menteri sudah cakap, sudah arah sama saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri cukuplah.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Bukan, saya hendak tahu agaknya bila pembinaan baru klinik kesihatan ini?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ini bergantung kepada '*privet*' sama ada *technical specs* sudah disiapkan atau tidak. Tetapi yang pentingnya lulus, duit ada. Itu yang penting.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh minta '*arterial blood gases*', demo nak juga hemodialisis ini boleh cerita di luarlah, selesai ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia memang tunggu Yang Berhormat di luarlah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Semua sekali. Sebab itu saya kata awal-awal tadi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, semua ini sudah dicatat oleh pegawai. Mereka akan mengambil maklum terutama...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan, *private wing*.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ha, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, *private wing*. Kita tidak mulakan lagi *private wing*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa itu?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Jadi tidak perlu kita cakaplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kementerian Kesihatan tidak mulakan lagi pun *private wing*.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Akan jawab tak?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: *Private wing* kita tidak mulakan lagi pun.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Di UH itu?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: UH itu bukan kementerian kita.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Siapa?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Itu Kementerian Pengajian Tinggi. [Ketawa]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tetapi itu *private wing* hospital itu.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yalah *private wing*. Itu di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Tanya menteriilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kementerian Pengajian Tinggi, hospital.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ini *private wing* di Kementerian Kesihatan kita tidak buat lagi. Jadi saya tidak boleh jawablah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah pendidikan, kementerian boleh.....

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Macam mana hendak jawab, benda belum buat. [Ketawa] Faham tak? *Private wing* ini dibuat di Hospital Universiti.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi ia *under* Kementerian Pengajian Tinggi.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ya, ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Bukan bawah Kementerian Kesihatan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi tidak ada kena-mengena dengan kementerian ini.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tidak ada kena-mengena.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Walaupun doktor itu di bawah kementerian.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Ia *registration* sahajalah. Ia semua sekali di bawah jajahan takluk Dato' Pa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Akhir sekali, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ini dia lahirkan tiga, empat isu. Cuma saya ingat yang dia hendak tahu berapa, apa kesan Program Tak Nak ini, statistik yang ada pada kementerian. Sebenarnya kita baru hendak buat kajian mengenai keberkesanan Tak Nak ini. Jadi statistik khusus mengenai berapa orang yang berhenti merokok ekoran daripada Program Tak Nak ini belum lagi kita dapat statistik secara terperinci.

Kita akan tambah semua keperluan doktor itu sementara di Hospital Sabak Bernam ini. Ia adalah hospital daerah tanpa pakar. Jadi pakar-pakar yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ini kita akan hantar daripada klinik-klinik atau hospital berdekatan. Yang lain saya rasa semua sudah jawablah Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Kuala Selangor, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kuala Selangor pun hendak tambah pakar, tambah hemodialisis.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sabak Bernam bangun.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Itu semua kita sudah catat.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Kuala Krai, hospital baru.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Pun sama juga, hospital baru. Jadi kita akan ambil maklum.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Penjelasan, Sabak Bernam.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kita akan...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sabak Bernam, penjelasan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Okey.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya sebenarnya selain daripada bertanya mengenai keberkesanan Kempen Tak Nak itu saya khususkan kepada satu kempen yang baru yang dikeluarkan di TV, di media tentang larangan merokok di kawasan awam dan denda yang akan dikenakan. Ini yang saya tegaskan sebab ini saya yakin boleh mengurangkan isu perokok baru.

Yang keduanya saya bertanya mengenai dasar mengenai *methadone* ini yang kita dapati dikatakan 80% berkesan. Kalau diambil di Selangor memang keberkesanan itu jelas. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Pasal penguatkuasaan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun diarahkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya melihat

tentang penguatkuasaan. Perlu ada kerjasama bukan sahaja pegawai penguat kuasa kementerian tetapi juga pegawai penguat kuasa kerajaan tempatan. Dua-dua kena bekerjasama.

Sementara *methadone* ini, ia *pilot project*, baru setahun lebih berjalan hanya melibatkan 1,024 pesakit. Bukan 80% berjaya, sebenarnya 98% berjaya. Program ini program yang bagus dan berjaya dan kita akan tambah peruntukan untuk tahun hadapan menjadi 5,000 penagih yang akan terlibat. Tahun satu lagi tambah satu lagi 10,000 menjadikan sebelum 2010, kita punya sasaran adalah 15,000. Jadi oleh kerana ia hanya di peringkat *pilot*, ia hanya di tempat-tempat yang tertentu. Ia akan sampai juga ke Sabak Bernam, insya-Allah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat..

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, sedikit tentang isu penyakit kanser tulang yang hanya dirujuk ke Hospital Kubang Kerian.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Hospital Kubang Kerian ini kita ada beberapa *center* untuk radioterapi, tetapi kepakaran-kepakaran tertentu ada di tempat-tempat tertentu seperti di Hospital Kubang Kerian. Jadi kalau pakar itu sudah dirujuk ke sana kita tidak boleh buat apa. Tetapi biasanya kita sudah ada di Johor, kita letakkan di Hospital Pandan, di Sarawak kita letak di Hospital Sakit Umum Kuching, di Pulau Pinang kita beli perkhidmatan daripada sektor swasta dan seluruh zon sebenarnya kita sudah ada pusat-pusat radioterapi. Buat masa ini kita melatih ramai lagi pakar-pakar, *physicist* dalam bidang ini untuk perawatan supaya pendemokrasian dalam radioterapi itu dapat dirasakan oleh seluruh penduduk di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,340,193,800 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM8,340,193,800 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,628,737,800 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,628,737,800 untuk Maksud P.42 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dengan ini saya menjemput menteri.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

3.57 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.00 malam ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari esok Khamis 30 November.”

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.43 [Jadual] -
Maksud P. 43 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita beralih ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kepala Bekalan 43 dan Kepala Pembangunan 43 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

3.59 ptg.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk membentangkan satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(1)(9) yang mencadangkan bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 [Disampuk] daripada Maksud Bekalan 43 kod 10000...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bikin susah sayalah ini usul!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...di bawah Butiran 050000 iaitu dengan memotong gaji Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM10.

Tuan Pengerusi, sebelum saya memulakan ucapan saya, ingin saya menyebut beberapa perkara untuk pengetahuan Tuan Pengerusi iaitu yang pertama ialah mengenai satu berita terkini yang saya terima melalui SMS, dengan izin. *Ex-Kangar Municipal...*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Berita SMS boleh pakai kah?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Baharuddin Ahmad *sentenced to four years jail and fined RM405,000 over four counts of bribery involving RM387,500.* Yang kedua ialah saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri kerana beliau...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini bising sangat. Samseng sangat bising di sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mereka hendak tanya ucapan tahniah itu jujur atau tidak.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Seri Menteri kerana beliau telah berjaya melancarkan satu kempen publisiti serangan oleh konco-konco dan tali barunya dalam tempoh dua hari kebelakangan terhadap saya, selepas mengetahui saya akan membawa usul ini. Walaupun sekarang saja saya membentangkannya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah memegang jawatan selama tujuh tahun sejak Disember 1999. Tetapi yang mendukacitakan ialah beliau makan gaji buta selama ini kerana tiada apa-apa pencapaian yang dibuat olehnya dalam soal dasar negara ke arah pembentukan satu sistem pentadbiran yang bertanggungjawab, jujur, bersih dan cekap.

Keseluruhan prestasi dan integriti kerajaan tempatan, satu portfolio yang diawasi olehnya semakin merosot sehingga ke satu peringkat bahawa tingkat ketiga kerajaan sendiri telah menjadi satu ancaman kepada kesejahteraan, keselamatan, kesihatan dan taraf hidup semua rakyat Malaysia. Saya mengemukakan usul pindaan ini untuk memotong gaji menteri sebanyak RM10 ialah bagi menzahirkan perasaan tidak puas hati rakyat Malaysia terhadap cara menteri mengendalikan portfolio kerajaan tempatan sepanjang tujuh tahun ini.

Saya ada sepuluh sebab mengapa gaji Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan patut dipotong. Pertama, rasuah. Pelbagai insiden sama ada dilaporkan atau tidak dilaporkan berlaku yang jelas menunjukkan bahawa PBT melakukan amalan rasuah yang sungguh memalukan selama ini. Kes Datuk Zakaria Md Deros berjaya menarik perhatian negara baru-baru ini. Ahli Majlis MPK selama 27 tahun telah bertindak seperti tokoh feodal zaman moden yang berkuasa sebagai pemimpin UMNO tempatan, ADUN dan Ahli Majlis Perbandaran. Tetapi ini adalah pendedahan *tip of the iceberg* sahaja. Terdapat lagi ramai orang-orang macam Datuk Zakaria yang melanggar undang-undang selama sistem kerajaan tempatan kita tidak ada *check and balance*.

Pemansuhan pilihan raya kerajaan tempatan telah menghasilkan satu sistem tanpa *accountability*. Di samping pelantikan Ahli-ahli Politik Barisan Nasional sebagai ahli majlis telah mewujudkan putaran pembelian kuasa yang lebih ganas dengan wang dan dengan tujuan untuk membuat lebih banyak wang haram. Tuan Pengerusi, kontroversi sering timbul tentang rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang berlaku setiap hari melibatkan pegawai-pegawai PBT dan di seluruh negara. Ahli-ahli majlis yang dilantik oleh parti-parti komponen Barisan Nasional kerana majlis adalah badan kerajaan yang sentiasa ada hubungan harian dengan rakyat jelata, maka ia memberi imej buruk kepada kerajaan dan sistem politik keseluruhannya.

Kedua, tiada ketulusan. Seorang timbalan menteri menggelar majlis tempatan sebagai *secret societies*. Saya akui ini ada kebenarannya. Majlis tempatan berusaha sedaya upaya untuk menyekat kehadiran orang ramai dalam mesyuarat penuh pulangan majlis. Sebagai contoh pada 30 Ogos lalu, pemimpin-pemimpin DAP Selangor iaitu Lau Weng San dan Thomas Goh disekat dari menghadiri Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya. Adalah sesuatu yang sungguh melucukan bahawa orang ramai boleh menghadiri sidang Parlimen dan Dewan Undangan Negeri lebih mudah dari menghadiri mesyuarat majlis. Juga majlis-majlis perbandaran menyembunyikan maklumat-maklumat di peringkat mesyuarat jawatankuasa bagi mengelakkan orang ramai memerhatikannya. Malah yang lebih teruk lagi ialah tidak ada tender terbuka bagi kontrak-kontrak yang ditawarkan.

Ketiga, menyalahgunakan wang awam dan menyalahgunakan keutamaan. Perlu diingat bahawa sekurang-kurangnya enam kerajaan tempatan di negara ini. Selain Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menggunakan peruntukan bajet tahunan berjumlah

lebih RM100 juta. Lebih-lebih lagi Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah RM236.432 juta kepada 144 PBT seluruh negara pada tahun ini. Tetapi kerana majlis tempatan tidak bertanggungjawab secara langsung dengan pembayar cukai, maka keutamaan mereka sering disalahtempatkan.

Projek-projek tanaman bunga, tiang lampu dan pengindahan ini menjadi penting dan keutamaan zahir majlis-majlis tempatan. Sebagai contoh, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah memohon peruntukan RM50 juta untuk menjalankan kerja-kerja pengindahan. Lebih banyak dari mana-mana bidang tanggungjawabnya. Tidak ada pihak yang begitu mengambil berat tentang longkang-longkang yang tersumbat atau jalan-jalan yang kotor dan rosak. Menyediakan medan letak kereta, mengenakan denda dan kompaun serta menunda kereta juga menjadi minta utama majlis tempatan. Kegilaan lain ialah melesenkan penjaja-penjaja dan bertindak ke atas mereka yang tidak berlesen adalah satu tempat pembiakan rasuah. Menyalahtempatkan keutamaan dan menyalahgunakan wang awam juga berlaku dalam pelbagai rombongan perjalanan termasuk rombongan melawat Mauritius dan Afrika Selatan oleh Majlis Perbandaran Selayang bagi mempelajari operasi tandas.

Keempat, sikap toleransi dan layanan yang semakin merosot. Tuan Pengerusi, pihak berkuasa tempatan juga didapati kurang responsif terhadap pandangan dan kehendak orang ramai. Pasukan penguat kuasa majlis tempatan biasanya adalah penguat kuasa dan pelaksana undang-undang dasar setinggian sifar di pelbagai negeri. Kes terbaru setinggian Kampung Berembang, Ampang adalah bukti jelas pihak majlis tempatan bertindak semata-mata untuk kepentingan pemaju. Harga tanah mengatasi hak asasi perumahan rakyat. Sikap kejam yang dipamerkan oleh majlis tempatan hanya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kurang perikemanusiaan dari sepatutnya. Ketiadaan sikap toleransi terhadap rumah-rumah ibadat bukan Muslim, termasuk tindakan merobohkan tokong-tokong di Bukit Mertajam baru-baru ini, di samping banyak contoh tindakan merobohkan kuil-kuil Hindu sebelum ini di seluruh negara.

Tindakan-tindakan sebegini oleh majlis tempatan tidak dinafikan telah melebarkan pembahagian kaum di negara ini. Percubaan-percubaan majlis tempatan sebagai *moral police* seperti menjadikan sepasang remaja yang berpegangan tangan sebagai satu kesalahan jenayah telah memburukkan imej negara lagi.

Kelima, jenayah dan konsep bandar selamat. Bandar raya-bandar raya kita nampaknya kurang selamat berbanding sepanjang tujuh tahun lalu sejak Dato' Seri Menteri berkuasa. Indeks jenayah di seluruh negara adalah tinggi dan kian dan semakin meningkat. Keadaan ini menjadi bertambah buruk dalam tempoh dua tahun kebelakangan sejak konsep bandar selamat diperkenalkan. Pihak kementerian telah mengenal pasti 23 langkah ke arah pencegahan jenayah. Tetapi dari 144 PBT menurut Dato' Seri Menteri sendiri pada bulan Februari lalu, hanya 12 daripada 38 PBT telah menyiapkan 50% daripada 23 langkah. Lebih-lebih lagi walaupun pegawai-pegawai penguatkuasaan berpakaian seragam adalah bukan anggota polis, mereka boleh ditugaskan untuk membantu polis memerangi jenayah. Tetapi yang sering berlaku ialah bertugas untuk menindas penjaja dan peniaga kecil. Pada asasnya majlis tempatan bukan dipilih oleh rakyat. Maka ia tidak ada *accountability* ke atas pembayar cukai. Rakyat sudah semakin prihatin soal jenayah tapi ia bukanlah perkara keutamaan dalam majlis tempatan untuk bertindak.

Ke enam, sisa pepejal Tuan Pengerusi. Sisa pepejal ialah satu bidang yang Dato' Seri Menteri telah gagal dengan sedihnya. Tidak kurang enam tahun menteri membuat kenyataan untuk menanggungkan pembentangan Rang Undang-undang Sisa Pepejal Negara dan dasarnya tetapi beliau tidak mencapai apa-apa daripada rombongan melancong sambil belajar ke luar negara yang diketuainya. Pada September 2000, Dato' Seri Menteri berkata kementeriannya sedang menyediakan pelan induk sisa pepejal selepas kembali dari lawatan sambil belajar ke Jerman dan Denmark. Enam tahun kemudiannya dalam bulan Mei 2006 semasa melawat London dan Switzerland beliau

berkata bahawa negara sedang menyediakan dasar dan draf rang undang-undang sisa pepejal.

Untuk menjadikan hal ini lebih teruk lagi ialah Rang Undang-undang ini telah disimpan sebagai satu rahsia besar. Pengurusan sisa pepejal bukanlah satu rancangan serangan oleh pasukan tentera yang perlu disembunyikan sebagai rahsia besar negara. Kementerian patut menyiarkan dalam laman web untuk makluman orang awam malah boleh menjemput orang ramai memberikan komen dan cadangan. Tanpa melibatkan penyertaan awam dalam penggubalan sistem pengurusan sisa pepejal atau undang-undang untuk dilaksanakan maka peluang kejayaan adalah kecil. Sebaliknya menteri berulang-kali menyebut *Local Agenda 21* sedangkan pengurusan bandar yang sangat asas itu iaitu cadangan sistem pengurusan sisa pepejal dan Rang Undang-undang ditangguh dan disimpan sebagai rahsia.

Apa yang dicapai ialah bagaimana membelanjakan wang rakyat. Saya difahamkan lebih kurang RM40 juta telah dibelanjakan untuk kempen kitar semula dan pembelian peralatan sedangkan kadar kitaran semula masih belum memuaskan dan dakwaan kononnya kempen telah berjaya mendapat sambutan tidak boleh dipastikan.

Tuan Pengerusi, ketujuh ialah banjir dan tanah runtuh. Banyak kejadian banjir kilat dan tanah runtuh berlaku dalam kawasan-kawasan bandar sepanjang tujuh tahun kebelakangan ini berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Banjir-banjir besar seperti yang melanda Shah Alam pada Februari tahun ini akan berulang lagi selagi majlis tempatan membenarkan malah memudahkan pembangunan-pembangunan tanah yang tidak dikawal.

Kelapan, wabak denggi dan masalah gangguan kesihatan yang lain. Terdapat juga banyak kes wabak demam denggi sepanjang tujuh tahun lalu kerana kegagalan majlis-majlis tempatan memastikan tahap kesihatan dan kebersihan yang tinggi di samping kelemahan penguatkuasaan. Baru pagi ini sahaja Yang Berhormat bagi Pendang telah mengemukakan satu usul tergepar yang telah menarik perhatian Dewan ini walaupun tidak dibenarkan untuk dibahaskan iaitu keseriusan masalah demam denggi yang mana banyak nyawa telah terkorban.

Kesembilan Tuan Pengerusi, kampung-kampung baru. Urus tadbir kampung-kampung baru yang terletak di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan adakah satu lagi kisah sedih. Walaupun Dato' Seri Menteri secara terbuka mendakwa bahawa beliau telah berjaya mendapatkan lebih banyak peruntukan di bawah RMK-8 dan RMK-9 berbanding semua menteri MCA yang menjaga portfolio ini tetapi hakikatnya penduduk-penduduk kampung-kampung baru yang mewakili 14% dari jumlah penduduk luar bandar hanya menerima dalam lingkungan 2% sahaja dari jumlah peruntukan bagi pembangunan luar bandar. Peruntukan bagi tabung kampung-kampung baru tidak bermakna bahawa penduduk-penduduk kampung baru menikmati kemudahan lebih baik. Dalam kes-kes tertentu menteri terpaksa melawat sebelum tabung untuk memperbaiki longkang atau jalan boleh digunakan.

Kesepuluh, tandas awam. Dato' Seri Menteri juga gagal memastikan kebersihan tandas awam seluruh negara. Beliau mengisytiharkan dalam tahun 2001 bahawa tandas awam yang bersih adalah keutamaannya dan sebuah jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membuat kajian. Pada Ogos lalu menteri dan Timbalan Perdana Menteri melancarkan forum dan ekspo kebangsaan mengenai tandas awam. Mengapa tidak menteri sahaja turun padang menyiasat punca sebenar masalah ini iaitu kegagalan majlis-majlis tempatan dalam memastikan kebersihan jalan, longkang dan tandas awam.

Tuan Pengerusi, Dato' Seri Menteri tidak dibayar gaji semata-mata untuk memotong reben atau mengeluarkan kenyataan tetapi beliau diberi amanah untuk melakukan perubahan secara kolektif bagi kebaikan masyarakat. Kita menyedari bahawa menteri tidak ada kuasa secara langsung ke atas perjalanan PBT. Tetapi ini tidak bermakna rakyat boleh mengampun atau membebaskan beliau dari kritikan bila berlaku perkara-perkara yang tidak betul dalam PBT. Lagipun ratusan juta ringgit hasil cukai telah dibelanjakan untuk kementerian setiap tahun bagi membolehkan menteri dan pegawai kementerian meningkatkan perjalanan dan cara kerja PBT. Pemotongan sepuluh ringgit dari gaji menteri ialah instrumen Parlimen yang kami gunakan dengan amaran keras.

Hanya menteri-menteri yang tidak atau kurang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang yang menyebabkan kemarahan masyarakat dan membawa kepada penderitaan mereka wajar dikenakan pemotongan. Bagi tempoh 19.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ya, saya gulung. Bagi tempoh sejak 1999 tidak sahaja tidak ada apa-apa pembaikan dalam PBT semua pihak bersetuju bahawa ianya semakin merosot. Rombongan DAP pernah berjumpa menteri sendiri pada Januari 2005 untuk menggesa beliau mempelopori satu dasar dan pemikiran semula ke arah memperkenalkan semula pilihan raya kerajaan tempatan. Hampir dua tahun selepas itu kami mendapati lebih banyak skandal berlaku tetapi tidak ada tindakan oleh menteri.

Sudah sampai masanya Tuan Pengerusi bagi Malaysia menimbang untuk melaksanakan konsep majlis tempatan yang dipilih sebagai satu cara untuk menjadi kerajaan tingkat ketiga lebih bertanggungjawab dan *accountable*. Sistem lantikan Datuk Bandar, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Majlis tidak membolehkan para penduduk yang kecewa menggunakan peluang untuk menunjukkan kekecewaan mereka dalam kertas undi.

Sebagai menteri yang bertugas kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan maka adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk menentukan wawasan dan mencetuskan kesegeraan bagi menjadi bandar dan bandar raya selamat, selesa dan produktif kepada semua lapisan masyarakat. Dato' Seri Menteri makan gaji buta sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berbagai-bagai kegagalan dasar dan ketidakupayaannya memulih pihak berkuasa tempatan telah memberi kesan buruk kepada keselamatan, kesihatan dan taraf hidup semua rakyat Malaysia. Oleh itu beliau patut menerima pemotongan gaji sepuluh ringgit. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

4.18 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk menyokong usul Yang Berhormat bagi Cheras. Nampaknya adalah satu trend baru sekiranya mahu menteri sendiri datang ke Parlimen untuk menjawab apa-apa pun usul potong gaji memang berkesan. Tempoh hari, Menteri Pelajaran sendiri datang mempertahankan diri sendiri dalam usul yang sama. Lepas itu mereka akan hilang pada satu masa dan akan datang balik untuk perkara-perkara yang lain. Tuan Pengerusi, pada 3 Julai 2006 iaitu lima bulan lalu saya membangkitkan satu ucapan penangguhan berkenaan dengan kecacatan pili bomba di Seberang Perai.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah itu bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, butiran yang berkaitan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ada. Sekarang kita bahas usul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebab usul ini dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Cheras, butiran di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, kalau tidak berkaitan.....

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bomba juga di bawah jagaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, butiran. Sekarang saya benarkan pencadang dan penyokong bahas tentang butiran.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Betullah. Benarkan saya baca ucapan penangguhan tempoh hari. Ringkas sahaja. Di kawasan Seberang Perai kebanyakan pili bomba mereka telah dipecah untuk gas ion dan tembaganya.

Perkara ini telah berlaku sejak awal tahun ini dan sehingga sekarang, pihak berkenaan masih belum membaikinya. Dengan pili bomba dalam keadaan kecacatan dan tidak boleh diguna pakai, sila bayangkan sekiranya berlaku kebakaran. Akibatnya amatlah dahsyat dan kerajaan tidak boleh lari dari tanggungjawab.

Saya meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan memberitahu bilangan pili bomba dalam keadaan sebegini di Seberang Perai dan langkah-langkah membaik pulih, mencegah kecurian ini dan bilakah akan dijalankan. Jawapan menteri pada masa itu adalah, di Seberang Perai ada 811 unit pili bomba telah rosak akibat dicuri, dan satu peruntukan sebanyak RM880 ribu telah diperuntukkan untuk membaiki pili bomba ini. Tetapi sehingga hari[*Menunjukkan sekeping gambar*]....Gambar ini baru ditangkap. Sehingga ini, lima bulan telah berlalu. Peruntukan pun telah disediakan. Apa telah terjadi? Apa telah dijalankan untuk membaiki pili bomba ini? Masih tidak ada tangan. Masih kedua-dua 'tangan' hilang. Tidak boleh dipakai.

Ini adalah satu kecuaiian kementerian dan juga pili bomba bukan perkara yang kecil. Walaupun ia nampak kecil tetapi sekiranya ada kebakaran dan tiada punca bekalan air, maka akan hilang nyawa dan harta benda.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua. Dalam tempoh satu, dua tahun dahulu saya pun pernah mendapat satu garis panduan dari kerajaan tempatan iaitu menyediakan tapak ibadat bukan Islam untuk penganut-penganut bukan Islam oleh pemaju pra perumahan. Dalam garis panduan itu ada dikatakan, sekiranya satu kawasan perumahan ada 2,600 orang penduduk bukan Islam, maka perlulah ada satu tempat atau tapak ibadat bagi penduduk bukan Islam. Atau sekiranya ada 5,000 penduduk yang bercampur bangsa, maka satu tempat juga perlu didakan.

Saya sangat kesal. Walaupun garis panduan diadakan tetapi kerajaan tempatan tiada mematuhi garis panduan ini dan kerajaan tempatan pun meluluskan apa-apa yang dicadangkan oleh pemaju perumahan. Ini berlaku. Setelah ini berlaku, maka banyak kuil Hindu dan tokong Cina dibina di atas tanah yang bukan milik sendiri. Di Selangor sahaja kita baca dalam surat khabar sering berlaku kuil-kuil Hindu di roboh oleh pihak kerajaan tempatan.

Baru-baru ini di Bukit Mertajam, sebuah tokong China, Tau Boo Kong telah dirobohkan oleh MPSP dan Ahli Majlis MPSB. Ahli MCA kecam YDP MPSP. Sebagai seorang ahli Majlis beliau bertanggungjawab dengan segala-galanya dalam membuat satu keputusan untuk menjalankan satu tindakan tetapi selepas diroboh mereka keluar mengecam YDP, seolah-olahnya YDP seorang sahaja yang perlu bertanggungjawab atas perobohan tokong ini dan ADUN MCA juga...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Berlakon.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:pada kemudian hari dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang....[*Disampuk*]..juga mengecam MPSP dalam perkara ini. Ini semua orang 'dua muka'. Buat satu keputusan dalam satu persidangan, di luar berlagak sebagai seorang hero mempertahankan hak-hak sesuatu kaum. Inilah muka Ahli Majlis MCA yang boleh dibuktikan di dalam peristiwa ini.

Jadi, saya tidak ingin membangkitkan banyak lagi perkara. Cuma dua perkara ini cukuplah untuk saya menyokong usul dari Yang Berhormat bagi Cheras. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Cheras tadi dibuka untuk dibahas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, tolong bagi saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang saya tidak dapat memberikan semuanya berucap. Oleh kerana kesuntukan masa, jadi yang tidak dapat berucap saya harap fahamlah.

Yang Berhormat bagi Alor Star.

4.26 ptg.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Cheras tadi. Dalam perbahasan saya, saya akan minta supaya Dewan yang mulia ini benar-benar menolak usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Cheras.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam Parlimen Malaysia ini, bagi semua Ahli-ahli Parlimen yang berkhidmat, kita mempunyai Peraturan Mesyuarat (*Standing Order*) supaya kita dapat berbahas isu-isu dan dalam masa yang sama juga kita mempunyai hak untuk membawa usul seperti Usul di bawah 18(1) atau pun di bawah 66(9). Tetapi sebelum kita membawa usul ini, kita harus memastikan supaya apa yang kita buat adalah dengan penuh bertanggungjawab, tidak dengan sewenang-wenangnya hendak bawa usul ataupun cuma hendak membuang masa Parlimen sebab kita sedang membahaskan isu-isu di bawah bajet.

Tuan Yang di-Pertua, selepas saya dengar huraian Yang Berhormat bagi Cheras, saya dapati dengan amat kesalnya, seolah-olah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah seorang *God* ataupun Maha kuasa sedangkan beliau hanya seorang insan kamil... [*Disampuk*], seorang menteri yang cuba dengan sedaya upaya untuk menjalankan tugas dengan baik.

Walaupun saya sebagai seorang ahli MCA, sebagai seorang Ahli Parlimen, saya mengakui tentang kelemahan sedikit di sini sana terhadap Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Bukan sahaja di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bahkan di semua kementerian. Kita bukan Maha kuasa, kita jalankan tugas dengan jujur dan sebaik-baiknya. Tetapi hendak buat macam mana? Kalau kita tidak dapat memberikan kepuasan hati kepada 100% orang, khususnya dari puak DAP di Dewan yang mulia ini, mereka juga membawa usul. Melalui usul ini, mereka ini cuma hendak merendahkan imej menteri.

Timbalan Yang di-Pertua, saya merasa cukup kesal - saya katakan tadi. Bukan sahaja usul yang kita dengar hari ini tidak mempunyai kriteria dan bertanggungjawab - tidak mempunyai kriteria - seperti tidak berasas, pada masa yang sama, yang paling tidak sesuai dibawa ialah usul hari ini memang tidak mempunyai sebarang merit.

Kita tengok 10 sebab beliau kata, seperti indeks jenayah naik. Macam Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengawal polis, menjaga keselamatan. Satu lagi, dia kata ada ramai ahli majlis di seluruh negara ini tidak mempunyai kelakuan yang baik. Ini juga seolah-olah macam menteri mempunyai hak kuasa terhadap setiap orang ahli majlis dari segi kelakuan dan perangai mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Cheras tadi sudah minta - dia kata, kalau boleh kita minta semua ahli majlis macam wakil rakyat. Dipilih oleh rakyat. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sudah silap. *He is barking up the wrong tree*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Perlembagaan Persekutuan ini sama ada majlis perbandaran, ahli-ahli majlis yang berkhidmat di majlis berkuasa tempatan, sama ada dipilih atau dilantik bukan boleh diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri. Selepas itu kita juga harus....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudah cakap panjang mahu penjelasan lagikah?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi, Saya hendak memberi sedikit pelajaran kepada Yang Berhormat bagi Alor Star.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, Yang Berhormat. Pelajaran tidak perlu. Hendak minta penjelasan, boleh.

Seorang Ahli: Penjelasan, bukan pelajaran.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Adakah Yang Berhormat bagi Alor Star sedar, Yang Berhormat perlu *reeducation*. Saya bagi sekarang, walaupun mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, kuasa melantik ahli-ahli majlis adalah kuasa kerajaan negeri tetapi lebih tinggi lagi di peringkat Perlembagaan Persekutuan, fasal 95A di sini yang menyatakan, penubuhan sebuah Majlis Negara bagi kerajaan tempatan yang kini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Dato' Sri Menteri adalah salah seorang menterinya, berkuasa untuk membentuk dasar bagi membetulkan apa yang tidak betul, seperti *mereform*, membawa pembaharuan kepada sistem pelantikan ahli-ahli majlis yang dipraktikkan kini.

Saya ingin membacakan[*Sambil memegang senaskhah kertas*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Tidak perlu, tidak perlu.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Fasal 95A....

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak perlu, tidak perlu, tadi sudah diberi peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini penting, ini penting.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, tadi sudah diberi peluang. Bercakap lama sudah, apa hendak baca lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak minta.....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Saya memang tahu tentang ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Macam dia seorang sahaja pandai. Buang masa sahajalah. Tidak payah baca, tidak payah baca.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Negara kita mempunyai sebuah majlis, Majlis Mesyuarat Negara.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Kebenaran adalah menyakitkan....

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: *I know it is rude*. Tidak payah, tidak payah you ajar, kita tahu.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *It hurts*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Kita tahu, kita tahu. Tetapi apabila kita sebut tentang perangai, kelakuan seseorang ahli majlis.....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Pembentukan dasar.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa yang berucap, Yang Berhormat? Siapa yang berucap sekarang?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya tanya Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Adakah beliau sedar bahawa peruntukan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Alor Star kata, tidak perlu. Dia hendak sambung pembahasan beliau.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...boleh mengubah undang-undang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cheras cukuplah!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...kerajaan-kerajaan negeri yang ada kerajaan tempatan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi telah....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri telah diberi peluang berucap dengan panjang lebar.....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: untuk melantik ahli-ahli majlis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat cara ini pun tidak sesuai, hendak jadi Yang Berhormat di Parlimen sini. *[Disampuk]* Yang Berhormat, bila saya tegur, sila Yang Berhormat duduk. Duduk, duduk. Baik,

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Menyampuk]*

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat saya tahu. Memang negara kita mempunyai Mesyuarat Majlis Negara, di mana bagi pihak berkuasa tempatan ini mempunyai majlis. Di mana Yang Berhormat Menteri pun salah seorang ahli dan dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, saya tahu ini. Tetapi apa yang saya kata ialah mengenai pilihan raya, pilihan ahli majlis oleh rakyat sesuatu tempat, ini bukan sesuatu yang boleh diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri, ini adalah di bawah bidang kuasa yang lebih tinggi lagi. Dalam perkataan lain, keputusan sama ada hendak mengadakan pilihan raya bagi kerajaan tempatan memang bukan di bawah bidang kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat sebut begitu banyak mengenai Datuk Zakaria dan beberapa orang ahli majlis. Ini semata-mata Yang Berhormat Menteri sendiri akan bertanggungjawab atas perilaku, perangai, kelakuan seseorang. Saya hendak memberi satu misal, kalau Yang Berhormat Cheras di tangkap oleh pihak berkuasa kerana makan suap ataupun korupsi. Munasabahkah Yang Berhormat Ipoh Timor salah. Tidak boleh, dia tidak boleh kawal perilaku Yang Berhormat Cheras. Itu pun tidak faham!

Ini adalah seperti semua Ahli Parlimen di bawah MCA kena di *control* ketat oleh Presiden MCA. Ini memang tidak tepat Yang Berhormat. Saya tahu juga, Yang Berhormat hurai begitu banyak, saya percaya Yang Berhormat juga diarah untuk berbuat demikian di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi saya ingin memberi teguran, jangan kita ikut secara buta banyak sangat arahan daripada Yang Berhormat Ipoh Timor atau siapa-siapa dalam parti, esok hari dia panggil Yang Berhormat pergi terjun dalam sungai, Yang Berhormat pun terjun. Mati Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Menyampuk]*

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pada pendapat saya.....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bagi jalan lagi.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Saya tidak mahu bagi, sebab saya tahu ramai ahli Parlimen Barisan Nasional hendak berucap. Saya hendak bagi mereka *chance*.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bertutur dalam bahasa Cina]*

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Akhir sekali, akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali, pada pendapat saya.....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tidak berani.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Pada pendapat saya, Yang Berhormat Menteri....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat bagi Alor Star, tidak berani.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]:... telah berkhidmat begitu lama, tujuh tahun. Dalam masa perkhidmatan beliau saya percaya, bukan saya hendak bodek. Kalau betul, saya cakap betul, tidak betul saya cakap tidak betul. Dalam karier Yang Berhormat sudah banyak, saya baru *check*, saya tidak payah tanya Yang Berhormat Menteri pun, *I check* sendiri.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tidak jadi Timbalan Menteri, sangat kecewalah, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Saya *check* sendiri, begitu banyak telah dibuat. Sama ada ianya mencapai seratus peratus, hasilnya itu soal lain. Tetapi sebagai Menteri beliau telah begitu inovatif dan telah pun mengambil bahagian untuk menjalankan kempen-kempen, kitar semula, hingga sekarang kita dengar strata hak milik pun sekarang senang sikit. Dahulu masalah CFO pun sekarang sudah jadi CCC. Senang, tidak payah kita minta daripada majlis berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka maki hamun di sini. Yang Berhormat Cheras, saya cuma hendak beri teguran, saya cuma hendak tegur supaya janganlah kita begitu tergesa-gesa hendak buat apa kita suka, sedangkan kita tahu seorang Menteri telah pun menjalankan tugas. Walaupun ada kelemahan, kita mempunyai banyak ruang untuk berbahas, tanya. Minta penjelasan. Kalau tidak buat lagi, kita minta lagi. Ini adalah satu cara demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris, *after all these years in Parliament, the idiosyncratic conduct of DAP in this August House, sometimes is mind boggling*. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

4.38 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan Sri Gading, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tangga Batu jauhlah, Tuan Yang di-Pertua. Ini Johor sama Johorlah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya kena adillah.

Beberapa Ahli: Ramai lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau adil bagi Johorlah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu ramai yang hendak berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang saya kena hantam, ini macam saya tidak boleh tahan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ha, itu orang Johor.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, bagi sayalah. Ini Yang Berhormat bagi Tangga Batu nanti dahululah.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, sila.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Lawanlah, lawan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Minta maaf, Yang Berhormat bagi Sri Gading, pasal Tuan Yang di-Pertua sudah sebut nama saya. Saya jalan sedikit, kalau Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak tanya saya boleh beri ruang.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Oh, tidak sedap. Saya bercakap sedap.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, lima minit.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lima minit, Tuan Yang di-Pertua. Lima minit sahaja, Yang Berhormat bagi Sri Gading, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri pun samalah untuk menolak usul yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Cheras bagi memotong gaji Yang Berhormat Menteri kita. Tuan Yang di-Pertua, saya secara langsung pernah berkhidmat di bawah Yang Berhormat Menteri sebagai Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Alor Gajah. Pernah suatu ketika, [Disampuk] saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat bagi Cheras sedar ataupun tidak Yang Berhormat Menteri kita ini adalah satu-satunya Presiden MCA yang memegang jawatan Menteri.

Tidak ubah kita tahu, tradisinya, Presiden MCA selalunya ubah pergi ke Kementerian 'Pengangkote' [Bercakap loghat Kelantan]. [Ketawa] Pengangkutan. Jadi, hari ini[Ketawa] Pengangkutan! Saya betulkan balik. Presiden MCA secara tradisinya akan memegang jawatan di Kementerian Pengangkutan tetapi....

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan 'Ketereh' ya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tidak, saya tadi pandang Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, saya tersebut loghat Kelantan, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. [Ketawa]

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Jadi, hari ini kita dapati Presiden MCA ini merupakan parti komponen Barisan Nasional yang terbesar ini, memegang jawatan sebagai Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Apabila saya fikir, ketika itu saya sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah, saya dapat peluang berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri. Kita lihat macam mana terbukanya sifat Menteri ini. Saya telefon, saya kata Yang Berhormat Datuk Seri saya hendak berjumpa. Dia kata, "Come anytime". Anytime boleh berjumpa.

Saya berjumpa, perkara yang pertama diperingatkan kepada saya selaku Yang Dipertua pada masa itu ialah

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ialah..... dengar dahulu Batu Gajah. Janganlah! *[Menghalakan pandangan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tak payah pandang sana. Pandang sini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Suara dia ini sakit telinga saya Tuan Pengerusi. Saya tak tahulah nasib baiklah saya tidak kenal rapat dengan dia.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kena nyamuk aedes kot dia orang?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, perkara yang pertama diingatkan oleh Yang Berhormat Menteri ketika itu kepada saya iaitu menteri yang ada di hadapan kita ialah dia kata, ingat Haji Idris, perkhidmatan kepada pembayar cukai, perkhidmatan kepada pelanggan adalah perkara yang paling utama (*priority*) di dalam pihak berkuasa tempatan (PBT) yang diterajui oleh saya.

Di situ saya dapat lihat bagaimana Yang Berhormat sebenarnya meletakkan pelanggan-pelanggan ini, pembayar cukai ini sebagai faktor utama di dalam kejayaan pihak berkuasa tempatan (PBT). Hari ini Yang Berhormat bagi Cheras bawa macam-macam, dia ini seolah-olah berkata mereka ini berada di suatu kedudukan yang terlalu ideal.

Hari ini, saya tadi baca surat khabar 'STAR', wah bukan main lagi, cakaplah tentang BN punya wakil rakyatlah, BN punya ahli majlislah, hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tengok DAP punya wakil rakyat. *[Mengangkat naskhah surat khabar STAR]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Kaki lima!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Letak barang jualan di kaki lima, di mana? Ini bukan Herald Tribune.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Roboh dia punya kedailah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Printed in US.* Ini STAR, *printed in Malaysia.* Di Shah Alam, ADUN melanggar undang-undang sudah tiga kali melanggar undang-undang. Maknanya tidak ada siapa pun yang boleh terlepas daripada perkara-perkara melanggar undang-undang dan tindakan diambil.

Kita sebagai orang yang bertanggungjawab, yang tahu peranan dan tanggungjawab kita untuk menyuarakan ketidakpuasan hati melalui saluran-saluran tertentu, gunakanlah saluran ini sebaik mungkin dan undang-undang dia tidak mengenal siapa sama ada dia wakil rakyat BNkah, Ahli Majlis BNkah dan tindakan dia akan tetap kena kepada siapa yang melanggar undang-undang.

Tuan Pengerusi, saya dengar Yang Berhormat bagi Cheras cakap 10 perkara, semua tidak ada asas. Pada saya tidak ada asas. Selama ini sejak *Athinahapan Report* yang menolak sistem pemilihan di peringkat kerajaan tempatan, sehingga hari ini apa masalah kita? Adakah masalah yang kita hadapi ini sehingga mencetuskan suatu keadaan yang tidak tenteram?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sudah terkeluar dari pekerjaan ahli majlis.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hari ini mana hendak pergi, Yang Berhormat bagi Cheras hendak pergi mana pun pergilah. Datang ke Melaka, datang ke Melaka, lihat, pergi pukul dua pagi, pukul tiga pagi tidak ada masalah. Kita tengok hari ini di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri, Bandaraya Melaka.....

Yang Berhormat Menteri, Bandaraya Melaka ini, Parlimen Kota Melaka sebenarnya dahulu di bawah DAP. Tetapi oleh kerana kecekapan, kepimpinan pemimpin-

pemimpin Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat Menteri sendiri, kita sudah rampas balik Kota Melaka. Ini Yang Berhormat Kota Melaka ada dekat saya. *[Disorak]*

Dia ada dekat saya ini, kita sudah rampas balik. Kerana apa? Kerana kecekapan kita mentadbir kota dan hari ini Bandar Melaka pula diisytiharkan di bawah rundingan, di bawah tunjuk ajar Yang Berhormat Menteri, Kota Melaka, Bandar Melaka diisytiharkan sebagai bandar yang paling mapan di negara kita mencapai markah 82%.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kalau hendak kata Yang Berhormat Menteri kita tidak cekap, Dato' Sri Menteri kita tak cekap mana boleh Bandaraya Melaka yang dahulunya dikenali sebagai 'sleepy over', hari ini jadi bandar raya yang paling mapan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: DAP *jealous*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya nampak hujah Yang Berhormat bagi Cheras ini memang tidak ada asas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak masukkah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hendak sambung. Hendak bahas.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hendak sambung, hah sila, sila. Saya benarkan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Oh, hendak bahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah habiskah?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Saya ingatkan Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak sambung. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, marilah kita lihat sama-sama. Sebenarnya *performance* seseorang itu bukannya berasaskan kepada ketidakcekapan di dalam segelintir bidang yang mungkin terlepas pandang.

Performancenya perlu dilihat, prestasinya perlu dilihat dari skop yang lebih besar bagaimana Yang Berhormat Menteri telah *performed* daripada awal sehingga akhir dan niat yang paling mulia Yang Berhormat Menteri adalah untuk membela masyarakat yang tinggal di bandar, dan di pihak berkuasa tempatan supaya mereka ini menikmati hidup yang lebih berkualiti.

Hari ini Tangga Batu berdiri menolak usul pemotongan gaji oleh Yang Berhormat bagi Cheras sebentar tadi. *[Tepuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hua!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hai ya! *[Dewan riuh]*

4.44 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sekejap, sekejap Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun ini sekali lagi saya ingin menolak 100% apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Cheras itu.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun membantah – bercakap tanpa pembesar suara] [Dewan riuh]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya ini berdasarkan pengalaman saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap bahasa Cina]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, yang saya memang saya ini Ahli Parlimen yang baru, tetapi Yang Berhormat Menteri telah memberikan pertolongan dan juga

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk – bercakap bahasa Cina]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Banyak nasihat kepada saya. Walaupun saya bukan daripada parti Yang Berhormat, saya daripada parti GERAKAN. Tetapi kerana semangat Barisan Nasional..... *[Disorak]* Kerana membela nasib rakyat di Puchong ini, saya hendak bagi satu atau dua contoh.....

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Sorak - Dewan riuh]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: iaitu sistem pemindahan Kampung Bohol di mana kawasan itu biasanya mengikut dasar-dasar yang dahulu bahawa ini akan didirikan sebuah *incinerator*, lepas itu Yang Berhormat Menteri telah mencadangkan kepada Kabinet bahawa ia akan dipindahkan ke kawasan lain.

Pada masa yang sama, iaitu berlaku baru-baru ini satu sistem pemindahan sisa pepejal telah dicadangkan di kawasan yang sama tetapi dengan usaha, dengan prihatin Yang Berhormat Menteri ini, beliau telah bercakap dengan secara peribadi di luar Parlimen iaitu di pejabatnya bahawa Yang Berhormat Menteri berkata bahawa Yang Berhormat bagi Puchong, saya akan mendengar hujah-hujah ataupun perasaan ataupun nasihat ataupun pengalaman daripada orang ramai.

Inilah bagi saya, beliau adalah seorang menteri yang betul-betul untuk mendengar ataupun mementingkan kebajikan dan juga maklum balas daripada rakyat di kawasan ini. Apa yang telah dinyatakan oleh pengurusan sisa pepejal yang tidak cekap ini adalah tidak betul, tidak berasas langsung.

Yang Berhormat bagi Cheras, pengurusan sisa pepejal ini bukan sahaja hanya untuk dibawa ke kementerian, hanya KP, KP sahaja. Kadang-kadang ini tugas termasuklah perintah ataupun kuasa daripada negeri mengenai tanah dan seterusnya. Saya di sini ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah meminta ataupun menolak satu cadangan untuk membina satu - sisa pepejal di kawasan Puchong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah Yang Berhormat, gulung.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang kedua, tadi dia kata perobohan tokong di Pulau Pinang dan seterusnya. Yang Berhormat bagi Cheras bacalah baik-baik apakah fakta di belakang

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk – bercakap bahasa Cina]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap sesama sendiri]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ini adalah satu isu yang melibatkan bahawa pengurusan mahkamah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai kalau hendak berucap, bangunlah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: merupakan mahkamah

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak betul. Tak betul. Tak ada mahkamah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak ada mahkamah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Memesongkan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memesongkan ini peraturan, peraturan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tahu. Tahu, 36(12).

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun membantah] [Dewan riuh]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dengar dia cakap dulu. Yang Berhormat,

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan, peraturan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: *[Menyampuk] [Dewan terlalu riuh]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Duduk, duduk.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Duduk.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat bagi Bagan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dengar dululah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: 36(12).

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apa dia. Apa dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk – bercakap bahasa Cina]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apa. Tak apa. Dengar dahulu, duduk, duduk. Peraturan Mesyuarat ada.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap bahasa Cina]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa itu?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi dia kata bahawa perobohan tokong di *[Disampuk]* Sudah katalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beliau tidak ada sebut.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Di Bukit Mertajam, ialah tindakan mahkamah, itu tak betul. Itu bukan itu memesongkan Dewan. Tak ada

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: tak ada arahan dari mahkamah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hanya MPSP sahaja. Itu tindakan MPSP. Kerajaan tempatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Cukuplah, duduklah, duduklah.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat bagi Cheras, baca fakta betul-betul dahulu..... *[Masih dibantah]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Sudahlah biar saya cakap dahulu. Bagi saya ini Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun hendak cari

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat boleh gulung. Masa terhad, masa.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya berharap, saya berharap Yang Berhormat ini, bila hendak katakan sesuatu mestilah

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan. 36(6).

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk – bercakap bahasa Cina]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apa lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini bercakap dengan niat yang jahat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tak ada. Tak ada.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun membantah]*

[Dewan terlalu riuh]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bahawa Bukit Mertajam untuk mencari publisiti. Kalau itu kawasan saya, saya tidak mempertahankan kepentingan orang ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, Yang Berhormat cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah, Bukit Mertajam. Sudahlah. Sudahlah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Seperti apa yang telah saya katakan Yang Berhormat bagi Alor Star, berilah peluang kepada Yang Berhormat Menteri

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tarik balik yang apa Yang Berhormat bagi Puchong bawa di sini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apa-apa pembangunan berlaku.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Puchong gulunglah, Puchong gulunglah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Gulunglah, apa lagi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang apa Yang Berhormat bagi Puchong buat di sini? Apa di sini?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Puchong gulunglah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Duduklah. Apa lagi?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Eh! Cheras bangunlah!

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya,

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Masih membantah*]

[*Dewan terlalu riuh*]

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Atas Peraturan Mesyuarat 36(6).

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat gulung. Sila gulung.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Publisiti yang murah di sini.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Dengar dulu apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Alor Star. Bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri ini. Yang Berhormat Menteri - baru-baru ini saya sudah menemui beliau. Beliau telah mengusulkan, mencadangkan banyak cadangan ataupun program-program yang berkesan untuk mengubah dan juga menyusun semula PBT-PBT yang ada sekarang ini.

Saya pernah tanya Yang Berhormat di sini, di Dewan yang mulia ini beliau telah ada banyak program atau strategi untuk memperbaiki prestasi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: dan saya berharap usaha beliau ini dapat diteruskan. Dengan ini saya menolak apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Cheras itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terima kasih tengok ramai lagi. Yang Berhormat bagi Bintulu.

4.50 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. [*Seorang ahli menyampuk*] Tuan Pengerusi isu yang telah dicadangkan oleh pembangkang mengenai pemotongan gaji Menteri sebanyak RM10 sudah menjadi satu hobi kepada para pembangkang sahaja. Ini menunjukkan bahawa para pembangkang ini sudah tiada modal yang hendak dibahaskan untuk rakyat dan cuba mencari publisiti murahan serta pengaruh politik yang tiada kesudahannya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Termasuk Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Para pembangkang juga selalu mengatakan kepada rakyat bahawa mereka ini *check and balance* tetapi sebenarnya hanya membuat kacau dan huru-hara sahaja. Adakah dengan potongan gaji sebanyak RM10 itu mendatangkan kesan? Sepatutnya para pembangkang haruslah membincangkan isu-isu mengenai pembangunan negara supaya lebih komprehensif. Mereka sepatutnya ambil contoh bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional yang sentiasa mengambil perhatian contohnya di dalam mengatasi masalah kelemahan sistem penyampaian kerajaan supaya ia menjadi lebih efisien dan perkasa. Di dalam masa yang sama, kerajaan Barisan Nasional terus membangunkan negara agar dapat menjana pertumbuhan ekonomi rakyat [*Beberapa ahli menyampuk*] supaya lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Tuan Pengerusi, usul pemotongan gaji yang dicadangkan oleh pembangkang ini hanyalah membuang masa sahaja kerana semua Yang Berhormat bagi Cheras katakan sebagai contoh adalah fitnah, pembohongan dan tuduhan-tuduhan melulu kepada Yang Berhormat Menteri. Contohnya, macam tadi tandas, tandas ini sepatutnya kita semua Ahli Parlimen menjalankan tugas mengajar orang awam macam mana hendak bersihkan itu

tandas. Janganlah minta tandas. Minta Menteri pergi cuci tandas. Menteri lain kerja boleh buat lagi. [*Dewan riuh*] Kalau kita tidak jalankan tugas, kalau kita simpan 100, 1000 orang cuci itu tandas pun tidak guna. Kita diberi tandas awam kalau kita tidak ajar beritahu orang ramai, beritahu rakyat macam mana kita mahu jaga, bersih tandas mana kita... Kalau kita tidak ajar, macam mana rakyat, generasi yang muda boleh faham. Ada generasi muda yang masuk tandas, kalau nampak tisu dalam tandas satu gulung dia tarik sampai habis di bawah lantai. Itu kita sebab kita Ahli Parlimen jalankan tugas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tetapi saya tidak faham Yang Berhormat bagi Cheras ada jalankan tugas atau tidak. Contoh lagi, itu pilihan raya hendak minta pilihan raya untuk Ahli-ahli Majlis. Saya mahu tanya ini Yang Berhormat bagi Cheras katakan jangan suka hati hendak guna wang rakyat. Ini lagi - berapa lagi wang mahu guna untuk pilihan raya? Tadi cakap satu bikin satu. Jadi saya haraplah Yang Berhormat bagi Cheras, kita belajarlah bersama-sama. Akhir sekali saya ingin mencadangkan di sini, agar pemotongan gaji sebanyak RM10 ke atas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ditolak sama sekali. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya hanya benarkan lagi dua orang. Seorang tiga minitlah. Saya bagi Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

4.55 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus menggunakan dari sudut yang lebih rasional untuk membidas hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Cheras. Yang Berhormat sabar dahulu! Bersabar dahulu Yang Berhormat. Tadi kita ada keratan akhbar yang mengatakan seorang ADUN DAP menyalahgunakan kuasa kerana menjalankan perniagaan mini mart tanpa lesen. Sebab itu, saya rasa apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat andaian yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Cheras kata, kalau dipilih rakyat ada *accountability* tetapi kita hormat. Kita akur dengan keputusan rakyat. Tetapi andaian itu tidak tepat kerana itu bergantung pada individu. Penyelewengan itu dilakukan oleh individu masing-masing. Jadi dosa kena tanggung masing-masing. Itulah yang saya hendak buktikan bahawa hipotesis itu tidak benar.

Yang kedua semalam kalau kita menonton TV3, apa kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Petikan, saya memetik kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri '*Ka Ting has been working very hard to ensure amendment of law to replace CFO with CCC*' Itu kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita lihat bulan depan kita akan bentangkan lagi banyak CCC menggantikan CFO, Akta Serata *Title* kita akan masuk lagi kita akan buat Akta Jurutera, Akta Arkitek kemudian Undang-undang Kecil Seragam Bangunan 1984. Kesemua ini adalah sesuatu yang dinanti-nantikan oleh industri dan itu adalah untuk menjamin kepentingan orang ramai dan sebab itu kita hendak mengurangkan konflik yang berlaku dalam apa yang sering ditimbulkan oleh masyarakat dan saya rasa itulah antara kerja yang telah dibuat dan tidaklah kata Yang Berhormat bagi Cheras tadi tidak ada satu pencapaian.

Dan satu perkara lagi, satu pembohongan dan satu kesilapan yang paling besar dia kata banjir kilat sebagai satu hujah yang digunakan. Sedarkah Yang Berhormat, banjir kilat itu di bawah bidang kuasa JPS. Yang Berhormat tidak faham kerana kalau Yang Berhormat faham dengan apa yang dijalankan oleh PBT ini. sebenarnya. Dalam PBT dan 13 agensi itu teknikal dipanggil dan MASMA *guideline* itu digunakan dan kita mereka bentuk mengikut 100 tahun kekerapan banjir. Itu yang digunakan untuk semua projek perumahan. Tetapi kita kena ingat untuk sungai-sungai itu kita kena lebarkan dan sebab itulah Menteri yang bertanggungjawab atas JPS ini telah memberi komitmen supaya perkara ini akan diperbetulkan. Jadi itu tidak sepatutnya dimasukkan sebagai dosa menteri ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Itu tidak betul. Akhir sekali Yang Berhormat saya ingin memberitahu Yang Berhormat kalau anak kita mendapat 85 markah kita tidak

patut menghukum mereka kerana tidak mendapat 100 markah. Kita patut bagi motivasi untuk memperkemas kini lagi apa yang perlu dibuat sampailah kesempurnaan. Itulah saya rasa kita kena menolak usul ini dan kita tidak boleh menerima terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, dua minit. Lepas itu Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi janganlah orang lain semua 10-15 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kalau tidak mahu berucap saya boleh

4.58 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih. Yang Berhormat bagi Cheras tahu Tuan Pengerusi. Kita semua dalam Dewan ini pun tahu Tuan Pengerusi. DAP pun tahu Tuan Pengerusi usul Yang Berhormat bagi Cheras ini akan ditolak. Dia tahu, tetapi usul ini sebenarnya bukan soal potong gaji RM10. Usul ini sebenarnya dendam kesumat DAP kepada MCA. Dia hendak gunakan usul ini hendak memalukan MCA untuk menarik perhatian orang-orang Cina supaya menyokong DAP kerana selama ini yang memenangi hati orang-orang Cina ialah parti MCA. Ini sahaja Tuan Pengerusi. Dia tahu dia kalah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [Bangun].

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia tahu usul dia akan ditolak Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: DAP *bankrupt*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Menteri ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah antara Menteri yang terajin dan terbaik Tuan Pengerusi. [Disampuk] Saya tolak apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Bagan. Yang Berhormat bagi Bagan kata ini fasal hendak pertahankan diri RM10 Menteri ini datang. Tidak betul Yang Berhormat bagi Bagan. Menteri ini adalah di antara Menteri yang rajin datang ke Parlimen termasuk Presiden MIC, Menteri Kerja Raya.

Ini antara Menteri yang rajin yang datang ke Parlimen ini Tuan Pengerusi. Menteri ini banyak kerja baik-baik yang telah dilakukan Tuan Pengerusi. Jadi ini adalah dendam kesumat DAP kepada MCA untuk hendak memalukan MCA tetapi rakyat akan jadi hakim Tuan Pengerusi. Kerja yang dibuat oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Pengerusi MCA ini akan dinilai oleh rakyat dalam pilihan raya akan datang. Banyak lagi kerusi yang ditandingi oleh DAP akan dimenangi oleh pemimpin-pemimpin MCA.

Dengan ini Tuan Pengerusi, tak payah kita nak susah-susah Tuan Pengerusi. Kita tutup perbincangan ini kerana buang masa. Ini pun kita dah buang masa, berapa banyak kita dah buang masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dan usul ini kita wajib tolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan cadangan Yang Berhormat. Saya berikan keputusan lepas Yang Berhormat berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya beri cadangan tutup sahaja Tuan Pengerusi. Kalau saya boleh perintah Tuan Pengerusi lah. Kalau saya tak boleh, saya tak boleh perintah Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi lebih berkuasa daripada saya. Tapi saya rasa dengan kebijaksanaan Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi pun faham kita dah buang masa. Usul ini lekas-lekaslah diundi supaya pihak DAP padan muka dia bahawa usul dia akan kalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat menteri sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kena ajar Yang Berhormat bagi Cheras lagi lah.

5.02 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih. Saya amat terharu pada rakan-rakan kita daripada parti-parti komponen Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*. Kerana telah memberi sokongan moral kepada saya. Telah bagi galakan, dorongan kepada saya. Saya tahu mereka beri sokongan pada saya bukan nak puji saya. Kerana mereka mahu saya kerja lebih rajin supaya saya boleh selesaikan lebih banyak masalah yang dihadapi oleh rakyat yang diwakili oleh mereka.

[Dewan riuh]

Saya dengar betul-betul keikhlasan, kejujuran mereka dan ini wakil rakyat betul-betul berjiwa rakyat. Bukan untuk hanya nak buat sesuatu untuk menewaskan atau mengecewakan musuh politik yang mereka anggap itu. Tetapi sikap yang bertanggungjawab itu amat penting. Walau bagaimanapun, saya telah dengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat dari Cheras dan Bagan. Kedua-dua Yang Berhormat saya tak pernah benci mereka. Sampai sekarang pun, lepas ini pun saya jumpa mereka saya akan jemput mereka minum juga kerana saya tidak ada apa dengan izin '*I' nothing against them*'. Saya tak akan simpan dalam hati. Saya tahu mereka ada peranan terpaksa mereka mainkan dalam partinya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor lah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Dan saya tak salahkan siapa. Ini dia kepercayaan mereka dalam menjalankan cara atau taktik politiknya. Mungkin mereka dah sudah ada menghidu atau pun sudah nampak ada bau pilihan raya dah dekat. Tapi, tak kira pilihan raya itu bila, satu tahun, dua tahun. Berapa kali dia mahu potong gaji saya, dia tetap tidak akan mengubah cara kerja saya. Saya akan kerja rajin, jujur, ikhlas yang mana saya rasa betul ada kelemahan kena betulkan saya betulkan. Yang mana saya rasa dia tidak adil atau pun dia sepatutnya jangan menyalahkan saya, saya tetap pertahankan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Cheras telah sebut banyak perkara yang rakan-rakan kita telah banyak membahas dan juga beri jawapan bahawa dakwaan itu tidak kena pada tempat. Rasuah, jenayah, kekotoran tandas, sampah, banjir, tanah runtuh cuma belum sampai kata rogol pun saya punya salah. Jadi, apa sahaja *you name it* dengan izin semua ada kesalahan saya. So, dengan...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya belum cakap pun. Tak payahlah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukan, tepat dengan apa yang diujahkan oleh...

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tak payahlah, tak payahlah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Janganlah halang saya.

[Dewan riuh].

Dato' Seri Ong Ka Ting: *you punya floor. Now I'm having my floor.*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Laporan STAR hari ini juga oleh Yang Amat Berhormat...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *Don't be afraid to admit mistakes.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau menteri tak beri laluan, sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya tak bagi laluan.

[*Dewan riuh*].

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat menteri cuba mengelirukan Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya sebut *safe city concept*. Ini satu konsep yang dibenarkan oleh kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ikut peraturan. Yang Berhormat..

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Kerajaan tempatan. Apabila saya sebut itu banjir atau pun....

[*Dewan riuh*].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat! Yang Berhormat bagi Cheras duduk. Jangan. Yang Berhormat, jangan tunjuk. Yang Berhormat, cukuplah, cukup. Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat, cukup. Duduk, duduk. Yang Berhormat, nanti kita ada peluang. Ada masa untuk kita membahar lagi. Cukuplah, cukup. Duduk. Benarkan menteri jawab selesaikan jawapan dan kita akan balik kepada tajuk kepada kementerian yang sama. Sila duduk Yang Berhormat, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: No lah. Duduklah itu Yang Berhormat bagi Cheras.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tak payah marah-marah. Kita cakap tenanglah. Kalau marah-marah dia mesti ada sesuatu yang tak kena. Mungkin saya sudah mahu bagi kebenaran, dia takut dia marahlah. Ini *safe city*. Dia akan sebut *safe city*, program bandar selamat ini usaha saya. Kalau saya malas, saya apa pun tak payah buat. Tak ada orang boleh salahkan saya. Ini *safe city is a* dengan izin *is out of the way* punya kerja. Satu kerja tambahan. Kita tahu undang-undang sudah ada. Keselamatan, penguatkuasaan semua dah ada. Kalau saya duduk situ tak buat apa tak boleh, tak ada siapa boleh potong gaji saya.

Tetapi saya, kerana saya rajin, saya buat satu usaha tambahan pada apa polis sedang buat, apa PBT sedang buat dan saya bawa ini kepada Majlis Negara Kerajaan Tempatan yang disebut-sebut oleh Yang Berhormat supaya semua PBT seluruh negara ikut seragam tingkatkan usaha untuk menjadikan semua bandar-bandar lebih selamat. Oleh kerana masalah jenayah, kes ragut nampak bertambah beberapa tahun dahulu, maka kementerian saya bawa konsep *safe city* ini untuk dilaksanakan sebagai satu usaha tambahan dan dengan adanya usaha ini, sekarang sudah nampak ada perubahan. Dan mengapa sebagai menteri saya nak dedahkan kata berapa lagi bandar belum buat, berapa lagi peratusan. Mula-mula saya buat sebab saya betul-betul serius nak melihat supaya semua bandar-bandar belum buat cepat-cepat buat.

Jadi saya dedahkan pada Disember tahun lalu hanya separuh sahaja buat. Bila saya cakap macam itu, niat saya ialah semua PBT kena serius, maka mereka buat. Jadi, pertengahan tahun atau pun Ogos tahun ini sudah meningkat kepada 70% yang mengikut langkah-langkah ini. Dan sekarang ini ada peningkatan lagi oleh kerana itu bilangan kes ragut di beberapa bandar telah pun turun. Telah pun ada kekurangan. Jadi Yang Berhormat dia cari pasal, dia bukan nak tengok apa niat bagus saya, dia ingat oh kalau ada jenayah sebab saya pergi buat sesuatu berkenaan dengan jenayah, dia ingat peluang sudah dapat, tangkap dia bagi potong gaji.

Kalau macam itu saya tak payah buat lagi baik. Jadi saya kata ini bukan masalah saya. Seperti Yang Berhormat dari Alor Star kata polis adalah penguatkuasa yang utama. Tapi saya rasa negara ini tanggungjawab kita bersama. Semua orang ada tanggungjawab. Semua wakil rakyat pun nak tengok bandar-bandar selamat. Jadi, ini antara perkara yang disentuh. Yang Berhormat sentuh rasuah baru dia kata ada terima SMS. Saya pun terima SMS. Ini menunjukkan apa? Terdapat seorang bekas YDP telah pun dijatuh hukuman empat tahun. Dikenakan hukuman jua denda yang berat.

Ini menunjukkan apa? Yang pihak pembangkang cepat-cepat kata oh ini sebab rasuah. Tapi dari segi positif, ini menunjukkan Kerajaan Persekutuan amat serius menangani rasuah. Kerajaan Persekutuan yang menjaga ACA. Kerajaan Persekutuan nak tengok rasuah ini ditangani, didakwa di mahkamah, dihukum dengan seriusnya. Ini adalah satu perkara sepatutnya puji kerajaan kerana *we are*, kita tidak berkompromi. Kena tengoklah dari segi itu. Bukan kerana ada ini, oh dia sudah suka hati masuk sini, mereka sudah menang. Ini kan negara kita, kita kena tengok secara bersama. Dia tengok fasal dia kata sampah kitar semula. Berapa wang sudah belanja. Apakah kejayaannya?

Ini lagi satu, sampai hari ini, sisa pepejal masih adalah di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan. Tetapi, sejak saya jadi Menteri, sekali lagi *go out of the way* sebagai satu usaha tambahan, saya pergi melancarkan kitar semula. Saya masih ingat pada masa itu pegawai-pegawai saya bagi tahu, ini satu kempen yang amat susah, amat *troublesome*, *are you sure you want to do it?*

Sebenarnya belum ada undang-undang pun, jadi kalau saya buat, dia tidak ada undang-undang dia akan jadi susah, orang tidak ikut, tidak dengar, tetapi *my concept* dengan izin *tell me* tidak boleh, kita tidak buat apa. Jadi saya mulakan dengan kempen ini, saya pergi tengok negara maju, Germany, Denmark, apa mereka buat ini negara yang paling berjaya dari segi kitar semula dan di situ mereka bagi tahu rombongan kami ialah negara maju telah mula sejak 30 tahun dahulu, dia punya pendidikan awam itu sudah dijalankan sekurang-kurangnya 20 tahun baru berjaya. Malaysia belum *start* lagi masa itu.

Jadi, kalau kita tunggu lagi sampai hari ini, apa pun tidak ada. Masa itu saya kata belum ada undang-undang, kita buat dahulu. Jadi, saya tidak takut kepada masalah yang mungkin tidak ada kerjasama daripada rakyat, tanpa undang-undang kita buat dahulu, sampai hari ini kita tidak belajar banyak, tetapi ada kesedaran, ada pencapaian. Rakyat kalau pun dia tidak buat kitar semula, dia sudah tahu bahawa alam sekitar ini penting, bahawa banyak sumber itu tidak boleh jadikan sampah bahawa kertas terpakai, plastik terpakai jangan kita buang masuk dalam tong sampah.

Ini kejayaannya, banyak bahan sudah tidak pergi pada tapak sampah. Ini adalah pencapaian, bukan hendak salahkan saya. Oleh kerana itu saya pernah dapat *award*, saya hendak ingatkan Yang Berhormat, *award* itu bukan datang dari Malaysia, daripada luar. Mereka mengiktiraf saya begitu prihatin tentang alam sekitar. Apakah salahnya kerana saya mulakan kitar semula.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Kitar semula Cheras.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jadi....

[Ketawa]

Dato' Seri Ong Ka Ting:ada lagi mengenai tidak pernah kita cuba sembunyi. Rang Undang-undang Sisa Pepejal, telah siap digubal, cuma tunggu kelulusan. Dasar Sisa Pepejal Kebangsaan telah pun diluluskan oleh Kabinet pada 13 September ini juga oleh MNKT dan masa kita mengubah dasar sisa pepejal, tidak pernah kita sembunyi. Kami telah jemput NGO-NGO yang berkenaan, kami jemput *consumers* wakil dan juga daripada mereka yang amat mencintai alam sekitar. Tidak pernah kita sembunyi dan ini sudah hampir di situ, tidak lama lagi.

Sesi ini tidak sempat, sesi akan datang bawa ke Parlimen, masa itu bahaslah cukup-cukupnya mengenai sisa pepejal, mana ada sembunyi, mana ada yang tidak telus. Begitu juga beberapa perkara yang lain telah pun dibuat.

Tuan Pengerusi, LA21, *Local* Agenda 21 adalah paling telus sekali. Orang yang terlibat di Petaling Jaya, di Miri, di Kuantan, di Kerian semuanya tahu apa itu *Local* Agenda 21. Cuma wakil rakyat Pembangkang dia tidak pergi ambil tahu, dia tutup mata datang sini buat macam-macam *criticism* yang tidak betul dan kita harap LA21 ini akan diperluaskan ke seluruh negara dan semua kenalah cuba bantu untuk menjayakannya.

Banjir tanah runtuh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, memang telah kata betul, tetapi itu pun saya tidak kata itu bukan tanggungjawab saya. Dalam Kabinet semua rakan tidak kira Menteri Sumber Asli, Menteri JKR kita sentiasa bincang bersama. Kita tidak kira batasan atau *boundary*. Kadang-kadang kita rasa dia mungkin luar sedikit daripada tanggungjawab, kami sentiasa kerjasama hendak berjaya mengatasi masalah. Wabak denggi, walaupun ada sebahagian PBT, sebahagian di Kementerian Kesihatan, kita tidak kira sangat. Banyak kerjasama, banyak perbincangan dalam Jemaah Menteri dan juga banyak lagi mesyuarat yang lain. Sebenarnya banyak usaha telah dijalankan. Soal pokok di sini kata kelemahan PBT. Kelemahan PBT memang betul, di bawah perlembagaan, dia adalah di bawah *the nine schedule state list*. Kuasa PBT memang adalah di bawah jadual kuasa negeri dan di bawah Akta Kerajaan Tempatan amat jelas sekali kerajaan negeri yang menjaga PBT.

Itu pun saya tidak menolak, cuba hendak elakkan tanggungjawab. Yang Berhormat sudah bangkitkan Perkara 95, saya juga terima dalam Perkara 95 ada satu fungsi Majlis Negara bagi kerajaan tempatan. Telah pun disebut siapa pengerusi, ialah Timbalan Perdana Menteri. Saya salah seorang Menteri yang menganggotainya, tetapi pada masa yang sama, terdapat 13 Ketua Menteri dan Menteri Besar yang juga sama dengan keahlian saya. Di situ, secara kolektif, kita bincang, ada apa-apa kelemahan kita buat bersama untuk melakukannya. Macam mana pula hari ini saya seorang sahaja kena dipotong gaji. Tidak pernah kita berhenti cuba guna majlis ini untuk melakukan apa yang betul, yang terbaik. Jadi, saya tidak pernah kata saya apa pun tidak payah buat, kerana itu bukan kuasa saya. Saya tidak guna alasan itu....

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan.....

Dato' Seri Ong Ka Ting:..... untuk elak. Apa yang saya sebut ialah...

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tidak payahlah biar saya... *you* sudah cakap panjang, sekarang sampailah masa saya dan Yang Berhormat bagi Bagan lagi tidak patut. Dia kata potong gaji baru Menteri datang. Sejak saya jadi Menteri tujuh tahun, setiap Bajet, setiap Penggulangan Ucapan Dasar Agong, saya datang sendiri, tidak pernah saya tidak datang.

[*Tepuk*]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tiap-tiap tahun, setiap kali saya buat tanpa apa. Jadi dia tidak semak fakta. Sebab dalam dia punya fikiran, persepsi dia, dia sudah *obsess* ataupun dia sudah ingat ini apa sahaja BN punya menteri, mesti tidak baik. Dia sudah ada persepsi prejudis macam itu. Jadi, dia cakaplah macam itu. Lagi, dia sebut pili bomba. Saya selalu layan Yang Berhormat di luar Dewan. Dia bagi saya apa, saya balik, saya minit saya minta Ketua Pengarah pergi tengok apa jadi. Ketua Pengarah Bomba bagi tahu saya, memang mereka dalam proses memperbaiki pili-pili bomba di seluruh kawasan di Pulau Pinang termasuk Seberang Prai. Mereka sedang buat, walaupun belum siap. Itu pula dia datang sini hendak potong gaji. Jadi, apa gunanya saya layan Yang Berhormat di luar?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Lain kali tidak payah layanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [*Bercakap dalam Bahasa Mandarin*]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Mereka datang jumpa saya, satu rombongan ke kementerian saya, saya baik hati. Saya jemput mereka minum. Saya cakap.....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya.....

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya cakap dengan begitu *polite*, macam kawan-kawan Barisan juga....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bercakap dalam Bahasa Mandarin*]

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya gentleman, cara saya layan mereka, *very gentleman* dengan izin. Tetapi, saya nampak satu tindakan walaupun saya tidak marah, saya tidak cakap, apa yang mereka lakukan pada saya, sambil kita buat cakap dia ada seorang ambil satu *video camera*. Sepanjang saya cakap *video camera* itu tuju pada saya. Jadi apakah....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu memang kerja pembangkang.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Apa itu *curtsy*? Maknanya dia sudah ada satu pelan seolah-olah macam dia hendak *trap* saya cakap apa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia niat jahat.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jadi, saya percaya dengan satu pegangan pada satu falsafah hidup, kalau kita jujur ikhlas, tidak apa hendak takut.

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Hendak rakam, rakamlah. Apa yang saya cakap itu saya memang tidak takut. Inilah cara mereka bekerja, dia hendak gunakan sesuatu cuba hendak syaki orang lain, dia fikir tidak baik, dia ingat orang lain tidak baik.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kita cuci sama dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia memang tidak baiklah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Dengan izin, saya bukan suka hendak gunakan macam-macam falsafah....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Pakai bomba cucilah sama dia....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat, tolong berikan jalan.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ada satu perkataan Confucius kata, Confucius ada kata macam ini dengan izin...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang Berhormat Menteri!

Dato' Seri Ong Ka Ting: [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Mohon beri jalan?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Maknanya dia punya hati kecil, dia ingat macam-macam, dia ingat orang lain pun macam itu. [*Dewan riuh*] Itulah susahnyalah!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudahlah, tidak payah jawab panjang-panjang. Kita undilah! Bahas lain!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Minta mohon jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Undi, kita undi!

Dato' Seri Ong Ka Ting: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, minta maaf. Saya nampak ini semua berkaitan dengan ingat pilihan raya sudah sampai. [*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini politikkan?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ini sebab saya adalah Presiden MCA. Kalau hendak rosakkan imej MCA, hentamlah kuat-kuat Presidennya. Itulah motifnya dan tidak ada apa-apa yang lain. Apa buat pun saya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP tidak boleh menanglah.

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...menegaskan di sini...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan, penjelasan!

Dato' Seri Ong Ka Ting: ...saya menegaskan di sini, saya bekerja dengan ini untuk...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah Yang Berhormat bagi Cheras, duduk, duduklah!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Eh, duduklah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sebab ini saya katakan kebenaran yang menyakitkan. Takut!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sudahlah Yang Berhormat bagi Cheras, *you* punya salah!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Yang Berhormat...

Dato' Seri Ong Ka Ting: Untuk rakyat, untuk masyarakat, untuk negara, untuk jangka panjang. Saya sudah bersedia untuk memegang tanggungjawab dan juga bersedia untuk menang pilihan raya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sesiapa menjadi menteri yang memegang portfolio, itu pun akan dipotong gaji!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Jangan kuat-kuatlah!

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tujuan saya bekerja adalah untuk...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukan kerana Yang Berhormat adalah Presiden MCA.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Soal pokok sekarang ialah kelemahan...*[Dewan menjadi gamat seketika] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! *[Dewan gamat]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun dan memegang Peraturan Mesyuarat]* Peraturan Mesyuarat ini!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Peraturan Mesyuarat!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Prestasi kerosotan... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Dewan masih gamat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hah! Peraturan ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan, masih tidak tamat lagi. Saya masih minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat, saya minta.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya harap Yang Berhormat Dato' Seri Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri pun tidak beri laluan. Yang Berhormat...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Masih bangun]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Perkara ini jangan memperkecil-kecilkan rakyat di negara ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia ini faham atau tidak faham ini? Ini faham atau tidak faham ini, sudah berapa lama ini?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Ini telah dihina oleh ...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Dia tidak faham tetapi dia tidak berani cakap!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...rakyat Malaysia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup. Cukup Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: Peraturan Mesyuarat!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini berdiri fasal apa ini? Ini berdiri fasal apa ini? Fasal apa berdiri ini? *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya cadangkan supaya pemulihan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ... sistem...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Berdiri sebab apa? Yang Berhormat Menteri tidak duduk, Menteri tidak berikan...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...sistem pentadbiran kerajaan di atas...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hey, Yang Berhormat bagi Cheras. Duduklah Yang Berhormat bagi Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...supaya...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Cheras. Ini kenapa dengan Yang Berhormat bagi Cheras ini? Kenapa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...supaya pemilihan secara demokrasi, ahli-ahli majlis dipulihkan dan dikembalikan!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Hey, Yang Berhormat bagi Cheras, dengar tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Yang Berhormat bagi Cheras, fahamkah? Sila duduk!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini apa ini? Hey, Yang Berhormat bagi Cheras. Duduklah, sudahlah. Tidak faham, faham lagi kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yalah, duduklah!

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Duduklah, duduklah Yang Berhormat bagi Cheras, fasal apa? Apa?

[Dewan riuh].

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Apa? Fasal apa? Duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduk.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Okey, nasib baiklah tidak...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat Menteri, kita...

Dato' Seri Ong Ka Ting: Terima kasih. Sudah, sudah. Saya sekarang memang sudah habis. Saya menegaskan di sini ialah saya tetap akan terus bekerja secara ikhlas, bekerja dengan bersungguh-sungguh, saya tidak kira pilihan raya sampai atau tidak sampai. Saya akan bekerja untuk rakyat, masyarakat, negara dan untuk jangka panjang *[Tepuk]* bukan untuk hendak menang *election*. Jadi tidak kira *election* jadi macam mana, *my concerned is very clear*. Saya tetap pegang kepada prinsip yang betul dan semua dakwaan itu tidak berasas, kita terus betulkan apa yang masih dikatakan tidak betul di peringkat PBT walaupun bukan di bawah kementerian saya, saya tetap berusaha dan tidak akan lari daripada itu. Itulah satu jaminan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah bagi diputus;

“Bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat dikurangkan sebanyak RM10 ringgit daripada maksud Bekalan B.43 kod 10000 Emolumen di bawah Butiran 050000, iaitu dengan memotong gaji Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM10 hendaklah disetujui”

Usul dikemuka bagi diputuskan,

Usul tidak disetujui. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan P.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekali lagi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong, sudah habislah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong hendak balikkah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan hendak berucap?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hendak berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat hendak balik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sebab itu saya buka. *[Ketawa]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh dahululah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Buang masa lah Yang Berhormat, baru hendak buka buku.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau belum bersedia boleh duduklah. Kalau belum sedia bolehlah duduk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang saya ada...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Putehlah!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Pasir Puteh macam mana pula?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa lama telah kita gunakan, jadi saya sekarang hendak minta semua ringkaskan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak lamalah, ya. Saya hendak ringkaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya harap pada hari ini boleh selesaikan Kementerian ini.

5.25 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, 010000 dan 040000 – Perumahan. Seterusnya mengenai kerajaan tempatan. Tuan Pengerusi, kita telah ada 144 kerajaan tempatan dan di sini saya nampak kadang-kala apabila pihak kerajaan tempatan termasuk DBKL dan termasuk Majlis Perbandaran Selayang yang tidak menjalankan tugas dengan betul. Misalnya di rancangan-rancangan perumahan dan sebagainya, pihak Kementerian tidak mempunyai kuasa yang cukup untuk mengarah ataupun memantau keadaan di 144 kerajaan tempatan. Misalnya ada Projek Astana Square Apartment.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri tidak ada kuasalah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mungkin dia ada kuasa tetapi mungkin dia tidak sampai ke situ kerana negara yang luas, 144 kerajaan tempatan tidak sampai kuasanya itu. Ini masalah kita sekarang dan saya pun hendak mencadangkan supaya kita meminda undang-undang bagi pihak menteri dapat menguatkuasakan dengan berkesan, misalnya Projek Astana Square Apartment itu. Di situ ada pihak majlis meluluskan projek ini. Kemudian ada syarat-syarat misalnya dia akan siapkan dalam tempoh lima tahun tetapi lebih daripada tempoh itu pihak majlis tidak memantau.

Tidak ada tindakan untuk memastikan projek-projek seperti ini disiapkan pada masa yang ditetapkan. Bukan sahaja di kawasan Kepong, tetapi di seluruh negara dan sebab itu saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji bagaimana pihak Kementerian dapat menguatkuasakan dengan lebih berkesan. Begitu juga dengan masalah-masalah pencerobohan tanah hijau. Pihak Kementerian ada landskap di sini, ada landskap. Ada juga membuat kerja untuk mencantikkan dan mengindahkan kawasan-kawasan tetapi di kawasan Wilayah Persekutuan termasuk di Kepong, ada banyak kawasan hijau yang dicerobohi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong ini di bawah bidang kuasa Kementerian mana satu?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan sahaja, dia ada juga dan bukan sahaja di Kepong tetapi di sekitarnya pun ada. Di Selayang pun ada, dia mencerobohi kawasan hijau. Misalnya Tuan Pengerusi, kawasan hijau ini memanglah Kementerian Yang Berhormat sendiri, saya ada dengar ucapannya bahawa dia hendak menggalakkan lebih banyak kawasan hijau. Bukan lebih banyak kawasan hijau diselenggarakan dan dijaga dengan baik. Tetapi misalnya di kawasan Selayang kerana dia jiran saya, saya nampak ada kawasan yang cantik tetapi bangunan bukan sahaja MCA lah, ada UMNO pun ada, ada parti-parti Barisan Nasional juga ada di situ yang mencerobohi kawasan-kawasan yang cantik. Jadi saya pun tidak begitu fahamlah. Kita hendak landskap di sini ada peruntukan untuk landskap dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah soalanlah Yang Berhormat dan boleh gulunglah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Hendak gulung, hendak gulung. Dan ada satu lagi masalah perumahan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya memberi perhatian kepada projek-projek kos rendah. Tetapi kos sederhana, kondominium dan juga kedai-kedai perumahan kedai pihak kementerian tidak ada kuasa langsung. Apabila berlakunya projek terbengkalai dan sebagainya, saya pun pernah pergi ke kementerian dan layanan bagi saya pun ada baik juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah itu sebab Yang Berhormat pun tidak cadangkan itulah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak cadangkan supaya pihak kementerian bersama-sama dengan badan-badan yang berkenaan yang lain supaya kita meminda undang-undang ataupun menggubal undang-undang yang baru. Bagi pihak Kementerian Perumahan benar-benar ertinya perumahan. Jaga semua jenis projek perumahan di negara ini. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada dua, empat, enam, tujuh. Saya haraplah dapat selesai dalam satu jam perbincangan dan lepas itu Menteri menjawab. Yang Berhormat bagi Mambong sila.

5.32 ptg.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 00500 - Pengurusan Sisa-sisa Pepejal. Saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Menteri kerana telah pun mewujudkan usaha dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan *recycling* atau kitar semula. Usaha seperti ini adalah satu langkah bagi mengurangkan pembuangan sisa-sisa pepejal oleh rakyat Malaysia. Kalau kita lihat statistik dalam dunia ini Malaysia adalah satu daripada negara yang memang banyak pembuangan sisa-sisa pepejal. Kalau tidak silap saya 1.5 kilogram satu orang, satu hari ataupun per kapita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Kalau kita banding dengan negara-negara lain seperti di Denmark, di Denmark di Bandar Copenhagen pembuangan ini adalah hanya 300 gram per kapita. Di London juga kurang daripada 500 gram per kapita, apatah lagi di Germany yang hanya 250 gram per kapita. Kita yang paling banyak. Jadi kalau kita lihat daripada angka-angka ini mengapakah pembuangan ini amat rendah. Ianya rendah kerana amalan 3R ataupun *reduce, reuse* dan *recycle* - kitar semula. Program 3R ini amat penting daripada permulaannya iaitu *reduce*. Kita mesti mengurangkan apa yang kita tidak berapa perlu, mengurangkan kegunaan apa yang kita tidak perlu. Yang kedua daripada *reuse* barangan-barangan yang masih lagi boleh diguna tidak salah kalau kita jual di *flea market* ataupun tidak salah kalau kita jual di luar rumah kita kerana ada juga jiran-jiran yang mungkin memerlukannya. Kalau kita amat baik hati kita bagilah dengan mereka. Ini adalah penting.

Kitar semula bahan-bahan yang kitar semula kalau kita lihat di dalam campuran sisa-sisa pepejal ataupun sampah kita sekurang-kurangnya 40% yang kita telah buang dapat di kitar semula. Jadi kenapakah kita sebagai rakyat Malaysia ingin buang semua barang-barang seperti ini. Tidakkah kita ingat bahawa barang seperti ini ataupun sampah-sampah yang boleh di kitar semula boleh juga dijual. Jika ianya boleh dijual kita juallah. Jadi inilah usaha Yang Berhormat Menteri yang saya amat-amat kagumi. Saya harap beliau akan meneruskan aktiviti 3R ini di Malaysia. Tetapi kita mesti ingat di negara lain ianya ada perundangan. Kalau tidak dalam bentuk akta ianya seharusnya dalam bentuk perundangan kecil. Di Australia misalnya di Bandar raya Melbourne kalau kita tidak asingkan barang-barang ataupun sampah yang boleh di kitar semula kita campur dengan

sampah-sampah yang lain mereka tidak akan pungut sampah tersebut Jadi inilah yang seharusnya kita buat bagi mengurangkan tapak pelupusan sampah dan memanjangkan usia tapak pelupusan sampah.

Saya terus menyentuh kepada 16 tapak pembuangan sampah. Saya tidak mengatakan tapak pelupusan sampah kerana ia hanya berbeza. 16 tapak pembuangan sampah yang telah pun diarahkan untuk ditutup. Mula-mula memang hangat kita dengar kerajaan hendak buat itu buat ini termasuk membuat audit 16 tapak-tapak pembuangan sampah ini. Apakah yang jadi sekarang kepada 16 tapak-tapak ini yang seharusnya mesti ditutup. Kalau tidak ditutup pencemaran alam sekitar akan terus terjadi dan air dalam tanah ataupun *ground water*, dengan izin akan tercemar. Tambah lagi banyak gas metana akan terkeluar di udara. Jadi ini adalah penting bagi mengawal kesemua bahan-bahan yang mencemar alam sekitar. Untuk gas metana kita boleh guna. Kalaulah kita sudah membuat pengauditan dan lepas itu kita seharusnya buat rawatan agar gas-gas ini kita boleh ambil untuk kegunaan masak di rumah ataupun kegunaan menjana jana kuasa elektrik. Ianya lebih baik lagi dari diesel kerana ianya tidak akan merosak peralatan-peralatan di dalam jana kuasa itu dan ini memang sudah diuji oleh kami penyelidik-penyelidik di Unimas. Dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat kerana telah pun meluluskan RM200,000 untuk kajian penggunaan biogas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Untuk menggulung. *[Ketawa]* Saya ingin tahu apakah arah tuju kerajaan dan kementerian sekarang bagi mewujudkan tapak-tapak pelupusan sampah yang *sanitary* di negara ini lebih-lebih lagi tahap empat ataupun *level 4 sanitary landfill*.

Level four adalah cukup baik, seperti mana yang terdapat di Bukit Tagar dan juga di *Intergrated Waste Management Park* di Mambong. Begitulah *sanitary landfill* yang kita mahu supaya alam sekitar tidak akan tercemar dengan gas metana (*methane*) dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bera.

5.40 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 08000 - Bomba dan Penyelamat, Butiran 05000 - Kerajaan Tempatan. Butiran 020500 - Pembasmian Kemiskinan Bandar. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebagai kawasan Parlimen yang luas seperti saya, Bera iaitu seluas negeri Melaka, kawasan FELDA misalnya. Yang terdekat dengan balai bomba. Paling dekat ialah 50 km dan paling jauh, 90 km. Kawasannya luas.

Jadi dengan keadaan kawasan yang luas ini, bomba penyelamatlah, bomba sukarela. Bomba penyelamat dan sukarelah merupakan satu badan yang amat penting kepada penduduk-penduduk di luar bandar seperti di FELDA ini. Tetapi malangnya, saya sudah beberapa kali bangkitkan di kawasan-kawasan FELDA, kita kekurangan pili-pili bomba. Beberapa kali saya bangkitkan, alasannya ialah pili bomba itu perlu dibina oleh FELDA. Tetapi FELDA kata bukan tugas mereka. Ini tugas bomba. Jadi, akhirnya FELDA lepas tangan, bomba lepas tangan. Bila terjadi kebakaran, paling cepat bomba boleh sampai ialah lebih kurang satu jam. Jadi menyebabkan bomba sukarela...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat nak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera. Saya ingat masalah pili bomba ini sama sahaja seperti di tempat saya, Tuan Pengerusi. Kita minta kementerian. Saya nak minta pandangan Yang Berhormat, apakah kalau boleh kita minta supaya kementerian ini membuat satu *survey* yang menyeluruh seluruh kawasan kerana penempatan rumah ini sudah ada. FELDA ini lama sudah ada. Bahkan sudah sampai dua generasi, tiga generasi. Tetapi pili bomba tidak ada. Apakah salahnya kalau Yang Berhormat cadangkan kepada

kerajaan, kementerian supaya buat *survey* menyeluruh berapakah keperluan sebenar pili bomba yang kita hendak di kawasan-kawasan ini? Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Saya bersetuju bahawa perlu adalah satu statistik yang lengkap tentang kawasan-kawasan ini dan berapakah jumlah pili-pili bomba yang diperlukan? Saya juga minta supaya bomba sukarelawan ini dilengkapkan. Misalnya dengan kenderaan bombanya supaya walaupun tidak ada pili bomba, sekurang-kurangnya kenderaan bomba itu mempunyai tangki air yang cukup untuk sementara menunggukan bomba yang sebenar sampai.

Jadi bermakna apa yang ada sekarang, ada bomba sukarela, tidak ada kenderaan, tidak ada pili bomba dan sebagainya. Jadi, walaupun ada bomba sukarela, tetapi tidak banyak membantu. Jadi saya berharap pihak Yang Berhormat memberikan pertimbangan ke atas perkara ini. Yang kedua ialah saya hendak sebut tentang majlis-majlis daerah. Kalau kita lihat banyak perkara-perkara yang menjadi rungutan di dalam soal majlis daerah. Memang benar ada wakil kerajaan menjadi ahli majlis yang boleh memberi pandangan setiap kali mesyuarat majlis. Tetapi masalahnya, mereka tidak mempunyai kuasa eksekutif. Kuasa eksekutif masih lagi kepada pegawai-pegawai majlis terutamanya kepada setiausaha majlis.

Malangnya, walaupun ada di kalangan Setiausaha Majlis yang melakukan kesilapan, kesalahan dan sebagainya, tetapi kerana perkhidmatannya perkhidmatan tertutup, *close service*. Tak banyak perkara yang boleh dilakukan kepada pegawai-pegawai ataupun setiausaha majlis yang tidak melakukan kerja dengan baik. Kalau pegawai biasa, kita boleh tukar mereka di mana-mana sahaja. Tetapi setiausaha majlis dan sebagainya, kerana *close service*, jadi kita tidak melakukan apa-apa. Jadi saya hendak mencadangkan supaya kalau boleh pihak kementerian berbincang dengan pihak negeri dan sebagainya supaya jadian jawatan majlis adalah jawatan '*open service*', jawatan terbuka. Supaya lebih mudah.

Supaya kalau kita ada masalah dengan mereka, kita boleh tukarkan mereka dan sebagainya. Saya hendak tahu dari segi keputusan-keputusan majlis. Kadang-kadang banyak bertentangan dengan dasar dan sebagainya. Jadi, saya hendak tahu apakah kuasa yang ada kepada kementerian di dalam mengawal dan sebagainya segala tindak tanduk yang dilakukan oleh majlis-majlis kerajaan tempatan?

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tentang pembasmian kemiskinan. Saya lihat di sini, masalah kemiskinan di bandar, besar. Di kampung, di luar bandar, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pertanian dan pelbagai kementerian, diberi peranan untuk membantu masyarakat di luar bandar. Tetapi di masyarakat bandar, yang ada cuma adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini. Jadi, banyak perkara-perkara yang perlu dilakukan dan saya nampak peruntukan hanya RM836,000 untuk peruntukan membasmi kemiskinan. Ini terlalu rendah. Bagi saya rasa ini tidak mencukupi dan perlu ditambah. Jadi, saya kira itu sahajalah Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

5.46 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Saya terus kepada Butiran 030000, iaitu Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana ada satu Tribunal. Tetapi pada masa yang sama ini, saya telah bangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini mengenai setakat keberkesanan ini untuk membela dan juga untuk memberikan satu perkhidmatan yang lebih sempurna kepada pemohon-pemohon ataupun penuntut-penuntut di bawah Tribunal ini.

Saya pernah bertanya kepada kementerian dan kementerian pernah memberi jawapan bahawa cara ataupun kadar penyelesaiannya adalah agak sangat tinggi. Tetapi pada hakikatnya, orang yang telah diberikan *judgement* ataupun keputusan daripada Tribunal ini, iaitu pembeli rumah, tetapi pada masa yang sama mereka mengambil masa yang lambat ataupun masa yang panjang dan ada yang kebanyakan mereka ini tidak dapat tuntutan-tuntutan yang diputuskan oleh Tribunal ini.

Walaupun mereka ini telah mendapat keputusan yang baik daripada Tribunal ini. Saya tahu juga di bawah akta-akta tertentu, klausa-klausa tertentu di bawah akta ini, pemaju-pemaju yang tidak mengikut keputusan itu akan didakwa di pihak mahkamah. Saya hendak tahu setakat ini, berapakah pemaju yang telah didakwa di dalam mahkamah dan mengapa mereka ini, masih ada pemaju yang enggan ataupun tidak mengikut keputusan yang telah diputuskan oleh Tribunal ini.

Tuan Pengerusi, ini adalah satu perkara yang serius kerana kebanyakan pembeli-pembeli rumah ini adalah pembeli rumah yang pertama kali. Mereka ini telah menjimatkan keuntungan mereka ataupun gaji mereka, untuk mendapat satu rumah idaman mereka. Tetapi kalau projek ini terbengkalai, sebagai contoh di kawasan saya di Puchong. Ratusan rumah ataupun ribuan rumah terbengkalai di bawah satu pemaju iaitu Talam Corporations. Kalau Yang Berhormat Menteri, kalau satu hari saya ingin jemput Yang Berhormat Menteri datang ke kawasan itu, saya boleh katakan kawasan itu macam orang kata dengan izin, *'like a cowboy town'*. Banyak rumah terbengkalai, ramai pembeli-pembeli rumah cuba berjumpa dengan saya. Bahawa mereka ini telah mendapat keputusan daripada Tribunal tetapi tidak dibayar dan mereka ini terpaksa setiap bulan membayar kepada bank sebagai kadar bunga.

Pada masa yang sama juga mereka membayar untuk menyewa rumah. Bayangkan sebuah keluarga yang muda, keluarga yang mempunyai anak-anak tertentu, mereka terpaksa membayar dua kali kepada bank dan juga kepada tuan punya rumah yang mereka sewa ini. Dan saya berharap kementerian ini melihatlah bagaimana kita boleh mempertingkatkan lagi keberkesanan ini untuk membantu penduduk-penduduk ini. Dan saya difahamkan bahawa tribunal ini mungkin akan mempertingkatkan lagi jumlah tuntutan dia, kalau diluluskan oleh pihak tertentu, saya mengucapkan tahniah. Saya tahu setakat ini jumlah tuntutannya ialah maksimum RM25,000 dan kalau dipinda saya mengucapkan tahniah kepada kementerian.

Tetapi pokoknya kita mesti meng'*excuse*'; dengan izin apakah keputusan tribunalnya supaya pembeli-pembeli rumah ini dapat jumlah tuntutan mereka supaya mengurangkan bebanan kewangan mereka dan semasa projek-projek ini sedang ataupun terbengkalai. Itu ialah satu isu yang saya berharap kementerian memberikan perhatian yang lebih menyeluruh mengenai bagaimana kita boleh melaksanakan tuntutan-tuntutan yang telah diputuskan oleh tribunal supaya jumlah ataupun pembeli-pembeli rumah ini kepentingan mereka dapat dipelihara.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai pengurusan sisa pepejal. Di sini sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kementerian kerana membuat satu keputusan iaitu tidak membina satu stesen pemindahan di Kampung Bohol yang berdekatan dengan Puchong. Tapi pada masa yang sama saya ingin bangkitkan satu perkara iaitu mengenai Air Hitam Sanitary Landfill yang juga saya telah bangkit beberapa kali di Dewan yang mulia ini iaitu tarikh penutupan dia yang lebih konkrit lagi. Sebab ada cadangan atau ura-ura yang menyatakan bahawa 1hb Januari tahun depan akan ditutup. Tapi pada masa yang saya juga, saya difahamkan bahawa kemungkinan besar tidak akan ditutup pada 1hb Januari tahun depan.

So, sebagai Ahli Parlimen Puchong, saya hendak tahu apakah tarikh yang konkrit yang betul-betul akan ditutup Air Hitam Sanitary Landfill ini kerana pada masa sekarang ini khasnya musim hujan sekarang ini, selepas hujan maka pencemaran bau dia, bau yang teruk sehingga lima kilometer daripada kawasan itu dapat kita hidu bau yang tidak menyenangkan ini. Saya berharap kementerian ini mengambil langkah-langkah yang lebih positif ini untuk kita menutupkan kawasan ini. Saya pun tahu kerana ini bergantung kepada mungkin pembinaan-pembinaan stesen yang lain ataupun pembangunan yang giat membangun di kawasan pelupusan sampah di Bukit Tagar di Rawang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang ketiga iaitu mengenai pembangunan taman awam iaitu Butiran 02102. Tuan Pengerusi, satu kawasan pembangunan yang pesat seperti Puchong ini kita tahu setiap hari, setiap bulan kita ada taman-taman baru dibangunkan. Tetapi yang sedihnya iaitu mengenai *maintenance* taman-taman ini. Walaupun tanggungjawab ini diberikan kepada PBT yang tertentu, tetapi bila saya menyemak dengan mereka, mereka menyatakan bahawa tidak ada bajet atau tidak ada kewangan untuk *maintenance* di taman-taman ini. Tetapi bagi saya untuk *maintain* taman-taman awam ini adalah sangat penting supaya kita boleh mewujudkan satu persekitaran hidup yang lebih nyaman dan lebih selesa untuk penduduk-penduduk yang tinggal di taman-taman tertentu.

Perkara yang akhir sekali saya hendak tahu ialah mengenai Program Pembasmian Kemiskinan di bandar iaitu Butiran 04000. Yang penting sekali yang telah saya juga bangkit di Dewan yang mulia ini bahawa program ini memang baik untuk membasmi kemiskinan, membantu orang di bandar. Tetapi bagi saya yang penting sekali ialah penyediaan kemudahan-kemudahan tertentu seperti rumah dan juga kemudahan-kemudahan lain itu sangat penting. Tetapi pada masa yang sama kalau kita ingin betul-betul untuk membantu orang-orang miskin di bandar ini, peningkatan kemahiran kepada mereka ini adalah satu rancangan atau satu strategi yang lebih berkesan di masa yang panjang ini.

So saya hendak tanya, adakah kementerian ini mempunyai program atau strategi yang tertentu bagaimana kita boleh mempertingkatkan lagi kemahiran-kemahiran tertentu kepada golongan-golongan ini supaya mereka ini dapat pekerjaan yang lebih senang, pekerjaan yang lebih sesuai mengikut kemahuan mereka, kemampuan mereka supaya sara hidup dan kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan. Itu soalan yang saya hendak tanya, apakah ada program-program untuk mempertingkatkan kemahiran kepada golongan-golongan miskin yang tinggal di bandar ini. Itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Serdang.

5.56 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 00100 hingga 03100 iaitu di mana kerajaan tempatan akan memperuntukkan sebanyak RM489 juta pada tahun hadapan untuk projek-projek kecil di dalam kawasan PBT. Dan juga dengan Butiran 02101 hingga 02105 berkaitan dengan landskap negara dengan peruntukan sebanyak RM92 juta akan diperuntukkan untuk tahun hadapan. Dengan peruntukan yang begitu banyak semata-mata untuk memberi bantuan kepada pihak PBT, untuk mengindahkan kawasan, untuk memajukan kawasan dan infrastrukturnya masing-masing.

Saya difahamkan bahawa peruntukan-peruntukan ini akan disalurkan terus kepada PBT yang dikehendaknya. Jadi cara mana untuk memastikan prestasinya projek-projek pada masa yang akan datang? Jadi saya minta bolehkah pihak kementerian supaya semasa peruntukan disalurkan kepada pihak PBT itu, dan boleh bagi salinan untuk Yang Berhormat Ahli Parlimen Barisan Nasional yang di dalam kawasan PBT itu sebagai rujukan. Dan peruntukan sampai dan dapatlah makluman dan juga untuk memantau projek supaya projek ini akan dapat memberi manfaat kepada rakyat sebenarnya. Kerana terdapat bahawa sesetengah projek yang disalurkan daripada peruntukan kementerian itu kepada PBT tidak berapa berkesan yang juga terdapat kelemahan sedikit. Maka itu untuk mengelakkan masalah ini, mungkin satu caranya ialah untuk bagi salinan, maklumkan kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen Barisan Nasional yang berkenaan di dalam kawasan itu.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 030000 – Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Saya difahamkan bahawa fungsi utama Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah ialah membantu membeli rumah, mendapat tuntutan undang-undang terhadap pemaju yang gagal menyempurnakan kewajibannya di bawah perjanjian jual beli yang ditandatangani

oleh pembeli dan pemaju. Biasanya mengikut perjanjian itu, rumah sepatutnya disiapkan dan diserahkan pada pembeli mengikut jadualnya dan ikut spesifikasi yang ditetapkan. Tetapi pengalaman beratus malah mungkin beribu pembeli rumah yang rasa terpedaya dengan janji-janji pemaju perumahan yang gagal menyerahkan rumah yang bermutu, lewat menyiapkan dan kecacatan bangunan rumah dengan amat mengharapkan nasib mereka dibina melalui tribunal ini.

Tuan Pengerusi, bagaimanapun ini jelas harapan sesetengah pembeli rumah rasa kecewa kerana terdapat sesetengah pemaju perumahan gagal dan enggan membayar ganti rugi atas keputusan tribunal ini. Saya telah menerima satu aduan di kawasan saya iaitu di rumah di Taman Cheras Prima, Cheras. Tuntutan mereka telah diputuskan oleh tribunal pada bulan April 2005.

Tetapi sehingga kini pihak pemaju masih enggan membayar tuntutan yang telah diputuskan. Walau bagaimanapun surat sudah dihantar kepada Bahagian Pengawasan dan Penguat Kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meminta bantuan supaya masalah ini dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Puchong tadi sama, kesan tribunal ini tidak disoalkan. Tetapi walau bagaimanapun oleh sebab diikat dengan undang-undang peraturan tertentu maka pihak kementerian perlu mengatasinya.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi berkaitan dengan rumah terbengkalai, di Taman Serosa Kajang. Perumahan yang dimajukan oleh Syarikat Serosa Resources Sdn. Bhd. yang telah disahkan oleh kementerian sebagai projek perumahan terbengkalai di dalam senarai Buku Projek Terbengkalai Tahun 2003. Mengikut prosedur yang telah dilakukan, mengikut undang-undang di dalam mahkamah bahawa projek ini telah dibangkitkan selepas itu melalui undang-undang terus selesaikan masalah-masalah tertentu maka projek ini akan dapat dipulihkan semula. Oleh sebab pembeli-pembeli rumah datang buat mesyuarat dan setuju untuk menerima tawaran syarat-syarat yang telah diberi oleh kontraktor yang dilantik melalui mahkamah itu maka projek ini tidak akan dapat dipulihkan semula.

Tetapi oleh sebab terdapat bahawa teknikal-teknikal yang masih mengalami halangan bagi pemaju untuk menjalankan kerana di dalam tapak ini, di sebelah jalan masuknya terdapat gerai-gerai haram menghalang projek yang dimulakan maka mintalah kerjasama daripada Majlis Perbandaran Kajang dan juga Pejabat Tanah Hulu Langat tetapi tidak dapat untuk atasinya supaya projek ini dapat dipulihkan semula. Dengan demikian pihak kontraktor telah mengemukakan rayuan kepada pihak kementerian supaya memberi bantuan supaya projek ini yang telah terbengkalai begitu lama dapat dipulihkan semula. Mintalah kerjasama dan beri bantuan atau arahan supaya mesyuarat koordinator dapat diadakan untuk atasi perkara tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Satu lagi perkara yang akhirnya, saya mintalah pandangan daripada kementerian berkaitan dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Sesuatu pelan susun atur atau *layout plan* diluluskan dan telah diperakukan oleh Majlis Perbandaran itu terdapat tapak-tapak untuk agensi seperti surau, dewan orang ramai, balai raya, sekolah ini tetapi satu kawasan di kawasan Balakong iaitu tujuh rumah perumahan meliputi 5,000 rumahnya tetapi tujuh perumahan ini hanya satu taman perumahan iaitu Taman Juara Jaya yang mendapat satu tapak sekolah sahaja untuk tujuh rumah perumahan. Sepatutnya 1,500 rumah satu tapak sekolah, lebih 2,500 unit, ada tapak sekolah rendah dan sekolah menengah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Jadi oleh sebab itu saya mintalah pihak kementerian untuk memberi penjelasan apa sebabnya di Taman Juara Jaya yang ada satu tapak sekolah ini patutnya diserahkan kepada kementerian untuk membina sekolah untuk tujuh perumahan untuk anak-anak kita tetapi dukacita dimaklumkan bahawa tapak sekolah ini telah ditukar jadi perumahan. Ertinya tujuh taman perumahan ini tidak ada sekolah langsung. Saya dapat surat wakil daripada tujuh perumahan untuk mengatakan bahawa begitu teruknya kawasan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Mintalah apa sebab ini boleh berlaku, bolehkah minta balik tapak sekolah tadi dikekalkan semula daripada dijadikan perumahan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sandakan. Saya hendak bagi Yang Berhormat berucap tetapi bila saya tegur Yang Berhormat kena berhentilah.

6.05 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas maklum balas yang diberikan kepada saya apabila saya membangkitkan isu-isu dari kawasan saya dan seterusnya masalah dapat diatasi, terima kasih.

Jadi saya ingin menyentuh Butiran 070200 - Rancangan Pemajuan. Isu pembinaan pasar umum baru di Sandakan Harbour Square Sandakan telah saya bangkitkan dalam sesi Parlimen yang sebelum ini kerana bilangan gerai yang tidak mencukupi untuk memuatkan semua kategori penggerai yang sedia ada di bangunan pasar lama dan kawasan persekitaran.

Adalah difahamkan bahawa pihak PBT iaitu Majlis Perbandaran Sandakan telah mengambil maklum jumlah bilangan gerai yang sedia ada ialah 1,788 buah tetapi sehingga sekarang pegawai berkenaan pun tidak tahu mengapa hanya 1,223 buah yang bersaiz lebih kecil dibina di pasar umum baru ini. Saya telah meminta penjelasan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Sabah melalui surat saya bertarikh 10 Ogos 2006 dengan dua pucuk surat peringatan selepas itu malangnya sehingga kini saya masih belum menerima sebarang jawapan yang saya rasa rakyat jelata di Sandakan pun minat mengetahuinya.

Banyak aduan daripada penggerai dalam beberapa bulan kebelakangan ini telah dibangkitkan kerana bilangan gerai yang tidak mencukupi dan kemudahan asas pasar seperti meja, almari dan lain-lain tidak dibekalkan sehingga mereka membantah untuk berpindah masuk ke pasar umum baru ini. Kononnya ada pertanyaan dan kritikan bahawa perjanjian usaha sama projek pasar umum di Sandakan Harbour Square ini kurang memuaskan kerana tiadanya BQ (Bill of Quantity) dengan izin bagi pembinaan pasar umum yang menelan kos sebanyak RM21 juta ini.

Ada juga dikatakan bahawa sistem trafik pun tidak memuaskan atas sebab tiadanya jalan tambahan untuk keluar masuk ke kawasan pasar umum dan rumah kedai yang baru ini. Atas aspek ini saya ingin meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menjalankan satu siasatan terperinci untuk memastikan terma-terma perjanjian usaha sama projek tersebut munasabah kepada semua pihak. Sekiranya tidak tindakan sewajarnya mesti diambil untuk membetulkannya dengan secepat mungkin. Selain daripada itu saya ingin tahu sama ada peraturan untuk memindahkan gerai-gerai ke pasar umum baru pada 1 Ogos 2006 itu sesuai kerana sehingga sekarang pemindahan masih belum dijalankan.

Lagipun saya ingin tahu sama ada pelan pembangunan dan juga bangunan pasar baru telah diluluskan dan kerja pembinaan dilaksanakan mengikut pelan-pelan pengurusan. Seterusnya pemeriksaan oleh Pegawai Majlis Perbandaran Sandakan ada dibuat atas bangunan pasar umum baru ini, sijil kelayakan untuk diduduki, *Certificate of Fitness for Occupation* dengan izin telah dikeluarkan sebelum tarikh pemindahan yang beberapa kali ditunda sejak 1 Ogos 2006.

Oleh sebab perkara ini telah banyak dikritik secara terbuka termasuk oleh seorang menteri kerajaan negeri yang mempertikaikan kos pembinaan yang melebihi RM13 juta daripada kos asal dan para penggerai membantah caj tambahan baru yang dikenali sebagai sewa tapak yang membebankan kewangan mereka pun khuatir tentang kedudukan

pemindahan ke pasar umum ini. Maklum balas terperinci daripada kementerian bagaimanakah dan bilakah masalah ini dapat diselesaikan amatlah diperlukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

6.09 ptg

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 100300, 100500, 100600. Ini mungkin bukan secara langsung di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tetapi dia juga bukan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Yang saya hendak merujuk ialah perobohan *temple*, kuil atau tokong Cina dan Hindu kerana di bawah kementerian ini, ia ada satu garis panduan tempat ibadah agama-agama bukan Islam tetapi garis panduan ini ia tidak mempunyai kuasa undang-undang. Jadi apa yang ia arahkan, kalau kerajaan tempatan tidak mengikutnya pun tidak boleh buat apa-apa. Jadi saya rasa adalah perlu di bawah perancangan bandar dan desa supaya menetapkan ini adalah satu undang-undang bahawa mesti menetapkan tempat atau menguntukkan tempat untuk tempat ibadat bukan Islam supaya ia tidak akan jadi seperti apa yang berlaku baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, menurut Hindu Rights Action Force yang mengatakan bahawa untuk tahun ini setiap kuil Hindu dirobohkan setiap tiga minggu sama ada sudah dirobohkan ataupun diberi amaran akan dirobohkan oleh pihak berkuasa tempatan dan dikatakan bahawa dari Februari tahun ini sejumlah 69 kuil Hindu telah pun dirobohkan ataupun diancam akan dirobohkan. Mereka mengatakan bahawa mereka tidak dapat apa-apa respons daripada mana-mana kementerian sehingga mereka terpaksa menghantar memorandum kepada United Nations.

Apa yang telah berlaku kepada tokong Toh Mo Kong di Bukit Mertajam mengikutnya sehingga pihak polis terpaksa menembak untuk memberi amaran. Saya khuatir kalau Kerajaan Barisan Nasional masih tidak membuat apa-apa untuk menangani masalah ini, saya khuatir kesejahteraan dan keharmonian akan terjejas. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan membawa perkara ini untuk dirunding di dalam Kabinet dan berunding bersama-sama semua kerajaan negeri supaya tokong di mana-mana...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...atau kuil di mana-mana tidak akan dirobohkan sebegini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, janganlah kacau.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat bawa usul hendak potong gaji menteri. Sekarang ini Yang Berhormat semua hendak minta tolong daripada menteri pula. Jadi saya tidak faham Yang Berhormat punya pendirian. Biarlah kami selesaikan. Tadi Yang Berhormat maki-maki sama menteri. Sekarang ini sudah hendak minta tolong. Itulah lain kali jangan marah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itulah Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jerai ini dia tidak faham-faham. Itulah dia tanya soalan yang kurang bijak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tadi Yang Berhormat banyak marah. *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini perkara yang biasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Mana boleh biasa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau kita tidak boleh mengatakan apa yang dibuat tidak betul, cakaplah di sini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, itulah cakap, jangan buat usul potong gaji.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Duduk, duduk. Kalau hendak potong gaji itu pun mengikut peraturan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu cuba menjatuhkan maruah orang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Adakah Yang Berhormat bagi Jerai hendak mencadangkan supaya jangan mengadakan peraturan tidak boleh memotong gaji kementerian atau Yang Berhormat Menteri?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau betul-betul menteri tidak bagus, tidak apalah. Ini menteri baik, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah Yang Berhormat bagi Jerai. Yang Berhormat bagi Jerai, banyak buang masa nanti.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, sila gulung.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Dia yang kacaulah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Menyampuk*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya merasa ini suatu yang sangat penting dan untuk kebaikan semua dan keharmonian dan perpaduan di antara kaum dan antara agama yang berlainan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Satu lagi sahaja, Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 03100 – Kemajuan Perkampungan. Saya mendapati bahawa di dalam sesetengah kampung baru Cina mereka mempunyai *cottage industry*, industri kecil yang dahulunya memang sesuai di dalam kampung baru tetapi sekarang tidak sesuai lagi kerana ia akan mencemarkan alam. Seperti di Kampung Baru Berapit, ia mempunyai banyak *bean cured seed industry*, *small industry* yang mengeksport *bean cured seed* ini ke Singapura. Tetapi waktu sekarang kerana ia menggunakan kayu untuk membakar. Jadi ia mendatangkan pencemaran.

Saya rasa adalah penting kalau boleh kementerian ini menubuhkan satu jawatankuasa untuk memberi *technical support* dan juga pinjaman *soft loan* kepada pengusaha-pengusaha industri seperti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, habiskan, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, ya, Tuan Pengerusi. Hanya satu perkara sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa perkara Yang Berhormat? Balik-balik satu perkara, satu perkara sahaja. Cukuplah ya.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya tahu mungkin Yang Berhormat Menteri akan kata ini bukan *directly* di bawah bidang kuasanya tetapi pada waktu sekarang isu rumah ataupun istana Zakaria ini yang mana ia masih berdiri di situ walaupun ia mempunyai kelulusan pelan struktur juga. Tetapi Toh Mo Kong di Bukit Mertajam, kesnya sama seperti istana Zakaria tetapi ia dirobohkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi ada satu cadangan bahawa apa-apa perobohan yang hendak dibuat ke atas mana-mana kuil dan tokong, ia tidak boleh dijalankan mengikut *by law*...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...kerajaan atau MPSP, *local council* sahaja. Ia mesti mengikut perintah mahkamah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...supaya tidak berlaku apa-apa yang tidak diingini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak bagi tiga hingga lima minit bagi tiap seorang. Ya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Satu, dua isulah Yang Berhormat.

6.17 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Tangga Batu bawa satu isu sahaja iaitu berkenaan dengan Butiran 00500 – Pengurusan Sisa Pepejal.

Tuan Pengerusi, pengurusan sisa pepejal ini kalau dalam konteks majlis perbandaran ataupun majlis daerah, perkhidmatan yang disediakan adalah terbahagi kepada tiga iaitu pengutipan sampah-sampah pepejal ini. Yang kedua, pembersihan rumput, pemotongan rumput dan juga kebersihan longkang-longkang. Yang menjadi isu pada hari ini ialah program penswastan oleh kementerian nampaknya berjalan dengan begitu baik di peringkat awal tetapi hari ini oleh kerana terdapatnya kelemahan dalam sistem pembayaran kepada kontraktor-kontraktor yang memotong rumput yang rata-ratanya juga adalah merupakan kontraktor-kontraktor tempatan.

In telah menjadi satu barah yang begitu serius di peringkat zon selatan iaitu Southern Waste Management yang telah menagguhkan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor pemotongan rumput ini sehingga ke tahap sembilan bulan, Tuan Pengerusi. Satu memorandum telah dihantar kepada Pengerusi Majlis Tindakan Negara, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Memorandum ini datangnya daripada persatuan kontraktor ini yang mengatakan pihak Southern Waste Management (SWM) benar-benar tidak dapat melunaskan pembayaran ini dan telah menyebabkan berlakunya “lumpuh” di dalam sistem ekonomi di dalam kerajaan tempatan ini sehingga ada kontraktor yang tidak dapat menyara pekerja-pekerjanya, tidak dapat menanggung keluarganya dan ada yang terpaksa berpindah dan sebagainya.

Jadi harapan saya supaya pihak kementerian melihat perkara ini dengan serius dan sikap pihak SWM menuding jari semula kepada kerajaan tempatan haruslah dielakkan. Apabila pihak SWM didekati oleh kontraktor-kontraktor ini, mereka mengatakan yang pihak kerajaan tempatan, pihak majlis-majlis daerah dan majlis bandaran tidak membayar mereka, yuran yang sepatutnya dibayar oleh pihak majlis daerah. Jadi ada di antara mereka yang menyatakan hutang majlis-majlis daerah ini kepada pihak SWM ini menjangkau hingga ke angka RM20 juta bagi satu majlis daerah. Jadi ini adalah keterlaluan dan saya percaya perkhidmatan yang disediakan oleh pihak majlis tempatan itu

adalah berkait langsung dengan cukai yang dibayar oleh pembayar-pembayar cukai. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

6.19 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua atau tiga perkara sahaja bagi tujuan di bawah kementerian ini.

Perkara yang pertama ialah berkenaan butiran 01402 berkenaan dengan kajian dan penyelidikan perumahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah kajian serta penyelidikan perumahan yang telah dikaji oleh kementerian ini, adakah pihak kementerian telah membuat kajian atau membuat keputusan berkenaan dengan satu cadangan bagi merancang supaya rumah-rumah yang akan didirikan dibina sehingga ke sempadan lot ataupun tanah berkenaan bagi tujuan mengelak tuan-tuan punya rumah daripada membuat sambungan yang tidak dibenarkan atau sambungan yang tidak mengikut pelan yang telah diluluskan.

Saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Menteri, banyak kawasan perumahan yang tidak dapat dikawal dengan baik oleh pihak berkuasa tempatan, akibatnya berlaku sambungan, tambahan yang tidak diluluskan dan ianya telah merosakkan *ecstatic value* dengan izin, pemandangan rumah berkenaan. Kadang-kadang pemaju perumahan telah pun memilih konsep 'tuedo' dalam satu kawasan perumahan. Tetapi ada pula pembeli atau tuan punya rumah yang tidak berminat dengan konsep berkenaan kemudian menukar kepada konsep lain dan ini merosakkan pemandangan yang cukup indah, yang cukup menarik yang telah diilhamkan oleh arkitek pemaju berkenaan. Saya ingin tahu setakat manakah kajian oleh pihak kementerian.

Ini juga akan mendatangkan kesan daripada kutipan cukai pintu jika kawasan built-up area telah bertambah, cukai pintu juga akan berubah. Ini selalunya tidak mendapat perhatian daripada pihak berkuasa tempatan.

Perkara yang kedua Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ialah berkenaan Butiran 090600 iaitu keseluruhan perancangan bandar dan desa. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian berkenaan dengan keadaan di mana sijil layak menduduki sementara. Ini kisah zaman dahulu Yang Berhormat Datuk Menteri iaitu sijil layak menduduki sementara yang selalunya diberi oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang sah setakat enam bulan. Kemudian sijil itu batal setelah tamat enam bulan dan tidak ada sijil-sijil kekal dikeluarkan, sijil layak menduduki kekal dikeluarkan bagi kawasan perumahan ini.

Apabila tiada sijil layak menduduki yang kekal dikeluarkan bagi taman perumahan berkenaan, pihak berkuasa tempatan selalunya akan lepas tangan. Mereka enggan untuk memberi perkhidmatan kutipan sampah, enggan memberi perkhidmatan berkenaan dengan pemotongan rumput, pembersihan longkang, lampu jalan selalunya tidak menyala. Dalam kawasan saya sendiri Yang Berhormat Menteri ada dua taman yang selalunya memberi masalah kepada saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu Taman Shah Jaya dan Taman Seri Raya. Dua taman yang dihuni lebih kurang 800 keluarga.

Saya dimaklumkan juga bahawa taman-taman ini hanya dianggap taman yang tidak ada bangunan kerana cukai pintu yang dikenakan ke atas kedua-dua taman ini adalah cukai pintu tanah kosong. Seolah-olah pihak berkuasa tempatan menganggap bahawa tiada rumah di atas tanah tersebut. Jadi dia mengenakan cukai pintu hanya atas kadar tanah kosong. Sampai bilakah perkara ini akan dapat diselesaikan dan adakah pihak kementerian mempunyai peruntukan bagi menyelesaikan masalah ini.

Satu perkara Tuan Pengerusi, perkara yang agak pendek iaitu berkenaan dengan Butiran 020300 - Pengawasan dan Penguatkuasaan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa pasar-pasar basah adalah di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan.

Tetapi dari segi pengawalannya kita dapati bahawa pasar-pasar basah di kawasan-kawasan pekan-pekan kecil seolah-olah tiada peraturan. Bukan sahaja pihak-pihak penaja atau peniaga pasar berkenaan meletakkan barangannya sewenang-wenangnya dan keadaan pasar itu juga terlalu uzur dan tidak mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak-pihak berkuasa tempatan.

Peniaga berada di luar daripada petak peniaga-peniaga berniaga di luar daripada kawasan pasar. Ini mendatangkan kesan yang tidak baik bukan sahaja daripada kesihatan malah juga dari segi keadaan yang tidak teratur di kawasan basah berkenaan. Tuan Pengerusi, itu sahaja saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ledang

6.26 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 50000 sama Yang Berhormat bagi Tangga Batu tetapi saya terus merujuk kes SWM, saya terus merujuk kepada nasib pekerja-pekerja yang dulunya bekerja dengan majlis-majlis daerah atau majlis-majlis perbandaran, sekarang mereka telah bekerja dengan SWM tetapi kerana masalah bayaran, kebanyakan daripada mereka ada yang menerima gaji lewat dan lebih malang lagi ada kakitangan-kakitangan kerajaan menerima bonus yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini tetapi mereka hanya melihat daripada jauh, gigit jari. Sedangkan dulu mereka adalah kakitangan kerajaan dan ini pada saya perlu dilihat secara serius kerana dari segi psikologi mereka sebenarnya tertekan dengan suasana yang berlaku di hadapan mereka.

Kedua tentang *e-billing*. Saya cuba kira-kira tadi, cuma 40 PBT sudah menyediakan perkhidmatan *e-billing* ataupun pembayaran cukai harta dan lain-lain ini melalui internet. Saya cadangkan supaya *e-billing* ini diperluaskan dan bagi mereka yang telah di *e-billing* elok juga dibuat kempen supaya ramai yang menggunakan kaedah tersebut. Pada saya lebih selamat, lebih jimat masa, tidak perlu bimbang dengan kes ragut kerana tidak perlu membawa duit ke bandar atau ke PBT untuk tujuan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka

6.27 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ingin saya rujuk kepada Butiran 030000 di bawah tajuk tribunal tuntutan pembeli rumah. Tuan Pengerusi, saya berkongsi sentimen dengan Yang Berhormat bagi Puchong tadi yang menyatakan setakat manakah kejayaan itu bagi sistem kehakiman bagi tribunal tuntutan ini sebenarnya bergantung bukan sahaja kepada berapa kes yang dapat kita selesaikan. Tetapi sebenarnya berapa kes yang kita dapat memastikan bahawa *award* boleh dipatuhi oleh syarikat-syarikat pemaju. Saya membuat cadangan ini kepada pihak kementerian supaya kita boleh wujudkan satu unit penguatkuasaan *award* bagi pembeli-pembeli rumah yang menang ini. Kerana jika hanya sekadar mendapat *award* bagi mereka, tanpa melaksanakan *award* itu, sebenarnya ia hanya merupakan satu penghakiman dari atas dasar hitam putih sahaja.

Tapi, kebanyakan masanya saya dapat keluhan daripada pembeli rumah bahawa apa yang mereka dapat itu hanya *award* sahaja. Jika dapat satu *award* mungkin bernilai RM8 ribu atau RM10 ribu tidak mungkin dia kena menggaji seorang peguam pula untuk melaksanakan *award* itu dan dia kena bayar kepada peguam RM4 ribu, RM5 ribu. Jadi saya rasa yang penting sekali mestilah kita wujudkan satu unit penguatkuasaan *award* dalam sistem tribunal tuntutan pembeli rumah ini. Itu cadangan yang pertama.

Yang kedua saya ingin rujuk kepada 070000 di bawah subtajuk perancangan bandar dan desa yang mana lebih kurang RM40 juta telah diperuntukkan di bawah

belanjawan tahun 2007. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, sebelum itu saya telah pun berjumpa Yang Berhormat Menteri dengan pemimpin-pemimpin lain berkenaan dengan masalah banjir kilat dalam kawasan Kota Melaka ini. Saya difahamkan satu kertas penyediaan ke atas rangka bagaimana kita kena mengatasi masalah banjir kilat dalam Kota Melaka ini dapat kita selesaikan. Kerana sehingga ini memang warga-warga di Kota Melaka dilanda dengan masalah banjir kilat dan lebih-lebih lagi apabila wujudnya keadaan air pasang.

Jadi lebih teruk lagi bila bertemu dengan hujan lebat. Jadi semua air naik. Bila air naik di rumah maka hilanglah undi Barisan Nasional. Saya rasa itu merupakan satu faktor yang cukup penting. Jadi saya ingin tahu sama ada RM40 juta yang telah pun diperuntukkan di bawah Belanjawan 2007 itu sama ada ia merangkumi peruntukan yang dapat mengatasi masalah banjir kilat. Dan saya difahamkan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara prinsip telah pun bersetuju dengan cadangan itu dan saya ingin tahu berapa cepatkah projek-projek mengatasi masalah banjir kilat itu dapat kita laksanakan dalam kawasan saya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 080600 - Penguatkuasaan. Saya ingin merujuk kepada tanah-tanah terbiar dalam kawasan Kota Melaka yang mana mungkin tak macam di Kuala Lumpur tapi di Kota Melaka banyak tanah yang terbiar yang mana banyak lalang-lalang dan juga ia merupakan satu tempat yang menjejaskan keselamatan kerana ada ular dan sebagainya. Walaupun ia merupakan satu perkara yang kecil tetapi ia cukup memberikan satu imej yang negatif kepada kerajaan di atas kegagalan kita bertindak kerana apabila notis diberikan kepada PBT kepada pemilik-pemilik tanah terbiar ini, dan mereka sentiasa tidak mengendahkan langsung notis-notis itu. Jadi saya rasa mungkin menerusi Majlis Negara Kerajaan Tempatan mungkin kita boleh menggubal satu dasar supaya kita dapat menyeragamkan undang-undang dalam....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]:dan kita boleh memasukkan satu tindakan kuasa pelaksanaan termasuk tindakan untuk merampas tanah yang terbiar itu. Jika wujudnya kegagalan secara berterusan daripada pemilik-pemilik untuk menjaga tanah-tanah mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, lepas itu Yang Berhormat bagi Pensiangan, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor, dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Tiga minit Yang Berhormat, lepas itu menteri jawab.

6.32 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang kita amat kasihi, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ada Butiran 080000 - Bomba Penyelamat. Jadi sebulan yang lalu saya telah hadir sendiri melihat dan menyaksikan adegan yang berlaku enam unit kebakaran kedai di Pasir Puteh yang melibatkan suku kaum Cina dan dua buah kedai kopi milik orang Melayu. Jadi apabila saya berada lebih kurang dua jam, saya bertanya kepada pihak bomba yang datang dan dia ucapkan terima kasih kerana saya hadir sendiri melawat.

Saya tanya apa masalah untuk menyelesaikan menyelamatkan bomba ini. Dia kata kita bersyukur kerana bangunan Yang Berhormat Menteri pun tahu bangunan itu pun cukup indah cantik Balai Bomba Pasir Puteh, cuma kenderaan perlu sebuah lagi. Kalau dua buah itu saya rasa dengan tekanan air yang cukup. Soal air ini saya rasa susah saya hendak jawab sebab saya sudah bercakap dengan KTAK, saya tanya tukar paip ini kuasa negeri atau kuasa Persekutuan. Kalau kuasa negeri, kita tunggulah kita ambil kuasa negeri nanti pilihan raya, baru kita boleh tukar paip baru. Itu dia. Tapi sayangnya rakan saya Yang Berhormat bagi Pasir Mas tidak ada.

Jadi bagi kita kalau Kerajaan Persekutuan saya minta segerakan juga tukar paip kerana tekanan air cukup *slow*. Kalau air itu kuat ia tak akan habis bangunan yang terbakar, boleh selamat. Sebab itulah saya cadangkan satu lagi Yang Berhormat Menteri kalau boleh di bawah *one off* saya tengok ini Butiran 100500 ini ada untuk bomba penyelamat. Kalau boleh kita cubalah untuk dapat tambah satu lagi sub-stesen di Tok Bali. Tok Bali satu tempat yang cukup *potential* kerana sudah naik kilang-kilang, sudah naik perumahan, perikanan pun telah membangun. Jadi saya rasa itu cukup sesuai untuk membantu di sebelah kawasan Bachok sekali. Jadi saya rasa itulah yang dapat saya sampaikan. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pensiangan.

6.35 ptg.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua butiran sahaja, ringkas. Satu mengenai dengan Butiran 300002-Bomba dan Penyelamat. Di kawasan saya P182 Pensiangan Yang Berhormat Menteri, belum ada lagi bangunan bomba di sana. Yang terdekat sekali adalah daripada Keningau yang mengambil masa kalau ke Sook satu jam dan ke Nabawan 45 minit. Jadi kalau ada kebakaran di kawasan Nabawan bomba ini akan bergerak lebih kurang satu jam 45 minit. Yang kita katakan jua, sampai sahaja di sana mungkin rumah-rumah ataupun kebun-kebun ini sudah lesap terbakar.

Dengan pertumbuhan bertambahnya manusia dan rumah-rumah Yang Berhormat dan juga pembangunan tanah pertanian yang begitu pesat di kawasan Pensiangan iaitu di Sook dan Nabawan industri-industri kilang pun sudah bertambah, ia juga mempunyai industri *cottage* dan kawasan industri yang sederhana, kita juga mempunyai projek-projek perumahan yang akan kita bangunkan dan juga kedai-kedai yang perlu kita bangunkan. Selain daripada itu, kampung-kampung yang berdekatan yang begitu banyak sekali. Jadi saya rasa perlu untuk kita dirikan satu bangunan ataupun balai bomba ini di kawasan P182 Pensiangan.

Yang kedua yang saya ingin rujukkan ini ialah mengenai dengan Pembangunan Kampung di bawah Butiran 031000. Bak kata orang kampungku permai, kampungku aman, kampungku indah, kampungku itu bersih, kampungku itu menakjubkan dan kampungku itu menarik. Tapi sekarang di kampung-kampung yang berada di kawasan saya belum ada lagi peruntukan di bawah kementerian ini dan saya cadangkan supaya disalurkan cadangan-cadangan ini kepada kementerian supaya kementerian ini dapat membantu untuk mengindahkan lagi kampung-kampung di kawasan P182 Pensiangan yang lama telah tertinggal dari arus pembangunan perdana. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Tiga minit Yang Berhormat.

6.37 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengalu-alukan cadangan kementerian untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan tahun 1976. Semoga akta yang akan dibawa ke Parlimen awal tahun depan benar-benar dapat mengawal dan juga menambah baik perkhidmatan pihak berkuasa tempatan dan kita harap tidak timbul soal kementerian *lost control* dengan izin kepada kuasa-kuasa yang diberikan kepada kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

Saya ingin membangkitkan yang kedua Butiran 030000 - Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Saya mencadangkan supaya keputusan yang telah dibuat kepada pemaju agar dapat membayar ganti rugi kepada pembeli dan mereka tidak melaksanakan keputusan itu seperti pihak kementerian bertegas dan mengheret mereka ke mahkamah termasuk mengeluarkan waran tangkap.

Butiran yang kedua 040000 - Perumahan. Saya hendak tahu status masa kini tentang projek perumahan terbengkalai di Taman Cahaya Dua, Batang Berjuntai, yang sedang ditangani oleh pihak kementerian. Menyentuh soal Butiran 01901 - Draf perancangan tempatan. Hari ini Kuala Selangor sedang menyediakan rancangan tempatan yang digubal oleh Jabatan perancangan Bandar dan Desa, pihak konsultan dan juga pihak berkuasa tempatan di kawasan. Tetapi saya dapati rujukan tidak dibuat dengan jabatan dan agensi di peringkat akar umbi maksudnya peringkat daerah dalam menyediakan garis panduan yang harus dipatuhi oleh semua pihak dari segi pembangunan.

Perkara berikutnya adalah menyentuh soal Butiran 360000 - Kempen Mencegah Kebakaran. Saya dapati rumah kayu di kampung-kampung sering menghadapi masalah litar pintas dan juga kebakaran. Saya harap peruntukan disediakan oleh kementerian untuk memastikan atau menggalakkan rumah-rumah kampung ini selepas 10 tahun pendawaian elektrik disemak semula dan juga dinaik taraf. Begitu juga menyemak pili-pili bomba di kampung-kampung, di samping menggalakkan rumah-rumah berkenaan menyediakan alat pemadam api. Selain itu juga, kita galakkan JKK mengadakan kursus dan penerangan agar pihak bomba dapat memberikan pendidikan kebombaanan dan juga mencegah kebakaran kepada orang kampung.

Juga aduan yang melalui talian berpusat 994 diharap dapat diserahkan semula ke kawasan atau daerah untuk memudahkan pencegahan.

Mengenai Butiran 30000, saya hendak tahu juga apakah status Kompleks Bomba dan Penyelamat bagi daerah Kuala Selangor dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Akhirnya Butiran 00500 - Pengurusan Sisa Pepejal. Masalah bau busuk di pusat pelupusan sampah dan sisa pepejal Kubang Badak, Batang Berjuntai masih belum selesai. Saya hendak tahu khabar berita mengenai pusat pelupusan gantian di Jeram Estet. Adakah kajian EIA membolehkan kawasan itu dijadikan tapak ganti dan apakah teknologi yang digunakan? Adakah secara *incinerator system* ataupun kaedah yang lain dan akhirnya....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa kali akhir Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Mengenai masalah Bukit Tagar. Lebuhraya dijanjikan siap setahun yang lepas tetapi sampai sekarang lebuhraya tidak dapat digunakan untuk kemudahan kontena membawa sampah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam dan selepas itu kementerian menjawab. Tiga minit, Yang Berhormat.

6.42 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri kerana sampai ke Sabak Bernam. Harap yang dibawa oleh Sabak Bernam ini diberi perhatian. Khususnya yang pertama Butiran 010300 - Pengurusan Sumber Manusia. Di kawasan Majlis Tempatan, Majlis Bandaran, paling banyak gejala sosial berlaku. Oleh kerana itu Sabak Bernam mencadangkan supaya suatu peruntukan yang lebih besar daripada peruntukan yang ada disediakan bagi pihak Majlis mengadakan kempen dan permuafakatan di kalangan pengusaha kedai yang ada dalam Majlis.

Perkara yang kedua ialah 050100. Kawasan Majlis ini sebenarnya kawasan yang paling strategik untuk menjalankan kempen supaya lebih berkesan. Oleh kerana itu Sabak Bernam mencadangkan supaya *billboard*, papan iklan dan seumpamanya yang ada dalam Majlis itu disusun dengan lebih baik dan dimuafakati dengan jabatan-jabatan yang lain. Jadi, kita ingin menegaskan supaya di kawasan Majlis ini juga ada kempen berkaitan dengan budaya ilmu selain daripada kempen kesihatan, kebersihan dan seumpamanya.

Akhir sekali ialah Butiran 080100 - Bomba Penyelamat, Pencegahan dan Kebakaran. Rayuan ini saya harap boleh kali terakhirlah, Yang Berhormat Menteri. Bomba sukarela di kawasan Sungai Ayer Tawar ini telah memainkan peranan membantu Jabatan Bomba yang ada di daerah Sabak Bernam, di pekan yang jauhnya lebih 20 kilometer. Jadi, bomba sukarela yang ada di Sungai Ayer Tawar ini telah pun memainkan peranan mencegah kebakaran dan memohon supaya satu kenderaan walaupun *second hand* dapat disediakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila.

6.43 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah memberi banyak maklum balas cadangan, teguran dan juga pandangan supaya kementerian saya dengan menggunakan peruntukan yang diluluskan itu boleh membantu kawasan, terutamanya kawasan yang mereka wakili masing-masing dan juga pada keseluruhannya untuk membaiki lagi perkhidmatan dan pembangunan di peringkat akar umbi yang boleh mendatangkan faedah kepada rakyat.

Terdapat ramai juga Ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Saya hendak menjawab ini secara sekali gus untuk semua yang menyentuh perkara ini. Sebenarnya dengan adanya penubuhan Tribunal Perumahan sejak kita pinda undang-undang yang berkuat kuasa pada 1 Disember 2002, tribunal ini sangat mendatangkan faedah kepada pembeli rumah. Sebelum itu pembeli rumah kena pergi ke mahkamah untuk bayar dan ambil masa dan juga menggunakan wang untuk membayar peguam. Selepas ada tribunal ini mereka tidak perlu tunggu lama dan tidak payah mengupah peguam, terus mereka dapat membawa kes itu dan dengan cepatnya tribunal membuat keputusan supaya mereka boleh menuntut apa yang dikatakan pemaju telah tidak mengikuti perjanjian dan sebagainya.

Dalam pada itu sehingga 31 Oktober tahun ini, sejumlah 19,018 kes telah didaftar dengan tribunal dan tribunal telah pun berjaya menyelesaikan sebanyak 17,034 kes. Baki sebanyak 1,984 kes masih dalam tindakan dan dijangka tidak lama lagi semuanya dapat didengar. Akan tetapi kes-kes baru juga akan timbul.

Daripada statistik ini terdapat 185 pemaju yang dikatakan ingkar *award*. Mereka tidak bayar dengan cepat dan persepsinya seolah-olah macam banyak kes tidak selesai dan sebagainya. Saya faham beberapa Ahli Yang Berhormat yang sebut kebetulan ada banyak kes itu melibatkan satu pemaju yang sedang menghadapi masalah kewangan iaitu satu pemaju yang besar dan banyak projek di Lembah Klang dan masalah itu telah mula sejak tahun 90-an. Semasa krisis ekonomi syarikat itu mempunyai hutang dan juga pinjaman yang susah hendak diselesaikan dengan cepat.

Akan tetapi kementerian hendak memastikan semua pembeli rumah yang terlibat dengan pemaju berkenaan supaya mereka dapat rumah terlebih dahulu dan menuntut kemudian. Dengan itu kementerian telah memberi masa untuk syarikat ini mencadangkan penstrukturan semula pinjamannya dengan bank-bank yang terlibat. Akhirnya baru-baru ini semua syarikat yang berkaitan itu telah pun melaporkan balik kepada kementerian bahawa sudah berjaya menstrukturkan semula masalah kewangan dengan 15 buah bank yang terlibat dan juga telah dapat syarikat pembinaan yang bereputasi untuk menyertai pelan penyelamat mereka. Maka adalah dijangka rumah yang lewat ataupun 'sakit' belum sampai kepada tahap terbengkalai. Yang terbengkalai maksudnya ialah ia memang sudah tidak ada lagi penyelesaian, ia terus berhenti dan pemaju dikira sudah tidak berdaya lagi.

Dalam kes ini semua rumah yang lewat dan sakit itu telah pun mempunyai satu penyelesaian dan kementerian telah terima jaminan dan juga skim penyelamat supaya semua rumah yang terlibat akan siap dalam tahun ini dan tahun depan di mana kebanyakan rumah akan diserahkan kepada pembeli. Ini akan melibatkan juga ada kes-kes di mana salah sebuah syarikat telah pun di bawah 176 - kalau saya tidak silap, oleh kerana ia masih

belum keluar lagi dari masalah kewangan, maka tindakan mahkamah masih belum dapat diambil.

Walau bagaimanapun bagi pemaju-pemaju yang lain, kementerian saya melalui Bahagian Penguatkuasaan dan juga Pendakwa melalui Bahagian Perundangan telah pun mendakwa membawa bicara ke mahkamah. Terdapat 178 kes telah dibawa untuk dibicarakan dan terdapat 40 kes pemaju yang telah pun dijatuhkan hukuman atau disabitkan. Ini sebenarnya oleh kerana 40 kes ini tidak dihebahkan ataupun tidak diberi publisiti yang secukupnya, maka dapat persepsi macam tidak ada tindakan.

Saya telah beri arahan kepada pihak penguat kuasa dan juga pegawai undang-undang yang mendakwa supaya jadikan setiap kes ini *high profile*, kalau mahkamah jatuh hukuman kita umumkan mereka, siapa mereka dan juga hukuman.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Ong Ka Ting: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa semasa kita menunggu penstrukturan syarikat tersebut, satu keutamaan ialah membina rumah terlebih dahulu dan bayar kemudian. Saya ingat ini satu kaedah yang begitu adil kepada pembeli rumah. Ini kerana mereka terpaksa membayar sewa rumah dan juga kadar bunga di bank-bank tertentu. Kerana apa? Ini kerana kita pun tidak pasti bilakah rumah itu akan disiapkan, khususnya di kawasan Puchong, seperti di Saujana Puchong, Puncak Jalil dan seterusnya.

Saya berharap kalau boleh kita mesti pastikan bahawa kedua-dua keputusan dapat dijalankan serentak supaya dapat mengurangkan bebanan kepada pembeli rumah yang dikatakan telah membeli rumah yang sakit atau rumah yang bukan terbengkalai tetapi yang sakit ini. Saya hendak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya rasa Yang Berhormat silap faham apa yang saya kata. Kita tidak beri pengecualian dan kita tidak beri sesiapa pun kelonggaran supaya tidak bayar. Kalau tribunal sudah putus, dia tetap kena bayar. Kalau tidak bayar, kita dakwa dia. Tidak ada sesiapa boleh diberi keistimewaan. Maksud saya ialah kumpulan pemaju yang berkaitan ini, dia ada syarikat yang sudah di bawah... Saya diberitahu dari segi undang-undang, 176. Sementara untuk dia mencuba menghidupkan semula syarikatnya, dia tidak dapat didakwa. Dia ada satu perlindungan dari segi undang-undang, sehingga dia pulih seperti biasa baru boleh kita mendakwa.

Maknanya mereka tetap kena bayar, mereka tidak boleh lari. Maksud saya ialah kementerian hendak tengok supaya semua rumah yang lewat dan sakit, yang diusahakan oleh kumpulan yang sama itu, mereka mesti serah rumah secepat mungkin. Selepas itu dia kena bayar juga. Dia tidak boleh lari. Masalah ialah ada sebahagian kes itu tidak dapat didengar oleh tribunal. Bukan tribulan tidak mahu dengar, ia tidak dapat dengar dari segi undang-undang. Walau bagaimanapun, setiap rumah yang lewat itu semuanya kena ikut undang-undang, tidak ada pengecualian. Saya telah beri jaminan selama ini, saya tidak pernah beri pengecualian kepada mana-mana pemaju. Tidak kira dia siapa, kalau pun dia orang berpengaruh macam mana pun, kita tidak beri pengecualian. Dia tetap kena bayar apa yang telah di janji melalui SMP.

Maksud saya ialah tribunal ini masih berkesan, cuma yang ingkar itu mereka cuba pada suatu ketika, mereka ingat mereka lambatkan bayaran, bila mahkamah hendak dengar, baru mereka cepat-cepat bayar kepada pembeli dan mereka ingat mereka boleh dilepaskan. Mula-mula memang ada gejala macam ini, tetapi sekarang selepas bulan Mei hingga hari ini, kementerian saya tidak terima lagi sebarang alasan bahawa mereka boleh *settle out of court* sebelum tarikh perbicaraan. Kalau mereka *settle* sebaik sahaja

mahkamah hendak dengar pun, kementerian tetap dakwa, tidak beri lagi mereka gunakan alasan ini.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka sebut kita tubuh satu unit penguatkuasaan. Sebenarnya penguatkuasaan kementerian telah diarah untuk bantu pembeli. Jangan tunggu sampai pembeli hendak upah, hendak bawa *lawyer* sendiri. Yang penting ialah pembeli berkenaan perlu maklumkan kepada tribunal, sekretariat ataupun penguat kuasa kementerian supaya kita tahu mereka masih belum terima *award* dan dengan itu maka kerja pendakwaan akan diteruskan.

Saya percaya dengan kita menghukum dengan beratnya beberapa pemaju maka ia akan *deterrent effect* kepada semua yang lain. Sekarang ini mesej pun sudah mula diterima oleh pemaju yang berkenaan. Ramai sudah mula hendak selesaikan apa yang telah dikatakan belum jelas mengikut *award*.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini satu perkara, sebab tuntutan tribunal ditetapkan pada bulan April 2005. Sepatutnya setahun akan bayar, tetapi setahun lebih sehingga kini. Tetapi pembeli itu sudah hantar surat kepada Bahagian Pengawasan pada bulan Oktober pada tahun ini. Bolehkah Yang Berhormat memberi bantuan supaya perkara ini dapat dibayar? Kalau pemaju ini enggan berbuat demikian, terpaksa mengikut undang-undanglah. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Saya jawab secara keseluruhan. Maknanya semua kes, saya sudah kata jangan lepas satu pun. Penguat kuasa sudah tahu arahan ini. Jadi kalau ada kes spesifik, boleh rujuk kepada penguat kuasa kementerian saya. Bagi mereka yang enggan *award* telah pun senarai hitamkan secara pentadbiran selama ini. 160 syarikat pemaju telah disenaraihitamkan dan melibatkan 519 orang lembaga pengarah. Semua nama mereka telah dimasukkan ke dalam komputer kementerian saya dan mereka tak boleh lagi dapat apa-apa lesen untuk mana-mana projek. Kalau dia tubuh syarikat baru tetapi orang yang sama, dia tidak akan berjaya mendapat apa-apa lesen.

Tuan Pengerusi, program kemiskinan bandar memang sudah wujud dan sejumlah RM50 juta diperuntukkan di bawah RMK-7 di mana RM20 juta adalah untuk tahun ini, ia bukan RM800,000 lebih. Sebenarnya sudah ada perubahan siling RM20 juta, terdapat tujuh projek utama, bantuan perumahan dari segi sewa, pengurangan beban tanggungan keluarga dari segi bantuan persekolahan, pendidikan dan latihan, mengenal pasti peluang pekerjaan, bantuan ihsan, penduduk miskin dan Pusat Sejahtera serta juga mengumpul data. Ini merupakan tujuh projek yang sedang diusahakan oleh kementerian saya dari segi membantu kemiskinan bandar.

Kita akan tolong semua tempat di seluruh negara. Terdapat banyak kes-kes spesifik yang melibatkan pihak berkuasa tempatan yang tertentu dan juga kes-kes spesifik mengenai projek-projek tertentu. Saya rasa tak dapat saya jawab secara spesifik satu persatu. Saya sudah catat dan saya cuba dapatkan butiran selanjutnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, kita cuba bantu untuk selesai.

Mengenai kitar semula, memang Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal akan di bentang di Parlimen tidak lama lagi. Dengan itu banyak perkara boleh kita lakukan termasuk mewajibkan kitar semula dan juga melaksanakan dasar pengurusan sisa pepejal. Tapak-tapak buangan sampah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Mambong juga kita sedang mengkaji bagaimana menutup tapak-tapak buangan sampah dengan selamat dan dengan itu maka hala tuju memang sudah ada. 3R kurangkan sampah dahulu, selepas 3R kita akan terus melaksanakan konsep MRF dan RDF untuk *recovery of a solid waste* sebelum ia pergi *landfill*.

Landfill di Selangor, terdapat dua buah *landfill* diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menggantikan tapak pelupusan yang tidak lagi *sanitary* atau tidak mematuhi kehendak perlindungan alam sekitar. Bagi *landfill* Puchong, memang kita mahu ia ditutup menjelang hujung tahun ini, tetapi saya tidak tahu *landfill* Selangor dan juga *transfer station* Shah Alam itu kalau ia tidak siap, mungkin itu akan jadi satu masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya benarkan Peraturan di bawah 12(3), saya lanjutkan tidak boleh lebih daripada 15 minit. Saya minta Yang Berhormat habiskan dalam 10 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Yang Berhormat, saya gunakan peraturan di bawah 12(3), saya lanjutkan tidak lebih 15 minit. Saya minta Yang Berhormat menghabiskan dalam 10 minit. Boleh?

Dato' Seri Ong Ka Ting : Ya, saya cuba. Ya, saya cuba. Kalau hendak satu tarikh spesifik susah saya hendak bagi tetapi saya sama-sama prihatin macam Yang Berhormat bagi Puchong. Kita memang mahu tutup tempat itu secepat mungkin.

Pili bomba juga jadi satu masalah. Kementerian saya memang sudah memberi perhatian yang serius. Saya sendiri telah banyak bangkitkan perkara ini dengan Jabatan Bomba dan saya hendak tengok supaya pili bomba ini jadi satu usaha oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk membaik pulih, untuk mengesan, untuk menambah, untuk menjadikan tempat-tempat yang memang memerlukan pili bomba atau pili bomba sudah rosak atau hilang, dapat dibaiki dan ditambah.

PBT *close service* memang usaha sedang dijalankan supaya undang-undang akan dipinda untuk ini akan melibatkan satu lagi *major exercise*, melibatkan Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda, Perlembagaan Negeri perlu dipinda, Akta Kerajaan Tempatan perlu dipinda dan banyak lagi usaha dan kita berharap semua usaha ini kita akan mulakan pada tahun depan.

Tuan Pengerusi, masalah projek setempat saya ambil maklum permintaan Ahli-ahli Parlimen, di mana dapat saya beri kerjasama, saya akan cuba. Mengenai pasar, sebab ini juga merupakan masalah PBT tempatan termasuk Sandakan, Hulu Langat dan sebagainya. Saya kena semak semua fakta berkenaan dan saya cuba beri maklum balas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Mengenai rumah ibadat, garis panduan itu memang telah pun digariskan dan kerajaan negeri sepatutnya memantau semua PBT di bawah mereka dan lagi isu yang disebut mengenai di Pulau Pinang itu, memandangkan kerajaan negeri telah pun menguruskan perkara yang berkenaan, saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan untuk diberi kecuali apa yang kita sama-sama tahu yang tidak diumumkan oleh kerajaan negeri dan juga saya difahamkan ia telah dibahaskan di Dewan Undangan Negeri juga di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Selangor pun apa yang kita telah buat, Jemaah Menteri sudah ada pandangan bahawa semua tidak kira dia siapa tidak boleh lari dari undang-undang. Tidak kira dia ADUN kah atau Ahli Majlis kah dari parti mana. Ini pendirian tegas Kerajaan Persekutuan. Kerajaan negeri masing-masing perlu menjalankan dan menguatkuasakan undang-undang dengan baik, dengan telus supaya rakyat akan terima dengan baik. Ini semua bidang kuasa mereka, mereka kena bertugas dengan baik.

Kampung baru memang ada usaha oleh kementerian saya dalam *New Village Master Plan* hendak bantu semua kampung baru termasuklah kampung baru yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam dan kalau hendak *detail*, kita cuba dapatkan maklumat selanjutnya mengenai *cottage industry* dan sebagainya. Saya ambil maklum Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Seri Ong Ka Ting : Saya masa tak ada. Saya tak cukup masa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *The Indian, Hindu temples. What about the Hindu's temples?*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Dia tak bagi Yang Berhormat. Dia tak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *What about the Hindu temples?*

Dato' Seri Ong Ka Ting : Yang Berhormat bagi Ledang supaya bayaran kontraktor akan tetap sudah pun, saya akan terus memaklumkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya masalah kontraktor itu akan kita cuba selesaikan dengan mereka yang berkenaan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada masa lagi, 10 minit lagi.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Yang Berhormat bagi Kota Melaka, banjir tetap kita bantu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hanya kata dengan tokong *Indian Temple* tidak mahu cakap, mana boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Ong Ka Ting : Yang Berhormat bagi Kota Melaka punya konsep ialah kementerian saya sedang berusaha untuk membantu banjir Kota Melaka. Ini perlu pergi ke Jemaah Menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan ini macam.

Dato' Seri Ong Ka Ting : Tanah terbiar adalah di bawah kerajaan negeri. Tak bagi, saya tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Three Hindu temples* dirobohkan dan setiap tiga minggu.

Dato' Seri Ong Ka Ting : Tak bagi, saya tak ada masa. Tanah terbiar di bawah kerajaan negeri, kita akan cuba. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, balai bomba kekurangan kenderaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, jangan ganggulah Yang Berhormat, dia tak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini pun tak mahu peduli. Itulah, *that's why*.

Dato' Seri Ong Ka Ting: tukar paip, semuanya akan diambil perhatian dan kita akan cuba bantu di mana yang dapat.

Bagi Yang Berhormat bagi Pensiangan

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini tak *multiracial* lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tak *multiracial*.

Dato' Seri Ong Ka Ting: masalah bomba dan masalah yang dihadapi oleh bomba sukarela juga kita akan cuba bantu dan peruntukan kementerian kepada Pensiangan, ini kita perlu apa-apa bantuan melalui kerajaan negeri. Akan tetapi keperluan yang disebut, saya tetap ambil perhatian.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor telah kata kita kena tegas. Saya telah sebut tadi, memang kita tegas mengheret mereka ke mahkamah kalau mereka tidak mematuhi apa yang kita putuskan mengenai *landfill* ataupun tapak sampah di Batang Berjantai, saya telah sebut tunggu Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan dua *landfill* yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan apabila ia siap maka bolehlah kita tutup tapak pembuangan yang berbau.

Mencegah kebakaran adalah suatu juga kempen yang sedang dijalankan. Kementerian saya akan cuba menjayakan kempen kebakaran ini di seluruh negara tak kira di kampung ataupun di bandar. Ada beberapa fakta spesifik saya perlu semak dan tak dapat saya jawab dengan serta sebab Yang Berhormat termasuk juga yang Bukit Tagar tetap akan jadi satu pusat pelupusan dan *sanitary* yang kita akan guna yang dia punya

lebuh raya yang telah siap itu tetap akan diguna, dan tarikh dan bila saya akan semak selanjutnya. Kita akan bagi tahu Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam kempen kebersihan. Terima kasih kerana prihatin dan kempen kebersihan. Bomba Sukarela Sungai Air Tawar saya cuba dapatkan maklumat bagaimana dapat saya bantu dari segi sama ada peralatan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, secara ringkasnya seperti mana yang telah saya kata banyak perkara dibangkit, saya akan semak nanti termasuk *Hansard* apa yang kita boleh buat saya cuba bantu. Memang di luar daripada kuasa kementerian ataupun kerajaan negeri masing-masing sudah buat sesuatu memang tidak dapat kita panjang-panjangkan ceritanya di sini. Itu sahaja dapat saya jawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM846,848,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM846,848,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,665,500,000 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,665,500,000 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, urusan kita hari ini selesai. Dewan ditangguh sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.08 malam.